



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 26 NOVEMBER 2018 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham Bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Kelang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar, D.P.N.
(Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Bakhtiar Bin Mohd Nor (Semenyih)

Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrolrazi Bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey Bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin, D.I.M.P. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi
(Kota Anggerik)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Jamil Hasib bin Abd Karim
Encik Nilam Mersa bin Mansur
Encik Mohammad Redzuan bin Adam

Pelapor Perbahasan

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ke Empat Belas Pada 26 November 2018 dimulakan dengan Bacaan Doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Salam sejahtera. Saya menjemput Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker. Soalan No. 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : HUTAN SIMPAN DI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Berapa keluasan kawasan baru yang digazet sebagai Hutan Simpan Kekal di Negeri Selangor pada tahun 2018.
 - b) Sila nyatakan jenis pokok hutan yang endemik di Negeri Selangor dan apa langkah-langkah yang dirancangan untuk memeliharanya?

Y.B. TUAN HEE LOY SAN : Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan mantan EXCO Alam Sekitar yang *still* prihatin terhadap Hutan Simpan Kekal di Selangor. Untuk maklumat Yang Berhormat jumlah keseluruhan keluasan Hutan Simpan Kekal yang telah digazetkan telah meningkat daripada 250,129 hektar kepada 250,209 hektar iaitu pertambahan dua kawasan tanah kerajaan yang telah dijadikan Hutan Simpan Kekal iaitu di Hutan Simpan Bukit Lagong, 40 hektar dan Hutan Simpan Hulu Gombak Tambahan 3, 60 hektar. Pewartaan Hutan Simpan Hulu Gombak Tambahan 3 adalah bagi kawasan penggantian ke atas pemansuhan Hutan Simpan Kekal di Hutan Simpan Gombak bagi kegunaan tanah perkuburan. Pada masa kini pihak JPNS, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang giat dalam proses untuk mewartakan tanah kerajaan Taman Alam di Kuala Selangor seluas 292.18 hektar untuk dijadikan Hutan Simpan Kekal

sebelum akhir tahun 2018 jumlah keluasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Selangor akan meningkat kepada 250,501.18 hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat sejumlah hanya 19 spesies pokok sahaja yang endemik di Negeri Selangor. Selain itu jenis pokok shrub ada 24 spesies, 29 spesies pokok herba, pepanjat 5 spesies, epipfit 4 spesies dan 1 spesies pakis (Tuner, 1995). Manakala bagi berdasarkan kepada status Taksa Terancam bagi spesies pokok Dipterokarp di Negeri Selangor dikategori sebagai tiga (3) sahaja iaitu Critically Endangered (CR), Endangered (EN) dan Vulnerable (VU). Critically Endangered adalah merujuk kepada status spesies yang Sangat Terancam. Endangered adalah pada tahap status Terancam dan Vulnerable (VU) adalah berstatus terdedah kepada ancaman.

Bagi Negeri Selangor hanya terdapat tiga (3) spesies Dipterokarp berstatus Critically Endangered iaitu *Hopea Subalata* iaitu Merawan Kanching, *Shorea Teysmanniana* iaitu Meranti Bunga dan *Vatica Yeechongii*, ini semua saintifik lah. Ada terdapat enam (6) spesies berstatus Endangered dan 25 spesies berstatus Vulnerable. Kesemua senarai spesies mengikut kategori taksa adalah seperti di Jadual 1. Jadual 1 ni semua perkataan saintifik so saya akan bagi secara bertulis.

Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan kerjasama pihak Ibu pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPNSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia iaitu FRIM telah berjaya menyenaraikan kedudukan dirian ataupun kehadiran setiap individu pokok tersebut sebagaimana yang terkandung di dalam Buku Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia. Dengan adanya data sebegini, akan dapat membantu pihak JPNS di dalam membuat tinjauan dan kerja-kerja dilapangan serta melaksanakan kerja-kerja aspek-aspek pemuliharaan dan pemeliharaan bagi setiap spesies pokok tersebut. Antara langkah-langkah pemuliharaan yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. Mewujudkan kawasan HCVF.
2. Menubuhkan kawasan Protected Area (Pas) berserta dengan rangka kerja polisi dan perundangannya.
3. Penyelenggaraan kemandirian pokok tersebut dan pemuliharaan genetik sama ada melalui pemeliharaan *in-situ* dan *ex-situ*.
4. Menjadikan pokok tersebut sebagai pokok *growth plot* atau pokok ibu (kutipan anak benih atau buah).
5. Operasi pemuliharaan dan pemeliharaan habitat dan pengurusan secara komprehensif, bersistematik dan bersepadu.

6. Mewujudkan rangkaian hubungan di antara pemilik tanah atau pihak berkepentingan untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam pemuliharaan ini.

Sehingga pada masa kini, pihak JPNS telah menubuhkan tiga (3) kawasan Hutan Tinggi Nilai Pemuliharaannya (***High Conservation Value Forest*** ataupun ***HCVF***) iaitu Kompartmen 2 dan 14 di Hutan Simpan Kanching untuk spesies pokok Merawan Kanching dan spesies pokok Meranti Bukit di Kompartmen 5, Hutan Simpan Semangkok. Keluasan kawasan hutan berstatus HCVF adalah berjumlah 34.5 hektar. Selain itu, pihak JPNS juga telah menubuhkan 13 kawasan Hutan Simpanan Dara (VJR) dengan keluasan keseluruhan hutan berjumlah 2,278 hektar. Pihak JPNS telah menjadikan sebahagian pokok yang disenaraikan di atas sebagai pokok ibu dan petak *growth plot*.

Pada tahun 2019, pihak JPNS telah merancang untuk mewujudkan dua kawasan HCVF dan kedua-duanya terletak berhampiran Bukit Fraser iaitu bagi memelihara kawasan habitat dan dirian spesies pokok Damar minyak (*Agathis borneensis*) dan kawasan persinggahan burung. Seterusnya, setiap satu kawasan berkenaan akan diwujudkan Rancangan Pengurusannya secara komprehensif dan bersepadu serta melibatkan agensi-agensi berkepentingan yang lain.

Pihak JPNS juga akan mewujudkan peta kedudukan bagi setiap pokok yang telah disenaraikan dan akan menyebarkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan untuk bersama-sama di dalam mewujudkan pelan pengurusan kawasan persekitaran dan pembangunan yang akan dijalankan sekiranya melibatkan pokok-pokok tersebut. Sekian, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO yang telah menjawab dengan begitu panjang lebar. Persoalan saya tentang tanah Hutan Simpan di Gombak ya. Adakah dia merupakan sebahagian daripada jajaran bagi EKVE yang telah dihentikan kelulusannya ataupun adakah dia merupakan tanah yang melibatkan asalnya tanah yang telah diterokai oleh penduduk kemudian dirizabkan sebagai kekal dan dia tertakluk kepada pelanggaran Akta yang baru kita luluskan pada sesi yang lepas. Adakah dia di bawah EKVE ataupun dia di bawah peletakan kawasan baru Hutan Kekal? Ada makluman?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat. Disebabkan ini tak ada kaitan dengan soalan saya so saya akan dapatkan daripada pegawai ini untuk dapat maklumat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Ada kawasan-kawasan baru? Kawasan yang telah digazetkan sebagai kawasan Hutan Simpan Kekal. Kawasan itu asalnya dulu boleh digunakan. Ia ada kaitan ke?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ke Yang Berhormat merujuk kepada keratan akhbar yang baru-baru dikeluarkan di mana ya kita kalau kita hanya mengambil alih, menggazetkan Hutan Simpan ni menjadi tiga perkara yang pertama iaitu kalau kita membenarkan *highway*, untuk pembinaan *highway* dan kedua kita membenarkan kalau jajaran TNB nak gunakan laluan tu benarkan dan ketiga kalau ada jajaran air paip daripada Langat 2, kita bagi laluan tapi kalau kita ambil hutan simpan yang kekal yang di sana kita akan *replace* balik lah hutan simpan yang lain tu. So memang kita ini polisi Kerajaan Negeri Selangor, so tak ada hutan simpan yang akan sewenang-wenangnya diambil keluar hanya tiga perkara ini sahaja iaitu *highway*, air dan satu lagi tentang yang saya sebutkan tadi lah.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya agak spesifik mungkin kalau tak ada jawapan pada EXCO minta jawapan diberikan secara bertulis.

Berapakah jumlah kawasan hutan bakau yang juga digazetkan dalam hutan simpan kekal di negeri Selangor ini? Dan saya lihat antara spesies yang terancam ini adalah jenis pokok nyirih yang digunakan secara meluas oleh terutamanya oleh Masyarakat Orang Asli dalam kraf dan sebagainya dan apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk melihat perkara ini ataupun jenis pokok hutan ini yang terancam dan dapat dipelihara. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Sebabkan soalan ini spesifik berkenaan dengan bakau so saya tidak ada maklumat buat masa ini so saya akan berikan secara bertulis lah kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik. Bandar Utama

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Tuan Speaker, soalan saya No. 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH JENIS (A)

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sehingga kini masih terdapat 70,967 bilangan permohonan di bawah Kerajaan Negeri Selangor untuk Skim Rumah Selangorku (Jenis A). Apakah Kerajaan Negeri Selangor selepas ini akan merancang bagi memperbanyakkan Projek Rumah Selangorku (Jenis A)?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker. Sebelum saya menjawab pertanyaan daripada Bandar Utama saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang konsep asas Dasar Rumah Selangorku 2.0 kerana hal ini berkaitan dengan soalan-soalan yang dikemukakan. 18 pertanyaan soalan pertanyaan mulut yang diberikan kepada saya adalah berkaitan dengan Rumah Selangorku ataupun Rumah Mampu Milik ini. Jadi perlu saya terangkan di sini secara umum berkenaan konsep RSKU ini supaya dia tidak mengelirukan ya Yang Berhormat sekalian Dasar Rumah Selangorku 2.0 adalah Dasar Perumahan Negeri Selangor di mana konsepnya adalah Kerajaan Negeri mengeluarkan satu peraturan, syarat dan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh pemaju hartanah apabila mereka ingin membangunkan sesuatu projek perumahan. Apabila pemaju ingin membangunkan projek perumahan tersebut tanah yang ingin dibangunkan adalah bersaiz 5 ekar atau lebih maka pemaju itu disyaratkan menyediakan kuota Rumah Selangorku sebanyak 20% hingga 40% daripada keseluruhan pembangunan yang bakal dilaksanakan.

Perincian jenis RSKU yang akan dibangunkan adalah dinyatakan di dalam Dasar RSKU 2.0. Jadi secara umumnya pembinaan Rumah Selangorku ini adalah dilaksanakan oleh pemaju perumahan ya berdasarkan kepada Dasar dan panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan dalam hal ini Kerajaan Negeri tidak membina RSKU ya secara fizikal tetapi memantau serta memastikan pemaju membina RSKU mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan.

Jadi jumlah pembinaan RSKU di sesuatu kawasan juga bergantung kepada keluasan pembangunan perumahan di kawasan tersebut dan banyak projek perumahan yang akan dibina oleh pemaju-pemaju di kawasan berkenaan akan dibina oleh pemaju-pemaju di kawasan berkenaan akan dibina dengan kadaran peraturan kuota yang ditetapkan. Jadi secara mudahnya pemaju yang ingin membina rumah RSKU ini saiz tanahnya mesti 5 ekar dan lebih dan juga pemaju selepas itu pemaju akan menghantar permohonan untuk bangunkan tanah milik mereka kepada Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor untuk disemak sama ada dia mengikut garis panduan yang ditetapkan. Jadi saya menjawab soalan Bandar Utama berkaitan dengan bilangan pemohon yang dipetik di sini 70 ribu lebih ini sebenarnya adalah pemohon yang telah membuat permohonan yang belum disaring itu jumlah keseluruhan. Jadi apabila saring yang di lakukan selalunya

jumlah itu menurun kerana dia melihat daripada syarat layak untuk membuat pinjaman dan juga syarat-syarat layak untuk memiliki rumah RSKU. Jadi untuk makluman Bandar Utama bagi memastikan pembinaan Rumah SelangorKu terutamanya jenis A dibina Kerajaan Negeri sentiasa memantau pelaksanaan pembinaan rumah tersebut melalui satu jawatankuasa yang dibentuk khas ia memantau pembinaan hartanah harga terkawal. Sekiranya pihak pemaju tidak membina atau sengaja melambat-lambatkan pembinaan Rumah SelangorKu Kerajaan Negeri melalui PBT akan mengeluarkan *stop work order*. Jadi itu kita lihat ada beberapa pemaju yang ditarik balik kebenaran atau pun kelulusan membina RSKU kerana mereka telah melampaui tempoh yang mereka perlu mengambil tindakan terhadap pembangunan RSKU tersebut. Dan juga Kerajaan Negeri tidak akan menyokong pengeluaran sijil pengakuan dan pematuhan CCC serta tidak meluluskan permohonan Kebenaran Merancang bagi pembangunan perumahan harga bebas atau lain-lain pembangunan sekira syarat tidak dilaksanakan. Selain pemantauan pembinaan projek Kerajaan Negeri juga menguatkuasakan pemantauan aktiviti pemasaran yang dibuat oleh pihak pemaju. Pihak pemaju perlu mengilang serta mempromosikan projek-projek RSKU yang dibina supaya diketahui oleh rakyat bagi memudahkan bakal pembeli membuat semakan serta membuat permohonan rumah-rumah tersebut. Dengan adanya langkah-langkah tersebut ia dapat memastikan matlamat atau pun objektif Kerajaan Negeri untuk merancang serta memperbanyakkan projek rumah Selangor Ku ini dapat tercapai. Jadi itu sahaja sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Berkaitan dengan soalan tambahan banyak pemaju yang telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Kadangkala mengambil masa yang begitu lama untuk membina kos rumah kos rendah sehingga melangkah 10 tahun, lebih kurang. Jadi melibatkan satu kawasan perumahan yang besar, jadi tidak boleh tak Kerajaan Negeri mewajibkan pembangunan itu mesti dilakukan serentak untuk kos rendah dan lain-lain yang mereka melaksanakan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Morib. Morib dengar jawapan saya tadi memang jawatankuasa yang memantau pembangunan RSKU. Ini akan melihat apa itu progres atau pun perkembangan permohonan dibuat dalam tempoh 18 hingga 36 bulan tersebut kalau sekiranya tidak ada apa-apa tindakan pihak pemaju maka kelulusan yang diberi akan ditarik balik. Dan memang jawatankuasa ini mensyaratkan pembinaan RSKU itu dibuat paling awal atau pun serentak dengan pemajuan yang lain atau pun harga bebas. Itu memang syarat yang kita wajibkan jadi pemantauan jawatankuasa ini akan memastikan perkara itu dilaksanakan.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAN BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : HAD MUATAN BERAT LORI BAGI PROJEK PERUMAHAN DI DALAM
KAWASAN KAMPUNG**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menetapkan had muatan berat lori bagi tujuan projek perumahan di dalam kawasan kampung bagi mengatasi masalah kerosakan jalan?
- b) Bagaimanakah cara Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap syarikat ini menurap semula jalan-jalan yang rosak akibat projek mereka?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Pelabuhan Klang. Penetapan had pembuatan kenderaan perdagangan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Awam atau pun JPJ. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan akan sentiasa mengawal perkara ini bagi mengatasi masalah kerosakan jalan. PBT sentiasa memastikan agar setiap pemaju perumahan menurap semula jalan-jalan yang rosak dan ini telah ditetapkan dalam syarat-syarat pembangunan yang dipatuhi oleh setiap pemaju. Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah yang :-

- 1) Pihak pemaju perlu menurap semula jalan sedia ada sempadan projek berkaitan sebelum mendapatkan sokongan CCC projek perumahan dari PBT atau JKR daerah.
- 2) Sekiranya pihak pemaju didapati tidak menjalankan kerja dengan baik terhadap jalan awam dan perabot-perabot jalan yang sedia ada pihak PBT atau pun JKR Daerah akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan bayaran kos kerja akan diambil dari wang cagaran yang telah dijelaskan.
- 3) Pihak Pemaju tertakluk di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 atau pun Akta 133 dibaca bersama-sama Undang Kecil mengkompaun kesalahan-kesalahan jalan parit dan bangunan 2005 dan hendaklah mematuhi arahan PBT dari masa ke semasa.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Masalah jalan raya ini oleh sebab keadaan yang lebih berat amat ketara. Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk wujudkan satu jawatankuasa sebab ada kalanya pihak salahkan Polis, salahkan JPJ, salahkan PBT mungkin saya nak dengar dari EXCO buat satu jawatankuasa tiga agensi untuk mengatasi masalah ini sebab macam di Ijok jalan Sagar, Jalan Bestari Jaya ke Ijok buat 6 bulan rosak. Ini merugikan kewangan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tadi saya telah menjawabkan bahawa penetapan had buatan perdagangan bukan bawa bidang kuasa Kerajaan Negeri telah bawah bidang kuasa JPJ. Masalah dulu itu agensi-agensi tidak dapat bekerjasama Kerajaan kerana Kerajaan tidak sama. Saya nampak Kerajaan sekarang telah berubah kita dapat bekerjasama dengan semua agensi termasuk agensi di bawah Kerajaan Pusat. Cadangan daripada YB Ijok saya nampak adalah satu cadang yang baik dan Kerajaan Negeri akan mengkajikan cadangan ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru, Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Boleh? Berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Ijok tadi kalau kita lihat di Meru memang jadi permasalahan banyak jalan-jalan tak sesuai dan juga kalau kita lihat pembangunan tak seimbang dengan infra yang ada khususnya di Meru. Pembangunan hebat kilang banyak naik tapi jalan macam tahun 30an, 40annya. Dan kalau kita lihat keadaan di Meru ini menyebabkan akan mengagalkan rancangan ekonomi negeri untuk dijadikan supaya Selangor ini Negeri yang maju di mana kita lihat dia juga sahaja merancang pembangunan ekonomi di situ tetapi imej negeri Selangor itu sendiri kawasan Industri tapi dalam masa yang sama kita jadikan tempat itu kawasan yang undur dengan pembangunan infra yang tak seimbang. Kita harap perkara Kerajaan negeri dapat perhatian. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ini soalan ke maklumat?

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ini tak perlu jawab sebab ia makluman sahaja.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih, ambil maklum.

TUAN SPEAKER : Saya minta Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : DASAR PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN NEGERI

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengkaji semula dasar pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri kepada individu untuk tujuan bangunan kediaman atau pertanian memandangkan dasar yang sedia ada telah digunapakai 10 tahun sejak tahun 2008? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker dan Kuala Kubu Bharu. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, Kerajaan Negeri sememangnya dalam proses untuk mengkaji semula dasar pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri kepada individu untuk tujuan bangunan kediaman atau pun pertanian. Berkaitan dengan dasar tersebut Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat EXCO-MTES Bil. 24/2018 bertarikh 8 Ogos 2018 telah mengarahkan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor untuk mengkaji semula dasar pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri kepada individu untuk tujuan kediaman dan pertanian. Perkara ini juga telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian bersama dengan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor Bil. 4/2018 pada 2 November yang lalu. Perkara ini masih di peringkat kajian dan perbincangan secara menyeluruh dan satu bengkel akan diadakan pada akhir Disember ini bersama agensi-agensi yang berkaitan kerana ianya melibatkan pelbagai aspek perundangan dan teknikal. PTGS akan mengadakan taklimat kepada semua Stakeholders termasuk Ahli-ahli Dewan Negeri setelah beberapa butiran-butiran dapat dikenal pasti dan dapat disimpulkan daripada bengkel-bengkel dan pertemuan-pertemuan dianjurkan oleh pihak PTGS. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan tambahan adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan satu jawatankuasa tanah daerah? Misalnya mungkin ada permohonan daripada individu atau pun orang tertentu yang memohon tanah dengan pihak Pejabat Daerah dan pihak Pejabat Daerah ada satu jawatankuasa sebelumnya ia diangkat ke PTG atau pun ke Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

Y.A.B TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Batang Kali. Jawatankuasa tersebut ia wujud di peringkat daerah. Apabila semua jabatan teknikal seperti jabatan Pihak Berkuasa Tempatan Jabatan Pengairan dan Saliran akan terlibat untuk memberikan ulasan-ulasan teknikal terhadap sebarang permohonan-permohonan tanah sebelum diangkat daripada pihak berkuasa negeri Selangor. Cumanya semenjak daripada tahun 2008 pihak Kerajaan Negeri tidak memasukkan Ahli-Ahli Dewan Negeri sebagai Ahli Jawatankuasa Tanah Daerah untuk memastikan kelangsungan *separation of power* atau pun pengasingan kuasa di dalam pentadbiran ini dan kita akan

mempertahankan prinsip tersebut untuk memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan atau pun sebarang keputusan-keputusan yang dianggap bias dan tidak seimbang. Namun begitu maklumat tentang permohonan tanah boleh didapati oleh pihak-pihak Ahli Dewan Negeri kepada Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah untuk memantau dan memberikan nasihat daripada masa ke semasa tak perlu menduduki sebagai Ahli Jawatankuasa Tanah Daerah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Tuan Speaker, berkenaan dengan tanah yang dipohon oleh rakyat yang berjaya membuktikan mereka telah menduduki tanah lebih daripada 50 tahun sikap Kerajaan Negeri kepada pemohon yang boleh membuktikan dia adalah peneroka awal atau pun ia mengerjakan tanah tersebut lebih 50 tahun.

YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih saya rasa ini sangat jelas sebab daripada 2008 Kerajaan Negeri telah memberikan peluang kepada rakyat yang mungkin tidak dapat peluang sebelum itu untuk mendapat milik tanah yang mereka duduki puluhan yang lepas. Dan dasar kita masih kekal sejak 2008 pihak kepada mereka menduduki dan kalau betul mereka duduk tidak berniat untuk menjual aset nilai tersebut mereka boleh mendapatkan mengikut peraturan yang sedia ada dengan kos lebih kurang 1,000 daripada harga sebenar dan Namun mereka berniat untuk menjual atau mendapat aset daripada rubber daripada transaksi tersebut maka mereka terpaksa membayar kos atau pun harga pasaran yang dipohon oleh mana-mana individu

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan no. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : **INFRASTRUKTUR KAMPUNG KOMUNITI INDIA**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan rancangan untuk menyelesaikan isu-isu infrastruktur dan masalah perkampungan yang tidak mempunyai perancangan teratur di kawasan kampung masyarakat India.
- b) Adakah satu peruntukan khas seperti kampung tradisi dan kampung baru akan wujud untuk menyelesaikan masalah infrastruktur kampung masyarakat India?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker di bawah jawatankuasa tetap Kerajaan prihatin Kerajaan Negeri bertindak memantau aktiviti dan program setiap komuniti kaum India yang dilantik bersama Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan. Walau bagaimanapun bagi isu-isu yang melibatkan Infrastruktur dan Perkampungan yang tidak mempunyai perancangan teratur di kawasan kampung masyarakat India adalah terletak di bawah pihak Berkuasa Tempatan Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain agensi yang berkenaan. Saya yakin dan percaya bahawa setiap agensi berkenaan sentiasa peka dan prihatin serta mempunyai perancangan khusus untuk menangani isu infrastruktur serta masalah perkampungan tidak tersusun di kawasan masyarakat India bagi memastikan penambahbaikan dapat dibuat dari masa ke semasa. Dalam pada itu, seperti yang telah dimaklumkan sebentar tadi, semua isu yang melibatkan infrastruktur perkampungan masyarakat India, adalah di bawah tanggungjawab pihak yang berkenaan. Namun cadangan Yang Berhormat Rawang, untuk mewujudkan peruntukan khas, seperti mana kampung tradisi dan kampung bagan dan kampung baru cina adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, kajian menyeluruh perlu dibuat oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu bagi memastikan cadangan tersebut benar-benar menepati keperluan kumpulan sasaran.

TUAN SPEAKER : Kg. Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan 8.

TUAN SPEAKER : Enam.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Enam, maaf.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : TAHAP PERKHIDMATAN WIFI SELANGORKU

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Senaraikan bilangan kawasan yang dibekalkan dengan perkhidmatan Wifi Selangorku mengikut DUN.
 - b) Meskipun Wifi Selangorku telah dipasang untuk kawasan Kg. Baru Sungai Way, ia tidak berfungsi. Jelaskan rancangan untuk memastikan tempat liputan Wifi Selangorku berfungsi dengan baik.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Kg. Tuanku, Kg. Tunku, yang begitu prihatin terhadap tahap perkhidmatan Wifi Selangorku di DUN Kg. Tunku dan juga Selangor. So, untuk maklumat Yang Berhormat, bilangan hotspot perkhidmatan Wifi Smart Selangor (WiFiSS) mengikut DUN adalah seperti berikut :-

Banyak ni jumlah, nak sebut semua, atau saya hanya bagi lima yang tertinggi. Yang pertama, DUN Kota Anggerik yang mencatatkan 477 jumlah hotspot Wifi, yang kedua, merupakan Sungai Ramal, dekat Bangi, mencatatkan 323, yang ketiga, merupakan DUN Dengkil, 263 Wifi, yang keempat merupakan Kota Damansara, 157, yang kelima, Bandar Utama, mencatatkan 136. So untuk DUN Kg. Tunku, terdapat hanya 34. Saya akan bagi secara bertulis tentang semua DUN-DUN yang mempunyai jumlah hotspot Wifi ini.

Yang kedua, terdapat hotspot WiFiSS yang telah dipasang di kawasan Kg. Baru Sungai Way, di mana tiga hotspot WiFiSS tersebut berfungsi dengan baik dan dua hotspot WiFiSS mengalami gangguan perkhidmatan. Smartsel Sdn. Bhd., syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor yang dipertanggungjawab untuk mengawal selia operasi WiFiSS telah menghubungi wakil komuniti di kawasan tersebut untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang diperlukan.

Bagi tujuan pemantauan dan memastikan hotspot WiFiSS berfungsi, sebuah *dashboard* telah siap dibangunkan. Kesemua hotspot yang disediakan oleh syarikat pembekal utama WiFi telah pun dimuat naik ke dalam sistem *dashboard* tersebut. Usaha untuk mengintegrasikan kesemua hotspot ke dalam sistem *dashboard* tersebut akan dipercepatkan bagi memantapkan sistem pemantauan hotspot WiFiSS. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ingat soalan ini pun dah diutarakan dalam penggal-penggal yang lepas. Dan kita maklum taburan yang kita gunakan tidak sekata. Cuma apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk supaya taburan ini menyeluruh. Dan sebahagian di kawasan di luar bandar ini terlalu teruk dia punya capaian. Mungkin ada strategi tertentu yang boleh dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Sijangkang. Untuk kawasan Sijangkang, berapa, saya tengok ya, terdapat hanya 25 setakat ini. Tapi masih boleh ditambahkan. So, untuk maklumat Yang Berhormat, mulai tahun depan, kita akan fokus di luar bandar. Kita akan kerjasama dengan Telekom Malaysia untuk kita bekalkan lebih banyak WiFi ke dalam luar bandar. So, itu tujuan negeri Selangor supaya kita menjaga juga orang-orang kampung kerana tebusan jalur lebar di kampung masih

rendah di Selangor. Kita akan cuba usaha yang terbaik untuk menambahkan lagi jalur lebar WiFi di luar bandar. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Sementa maklum bahawa taburan untuk WiFi di kawasan Sementa adalah agak rendah, jadi adakah pemasangan hotspot WiFi selangorku ini perlu mendapat permohonan kepada pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak Pihak Kerajaan Negeri sendiri akan turun dan mengenal pasti kawasan-kawasan yang memerlukan pemasangan hotspot-hotspot ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Sementa. Ya, DUN Sementa mencatatkan hotspot yang paling rendah, cuma 4 sahaja. Saya harap ADUN kena main peranan yang penting, kerana kita tidak tahu mana kawasan yang perlu WiFi. So, saya harap ADUN-ADUN, Ahli Dewan Negeri boleh bagi maklumat di mana kawasan yang perlu WiFi, di mana kawasan tumpuan. Kita akan usaha yang terbaik untuk bawa WiFi ke kawasan DUN. So jangan tunggu, sebagai wakil rakyat, kita perlu maklumat, daripada wakil rakyat di mana tempat yang sesuai untuk pasang WiFi. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Kalau tadi rakan-rakan YB menyatakan bahawa Sijangkang, Sementa,

TUAN SPEAKER : Seri Setia, saya minta perbetulkan. Kita sebut Yang Berhormat. Saya tidak benarkan sebut YB, Yang Berhormat.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Tak apa, tak apa.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Minta maaf, budak baru. Terima kasih Tuan Speaker. Macam mana rakan-rakan saya Yang Berhormat Sijangkang, Yang Berhormat Sementa menyatakan, kawasan luar bandar mengalami masalah WiFi. Tetapi di dalam kawasan dalam bandar, contohnya macam Seri Setia dan Taman Medan. Setahu seingat saya, dah ada tiangnya, tetapi masih belum selesai WiFi-nya. Di kawasan Seri Setia pun ada juga. Dan ada tak satu formula yang boleh menyelesaikan secara cepat tentang isu ini. Contoh di Seri Setia, kawasan di Seri Setia, ada WiFi tetapi tidak menyeluruh kawasannya. Hanya di kedai kopi, hanya berapa jarak meter sahaja. Saya nak cadangkan supaya kalau boleh diperbaiki lagi dan dipercepatkan penyelesaian masalah wifi ini, bukan sahaja di kawasan luar bandar tetapi di dalam bandar juga. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SAN : Terima kasih Yang Berhormat Seri Setia. Untuk makluman DUN Seri Setia mempunyai 85 kawasan wifi. Dan untuk di Taman Medan, Seri Setia, merupakan kawasan yang sama. Dan kawasan ini merupakan tempat yang pertama kita melancarkan wifi percuma pada masa itu. Tapi kita mempunyai masalah syarikat yang tersebut telah pun bankrup. Ada struktur semula, dan syarikat ini telah pun mohon semula dengan kerjasama MBPJ untuk start lagi WiFi yang disediakan. Tapi kerajaan Negeri masih semak semula sama ada syarikat itu masih mampu untuk menjalankan tugas ini. Dan untuk makluman, kita akan, Selangor akan melancarkan WiFi Smar Selangor 2.0, di mana kita akan kerjasama dengan TM dan juga pembekal lain, supaya kita bawa WiFi yang lebih canggih, lebih cepat ke kawasan DUN masing-masing. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Minta maaf Tuan Speaker, saya nak tambah sikit, Tuan Speaker. Isu ini sebenarnya dah lama. Daripada awalnya dulu, saya setuju apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tentang, apa nama, satu syarikat yang mengalami masalah. Masalah ini saya kenal pasti bahawa dari 2008 lagi, selepas sahaja WiFi kita dilancarkan sehingga ke hari ini, belum ada penyelesaian. Dan saya mencadangkan, Tuan Speaker, kalau ada PBT, yang satu PBT yang berkemampuan untuk menyelesaikannya, saya cadangkan supaya PBT yang berkemampuan menyelesaikannya, biarlah dia selesaikan. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Perlu jawab. Okey, ya, saya memang setuju dengan Yang Berhormat Seri Setia, dan kita masih tertakluk dengan perjanjian dengan syarikat itu. So, kita tak boleh sewenang-wenangnya untuk tamatkan kontrak dengan syarikat itu. Dan syarikat itu sekarang mampu, dia kata mampu dan telah pun memajukan proposal mereka dan kita akan check dengan MBPJ sama ada perkara ini boleh diteruskan atau kita guna cara lain. So, saya janji akan semak semula perkara ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan tambahan berkenaan dengan Wifi Selangorku. Yang pertamanya, berapakah taburan jumlah Wifi di kawasan DUN Sungai Panjang. Dan yang kedua, adalah soalan saya, soalan tambahan saya adalah, apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik taburan kawasan liputan Wifi Selangorku ini melalui liputan kawasan-kawasan yang telah di implement, dengan izin, oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini melalui pusat-pusat Internet Satu Malaysia ataupun pusat-pusat Internet komuniti.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih. Soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang. Di DUN Sungai Panjang terdapat 96 hotspot. Walaupun DUN ini kita, Pakatan Harapan tak pernah menang, tapi kita tetap memberikan perkhidmatan yang cukup, iaitu 96, kalau dibandingkan Sementa, tengok, 4 sahaja. Itulah, kehebatan Kerajaan Pakatan Harapan. Kita tidak kira siapa, Pembangkang ataupun Kerajaan, DUN kita tetap

bekalkan. Memberi khidmat secukupnya untuk kawasan itu. Dan, ya, kita akan bekerjasama dengan Telekom Malaysia. Dulu memang kita ada masalah. Dua agensi yang berlainan, Kerajaan yang berlainan, Telekom Malaysia tak mahu kerjasama dengan pihak Selangor. Dan kali ini kita telah pun bermesyuarat, dua tiga kali dah, kita akan bekerjasama supaya kita dapat memajukan jalur lebar ini ke kawasan luar bandar terutama di DUN Sungai Panjang. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Tuan Speaker, saya nak soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Saya tak benarkan. Cukuplah. Saya jemput Yang Berhormat Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan Ijok nombor 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : MASALAH BANJIR

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Tiap kali hujan lebat di kawasan Ijok, banyak kawasan perkampungan di landa banjir kilat. Apakah perancangan dari pihak Kerajaan Negeri (JPS & JKR) untuk mengatasi masalah ini?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih kepada Yang Berhormat Ijok di atas soalan yang berkaitan dengan banjir di kawasan Ijok. Kawasan Ijok ini bagaimana sebahagian kawasan di tempat lain merupakan kawasan yang rendah, yang terdedah kepada banjir kilat. Jadi untuk perancangan jangka pendek, bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Ijok ialah ini ialah dengan memasang pam bergerak bagi mengeluarkan air banjir daripada kawasan sekitar Ijok untuk disalurkan keluar ke Sungai Buloh. Kerana Sungai Buloh ini, pada, kalau ketika hujan yang sangat lebat, air Sungai Buloh melebihi ataupun berada di kadar yang tinggi daripada kawasan perkampungan. Menyebabkan air sungai itu mengalir masuk ke kawasan kampung. Jadi terpaksa dipam air keluar. Untuk perancangan jangka panjang, adalah seperti berikut :-

1. Pelaksanaan projek menaiktaraf pintu kawalan pasang surut Sungai Buluh, Kompartmen B, sedang di bina baru di kampung Ijok dan dijangka siap pada 18 Julai 2019. Dengan kos sebanyak RM1,994, 600.00.
2. Pelaksanaan projek rancangan tebatan banjir RTB Jajaran Sungai Buloh. Di mana pada masa kini sedang dalam proses untuk di tender semula dengan anggaran kos sebanyak RM50 juta. Skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut :-

- i) Satu kajian membina rumah pam yang bersesuaian dengan kapasiti air dan keluasan kawasan Ijok.
- ii) Mendalam dan melebar Sungai Buluh.
- iii) Menaiktaraf struktur benteng atau ban dan tebing Sungai Buluh.

Jabatan Pengairan dan Saliran daerah Kuala Selangor juga telah membuat perancangan kerja setiap tahun untuk kerja-kerja pembersihan parit di kawasan Ijok. Senarai parit bagi kerja-kerja pembersihan yang telah siap dan sedang dilaksanakan ada dilampirkan. Panjang, kalau saya nak sebut di sini, Cuma saya boleh sebut sini, meliputi 40 kawasan parit dan hampir 38 telah pun siap. Ada 2 lagi sedang dilaksanakan, iaitu yang sedang dilaksanakan ialah di parit Palan Sakun, Kampung Bukit Badung, dan yang kedua ialah parit Jalan Pusara Ahmad Mukri, Kampung Ijok dan Kampung Bukit Badung. Jadi 2 daripada 40 ini sedang dilaksanakan. Yang lainnya telah di selenggara. Ok. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD: Soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor telah merancang jangka panjang untuk mengatasi banjir tetapi banjir masih berlaku musim hujan ini yang saya dapati banyak parit-parit tidak diselenggarakan, rumput tinggi, sampah sarap pun memenuhi parit-parit. Biasanya bila kita buat aduan. JPS kata dah tulis surat kepada Selangor/kepada Persekutuan dan juga salahkan JKR. JKR salahkan JPS sebab kawasan yang diselenggarakan ada kawasan jalan dan juga kawasan JPS. Ijok ingin hendak tahu adakah satu-satu jawatankuasa sekarang Putrajaya dah balik kepada apa, kami pegang, Pakatan Harapan pegang. Adakah satu *afford* untuk menyatukan jabatan macam ini untuk merealisasikan masalah banjir dan juga penyelenggara parit-parit separuh kata ini parit JKR?

TUAN SPEAKER: Ijok, soalan tambahan seharusnya ringkas.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD: Ok terima kasih. Saya hendak tahu

TUAN SPEAKER: Ini macam nak jawab soalan dewan.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD: Kerajaan Negeri Selangor bersatu objektif samakan jabatan you untuk mereka.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM: Terima kasih Yang Berhormat Ijok sebenarnya apa yang timbulkan oleh Yang Berhormat adalah perkara-perkara yang awal ditimbulkan saya bincang secara mendalam dikalangan agensi dan jabatan yang berkaitan dengan bukan sahaja pengurusan longkang dan parit dan sungai tetapi juga tentang jalan. Untuk ramai tidak memaklumi ini. Sebagai contoh longkang-longkang di kiri kanan jalan sebenarnya di bawah tanggungjawab JKR itu ramai tidak tahu. Ramai orang anggap longkang ini di

bawah JPS. Sebenarnya itu salah. Terdapat kekeliruan. Lagi satu, longkang ini yang menjadi kekeliruan adalah apabila berlaku di kawasan PBT tidak tahu siapa punya. Ada berlaku saya terima aduan. Banyak. Ada longkang yang diselenggara tapi tidak di selenggara kerana masing-masing tidak mengaku longkang itu mereka punya. Jadi ini berlaku. Saya akui dan kita telah pun mengadakan beberapa siri perbincangan dan bengkel dan kita telah pun mengambil bagaimana langkah-langkah yang diambil. Termasuk menyediakan inventori di setiap jabatan termasuk PBT. Kita baru 2 minggu lepas kita mengadakan pertemuan secara mandat dan **detail** dari segi teknikal bagaimana kita hendak pastikan di setiap kawasan daerah masing-masing longkang-longkang, sungai dan sebagainya. Terutamanya longkang lah. Sebab sungai itu jelas di bawah JPS. Tapi yang longkang memang ada sedikit permasalahan yang melibatkan JKR, JPS dan juga pihak PBT, ini sedang selesaikan untuk kita pastikan semua infrastruktur ada tuan punya dan perlu di selenggara mengikut KPI yang kita telah tetapkan. Ini yang sedang kita selenggarakan. Yang keduanya, dan sedia maklum bahawa masalah banjir ini bukan masalah-masalah longkang-longkang sungai ia lebih daripada itu lagi. Bagaimana berlaku pada baru-baru ini, dua minggu lepas di mana berlaku penurunan hujan yang sangat luar biasa, di sekitar hampir 180 mililiter. Kalau biasa tu hujan dalam 50-80 tapi hari itu berlaku 180 mengakibatkan kebanjiran. Keadaan yang luar biasa begini kemampuan kita untuk menyediakan infrastruktur hampir mustahil. Cuma kita boleh ringankan dengan menyelenggarakan 3 perkara. Pertama ialah parit, longkang dan sungai. Dan kedua – paling bermasalah ialah kolam takungan banjir yang sehingga ke hari ini masih belum ada, masih ada belum di bawah tanggungjawab JPS yang sedang kita uruskan, kita usahakan, untuk kita uruskan lebih kurang 400 lebih yang di bawah JPS hanya 40. Ini perlu kita selesaikan dari segi tanggungjawab untuk menguruskan kolam-kolam takungan banjir ini. Ketiganya adalah apabila berlaku saya melihat senarai hot spot banjir ini dan sering berubah-ubah kerana kawasan baru mula banjir. Kadang-kadang tiga tahun tidak banjir tapi tahun ini dia banjir. Jadi tempat-tempat itu kita perlu beri keutamaan kepada sesiapa yang perlu, yang paling kerap banjir. Sebab kos untuk kita mengadakan perancang tebatan banjir ini sangat tinggi dan makan masa untuk kita laksanakan. Ini yang sedang kita usahakan untuk pengurusan banjir. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih jawapan daripada EXCO. Yang Berhormat EXCO. Di Kota Damansara ada dua kawasan yang sangat kerap dan telah lama banjir iaitu Kampung Melayu Subang dan Kampung Bharu Sungai Buloh. Soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO, peruntukan RM50 Juta adakah melibatkan untuk menyelesaikan masalah banjir di Kampung Melayu Subang dan Kampung Baharu Sungai Buloh? Terima kasih.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM: Terima kasih Kota Damansara. Sebarang projek yang kita buat ini, banjir ini ia tidak spesifik kepada kawasan itu. Kita buat perancangan di

kawasan menyeluruh dan berhampiran yang terlibat dengan banjir. Mungkin sebahagian akan terlibat dan mungkin sebahagian tidak. Jadi bergantung pada keluasan dan tempat kajian yang kita buat di tempat itu. Tidak spesifik lah, jika banjir di Ijok kita buat di Ijok sahaja, tidak. Itu jangka pendek. Untuk jangka panjang kita lihat keseluruhan, kawasan yang terlibat dengan banjir itu untuk kita bangunkan supaya dapat menyelesaikan. Dan saya telah pun bercerita dengan Yang Berhormat berhubung dengan aspek untuk tebatan banjir di kawasan Yang Berhormat telah saya ceritakan dan melibatkan juga perpindahan mereka-mereka yang mendirikan bangunan di atas sungai. Itu sebahagian proses untuk kita menyelesaikan isu banjir di kawasan Kampung Melayu Subang.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TONY LEONG TUCK CHEE : Untuk pengetahuan Klang, bandar Klang adalah padat dengan penduduk dan sentiasa berlaku banjir. Dan saya difahamkan oleh JPS bahawa Klang adalah tempat paling rendah di bawah paras air laut dan cadangan mereka untuk menambah kunci pintu air. Adakah Kerajaan Selangor akan memperuntukkan untuk menambahkan kunci pintu air untuk mempercepatkan air keluar ke laut. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM: Saya rasa soalan Yang Berhormat ada dalam senarai. Nanti saya akan jawab kemudian. Jadi memang ada, sebab soalan banjir ini Yang Berhormat Tuan Speaker banyak sangat jadi saya ikut aturan ya. Ada pada YB-YB yang lain. Tapi secara maklum bahawa Klang ini kawasan berlaku banjir kerana Sungai Klang airnya *back flow* dari Sungai Klang perlu banyak pintu air kunci air perlu disediakan. Ini kita akan lihat mengikut kesesuaiannya. Saya juga dimaklumkan juga, dalam pembangunan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Rasau memang ada dalam pelaksanaan kita ya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan. Dari segi pengurusan banjir ini saya tertarik penyelesaian yang dibuat melalui model saya lihat di JPS Klang di mana salah satu faktor di kenal pasti dalam kesukaran menyelesaikan malah banjir adanya pebetung-pebetung di buat rumah-rumah ini. Kebiasaan rumah-rumah ini yang menghalang untuk apa ini pembersihan parit-parit. Tapi saya lihat saya ingat di Meru, Klang JPS telah membina jambatan-jambatan bagi membaiki sistem saliran air. Soalan saya adakah model ini boleh dikaji dan digunakan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku terutamanya banjir kilat disebabkan oleh kesukaran dan kekangan ada pebetung-pebetung menghalang pengaliran semasa banjir.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM: Kita melihat semua sudut itu antara cadangan sedang lihat. Bahawa dalam saya hendak beri maklumat Yang Berhormat semua daripada masalah dengan saliran ini ataupun usaha kita untuk membuat pembersihan ini.

Kadang-kadang kiri kanan tempat parit atau sungai ada binaan atau pun ada struktur-struktur yang tidak dibenarkan tapi dirikan jadi jika hendak buat pembersihan itu menjadi gangguan. Keduanya, jika ada banyaknya atau kadang-kadang bukan sahaja pembedungan paip air dan juga sebagainya yang melalui kawasan saluran ini ia menyekat sampah. Saya perhatikan banyak tempat saya turun tiap kali hujan sampah akan menyekat di situ dan menambah lagi masalah saluran di situ. Ini yang berlaku menyebabkan banjir kilat berlaku dengan cepat. Sebab itu kita usaha untuk pastikan tidak ada sebarang halangan struktur yang melalui/melintasi kawasan sungai. Ini antara masalah besar, sampah akan sangkut di situ. Bila sampah sangkut air akan cepat **back flow** ke kawasan-kawasan. Ini usaha yang sedang kita buat dan juga kita juga mengenal pasti kawasan-kawasan yang tidak ada pembedung, tiada saluran air keluar pun ada. Ini cari jalan tanah soal pihak milik persendirian dan sebagainya. Ini yang kita menghadapi masalah. Di Klang juga dimaklumkan, Pekan Raja ada kawasan-kawasan perkampungan ada air tidak boleh keluar sebab tiada longkang kerana tanah persendirian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Oleh kerana isu banjir kilat panas. ADUN-ADUN begitu prihatin maka ada dimaklumkan oleh EXCO tadi banyak soalan mengenai isu banjir maka saya minta sabar. Kita persilakan YB Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK: KESIHATAN MENTAL

8. Bertanyakan kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

a) sila nyatakan statistik pengguna perkhidmatan kaunseling yang diterima oleh Pusat Kaunseling Selangor?

b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan bilangan pengguna perkhidmatan kaunseling tersebut?

Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih Yang Berhormat Subang Jaya. Pusat Kaunseling Selangor adalah salah satu medium dalam mengatasi permasalahan Kesihatan Mental khususnya di Negeri Selangor. Berdasarkan Rekod sesi untuk tahun ini sehingga Oktober 2018 sebanyak 489 kes/sesi telah dikembalikan oleh Pusat Kaunseling Selangor. Dan untuk makluman Yang Berhormat Subang Jaya kita ada 4 Pusat Kaunseling Selangor yang utamanya di Shah Alam, kita juga ada Pusat Kaunseling di Ampang Jaya, di Sepang dan juga Selayang ya. Semua bertempat di PBT

masing-masing. Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat umum di Negeri Selangor berhubung Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling urus setia telah melakukan beberapa kaedah promosi bagi memudahkan akses dan kefahaman serta kesedaran untuk mendapat perkhidmatan yang disediakan antaranya promosi televisyen dan radio. Kita ada Radio Kool fm sempena Hari Kesihatan Mental dan Selamat Pagi Malaysia sempena Hari Raya Korban. Video Kesedaran Kesihatan Mental dan bertajuk spesifik “Meroyan” atau “*Post-Partum Depression*”. Video ini disalurkan pada Page FB Pusat Kaunseling Selangor dan telah mencecah ribuan tontotan. Dan Pusat Kaunseling Selangor juga dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) telah membuka cawangan Pusat Kaunseling Selangor bagi memudahkan masyarakat yang memerlukan dan berdekatan dengan cawangan-cawangan tersebut yang saya sebutkan tadi. Dan ketiga-tiga pusat ini telah dilancarkan pada 11 Mac 2018. Selain daripada itu, Pusat Kaunseling Selangor juga telah membangunkan Sistem e-Psy Selangor (e.p.s.y) iaitu salah satu sistem temu janji secara maya yang akan memudahkan klien membuat temu janji pada bila-bila masa dan di mana jua. Sistem ini juga mampu menjana data dan statistik klien bagi tujuan kajian. Pusat Kaunseling Selangor juga aktif dalam mendekati masyarakat bagi tujuan promosi dan pengenalan perkhidmatan yang disediakan. Sepanjang tahun 2018 sehingga Oktober terdapat lebih daripada 10 program yang telah dilakukan termasuk pameran-pameran kaunseling di karnival-karnival kesihatan di PBT-PBT dan Institusi Pengajian Tinggi, juga Hari-hari Terbuka Pusat Kaunseling Selangor dan juga apa-apa program yang melibatkan kesihatan sekarang ini memang Pusat Kaunseling Selangor akan membuka **booth** mereka untuk meningkatkan kesedaran rakyat Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Subang Jaya

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Tuan Speaker, soalan tambahan saya mohon YB EXCO kalau boleh memberi pencerahan kos operasi dari tarikh Pusat Kaunseling didirikan sehingga sekarang kalau boleh? Terima kasih.

Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Yang Berhormat Subang Jaya, soalan yang dikemukakan itu agak spesifik dan panjang. Saya Cuma ingin mengatakan bahawa kelulusan setakat ini, semenjak ditubuhkan, pusat kaunseling telah diperuntukkan RM152,000.00, untuk pengurusan pusat kaunseling. Termasuk elaun-elaun kaunselor. Jadi keseluruhannya saya akan beri secara bertulis, Yang Berhormat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Berkaitan soalan dengan pusat kaunseling. Adakah pihak kerajaan Negeri ada cadangan untuk menubuhkan pusat kaunseling komuniti, di masjid-masjid kerana di kawasan luar bandar banyak kes-kes melibatkan keluarga dan juga remaja.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Sungai Kandis. Setakat ini pusat-pusat kaunseling yang berada di PBT yang saya sebut tadi, masih belum mendapat sambutan yang memberangsangkan. Namun di dalam perancangan Stanco Kesihatan, InsyaAllah, kita telah bermula untuk membuat program-program untuk memberi kemahiran kaunseling yang kita panggil 'lay kaunselor' iaitu kepada barisan hadapan, aktivis termasuk petugas-petugas kita di pusat-pusat khidmat masyarakat, juga aktivis PWB. Dan InsyaAllah semua golongan yang berminat untuk menjadi, apa kita panggil 'lay-kaunselor'. Kita akan membuat latihan. Kerana lebih ramai orang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk memberi kaunseling kepada rakyat. Maka aksesibility rakyat kepada kaunseling ketika mereka menghadapi masalah akan lebih membantulah. InsyaAllah kita akan memperluaskan perancangan untuk mendidik dan memberi kemahiran kepada 'lay kaunselor', termasuk di masjid dan sebagainya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Soalan tambahan. Terima kasih. Tuan Speaker. Soalan tambahan saya adalah, kita telah pun menubuhkan beberapa pusat kaunseling. Kita ataupun adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai data-data senarai nama para kaunselor agar mudah bagi rakyat akses dan mendapatkan kaunseling daripada para kaunselor ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Sementa. Tentulah Bahagian Pembangunan Sumber Manusia kita mempunyai senarai lengkap siapakah kaunselor-kaunselor yang berkhidmat dengan negeri Selangor. Dan sebenarnya rakyat boleh menghubungi mereka melalui facebook, melalui talian sahabat dan juga sekarang ini membuat temu janji dengan mereka menggunakan sistem Sayangi Selangor in, untuk mereka menghubungi kaunselor pada masa dan pada masa dan ketika yang mereka memerlukan. InsyaAllah memang ada didalam perkhidmatan kita sekarang Yang Berhormat Sementa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kg. Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Soalan pertama, kerajaan negeri telah melakukan banyak kerja yang baik dengan pusat Kaunseling Selangor. Tetapi masalah yang besar, yang dialami pesakit mental ialah, dengan izin, Tuan Speaker, 'beating the stigma' mengatasi ketakutan untuk mendapatkan bantuan kesihatan mental. Jadi apakah rancangan kerajaan negeri Selangor untuk, dengan izin, 'beat the stigma'. Soalan yang kedua, ialah, again, dengan izin, Kerajaan Negeri Selangor telah melakukan yang baik. Tapi apakah tahap kerjasama pusat kaunseling Selangor ini dengan Jabatan Kebajikan Malaysia dan NGO-NGO yang bekerja dalam bidang kesihatan mental. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Kg. Tunku, mengenai tadi, mengenai pusat kaunseling telah melaksanakan tugas mereka dengan baik dan saya dah terlupa sikit soalnya. Minta maaf. Yang pertama tadi tu. Yang kedua, saya, hubungan stigma. Mengenai stigmanya. Memang saya akui, apabila kita merujuk seorang pesakit atau seorang rakyat kepada pusat kaunseling atau pusat psikiteri, maka masyarakat menganggap mereka ini mempunyai penyakit gila. Ya. Tetapi, kita mesti, tujuan kita, kita perlu mendidik masyarakat bahawa masalah mental ini, kesihatan mental adalah seperti kesihatan-kesihatan lain di dalam tubuh kita. Kalau sistem gangguan berlaku pada sistem pernafasan kita, kita mempunyai masalah seperti asma. Kalau berlaku kepada sistem pengaliran saluran darah kita dan jantung, kita mempunyai penyakit jantung. Jadi apabila kita ada, gangguan di dalam sistem saraf kita, dan juga psikologi kita, maka kita ada masalah psikologi, jadi kita perlu mendidik masyarakat bahawa ia bukanlah sesuatu yang memalukan kerana setiap kita akan mengalami cabaran kepada kehidupan kita. Saya ingat stigma ini hanya boleh dihapuskan kalau kita sendiri sebagai ADUN dapat mendidik rakyat. Dan saya faham cerita yang selalu dapat ahli psikologi dan psikiteris, orang-orang kenamaan, orang-orang berpangkat, kalau nak pergi jumpa ahli psikologi, dia minta masuk pintu belakang. Ini menunjukkan stigma itu memang ada, memang real.

Dan, soal keduanya tadi, kerjasama yang akan dilakukan sememang ada kerjasama yang erat di antara pusat-pusat kaunseling dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Malah Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri ada khidmat kaunseling. Dan setiap kali mereka melaksanakan pameran dan ataupun kerja-kerja dilapangan, perkara ini sentiasa disampaikan dan mereka juga selalu mengadakan ujian-ujian psikologi ataupun dask, untuk menentukan tahap kesihatan mental kita, sama ada ada kemurungan atau ada kerisauan. Ya, dan sebagainya. Dan NGO-NGO lain juga, sekarang ini datang dengan ramai, dan banyak NGO datang untuk sama-sama membantu melaksanakan program pendidikan kesihatan mental dan juga bagaimana mengatasi masalah kesihatan mental di kalangan rakyat. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : PENAMBAHAN DAERAH DI SELANGOR

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah akan ada cadangan untuk menambah daerah daripada 9 daerah yang sedia ada kepada beberapa daerah yang perlu dipecahkan kepada 2 daerah kerana pertambahan penduduk serta wujudnya bandar-bandar baru di daerah tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sabak dan Speaker. Setakat ini pihak kerajaan negeri belum menerima sebarang cadangan ataupun permohonan daripada peringkat daerah-daerah yang berkenaan untuk melakukan proses-proses pemecahan daripada satu daerah kepada dua daerah. Dan yang telah berlaku sebelum ini adalah pemecahan terhadap pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Setakat hingga hari ini, semua daerah-daerah itu masih dapat diuruskan dengan baik. Manakala perkhidmatan-perkhidmatan lainnya, ia dapat dengan lebih berkesan melalui pihak-pihak berkuasa tempatan. Belum ada permohonan. Kita sedang menunggu dari masa ke semasa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik, tak hadir. Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Nombor soalan saya, nombor 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : IKLAN HARAM

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Masalah iklan haram(terutamanya iklan pinjaman berlesen atau tanpa lesen) yang ditampal merata-rata tempat masih tidak boleh diselesaikan. Iklan haram ini tidak saja memburukkan keindahan sekeliling tetapi juga membahayakan kerana telah menutup papan tanda jalan. Apakah tindakan selanjutnya akan diambil?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih, Balakong. Saya akan menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 69, daripada Yang Berhormat Sungai Ramal. Kerajaan negeri melalui PBT sentiasa mengambil tindakan untuk memerangi iklan haram. Antara tindakan yang diambil adalah:-

- i) Mengambil tindakan di bawah peruntukan 7, Undang-undang Kecil Iklan 2007, berkaitan kesalahan mempamerkan iklan tanpa lesen. Kompaun yang boleh dikenakan adalah sebanyak RM600.00 dan jika didakwa di mahkamah boleh dikenakan denda sebanyak tidak lebih daripada RM2,000.00 jika disabit kesalahan.

- ii) PBT juga melaksanakan operasi iklan haram sebanyak dua kali sehari, iaitu melalui seawal pagi dan waktu di semua kawasan operasi PBT.
- iii) PBT akan mengemukakan nombor telefon pengiklanan kepada pihak Kementerian komunikasi dan multimedia, SKMM, untuk permohonan penamatan perkhidmatan.
- iv) Mengadakan operasi bersepadu iklan ah long, dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia, PDRM, atau NGO dalam membanteras aktiviti ah long.
- v) PBT melakukan pemeriksaan terhadap syarikat atau agensi yang menjalankan perniagaan percetakan terutamanya yang melibatkan percetakan banner, bunting dan sticker. Sekiranya syarikat atau kilang percetakan tersebut didapati mencetak iklan atau sticker iklan pinjaman kewangan yang tidak berlesen, lesen perniagaan akan ditarik atau dibatalkan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan soalan tambahan iklan haram. Berapa kes yang telah dibawa ke peringkat mahkamah, kalau boleh bekalkan kita dengan status tindakan-tindakan yang telah diambil oleh PBT. Kerana banyak-banyak lagi bunting-bunting masih digantungkan, dan saya juga nak tanya tanggungjawab siapa untuk membersihkan kawasan-kawasan itu. Kalau iklan-iklan itu mengotorkan, pihak kontraktor tidak dipertanggungjawabkan. Dia cakap hanya penguatkuasa PBT yang boleh buat. Siapa yang perlu mengambil tindakan-tindakan ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Sentosa. Bagi siapa yang perlu membersihkan kawasan itu, tentunya adalah kontraktor yang telah dilantik oleh PBT. Di kawasan Sentosa yang saya difahamkan adalah diuruskan oleh KDEB Waste Management. Maka itu Yang Berhormat boleh kemukakan atau orang awam di kawasan boleh kemukakan aduan kepada KDEB Waste management melalui aplikasi i-clean, ataupun melalui Whatsapp yang telah diwujudkan oleh ADUN-ADUN setempat. Dan berkenaan statistik tindakan-tindakan penguat kuasa, saya perlu dapatkan statistik itu daripada agensi. Dan saya akan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Sentosa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya tadi berkenaan dengan efektif. Apakah langkah-langkah efektif yang boleh diambil kerana saya menyedari langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk

membanteras iklan haram ini, terutama daripada pihak ah long ini. Tetapi hingga hari ini masih berleluasa. Dan saya juga faham bahawa antara punca utama kepada masalah ini adalah kerana, walaupun ada kesedaran di pihak masyarakat untuk bantu, banteras masalah ini tetapi iklan-iklan haram terutama oleh ah long ini, dia ada dia punya samseng yang menjaganya. Bila diturunkan sendiri oleh pihak masyarakat, maka mereka akan bertembung dengan pihak-pihak gengster, yang mengancam keselamatan. Jadi soalan saya tadi lebih menjuruskan kepada mungkin boleh kerajaan boleh mengambil inisiatif, sekarang ini kita bersama dengan persekutuan untuk mengarahkan pasukan polis ataupun RELA untuk membantu pihak persatuan penduduk contohnya untuk mengawal keselamatan apabila mereka melakukan gerak kerja membanteras di tempat mereka sendiri. Mungkin ini lebih efektif. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Ramal. Seperti yang saya telah jawab tadi, kerajaan negeri boleh bekerjasama ataupun persatuan penduduk boleh bekerjasama dengan PDRM. Dan saya yakin PDRM sedia memberi bantuan kepada persatuan penduduk ataupun agensi-agensi kerajaan dalam masalah ini.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, soalan saya nombor 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah bentuk bantuan dan program Kerajaan didalam pembangunan industri kecil sederhana?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, dalam membantu pihak industri kecil sederhana, membangun perniagaan mereka, pihak kerajaan negeri melalui Invest Selangor telah melaksanakan beberapa program yang menumpukan kepada program pemasaran seperti berikut :-

- i) Program latihan bagi pemasaran produk secara atas talian melalui inisiatif C-Tek. Melalui program ini, pihak usahawan diberikan kemahiran latihan bagi mempromosikan dan memasarkan produk keluaran secara atas talian ataupun online, dengan izin.

- ii) Penyertaan usahawan-usahawan IKS dalam pameran luar negara. Melalui program ini, pihak kerajaan negeri melalui Invest Selangor akan membawa usahawan-usahawan yang berpotensi untuk menyertai pameran-pameran di luar negara. Untuk membolehkan usahawan tempatan menembusi pasaran luar negara. Selain itu, setiap tahun, kerajaan negeri Selangor memperuntukkan bajet untuk membantu usahawan untuk meningkatkan hasil pendapatan dan menjana ekonomi negeri.

Berikut merupakan bantuan yang disediakan untuk perniagaan mikro di negeri Selangor yang ditakrifkan sebagai perniagaan yang mempunyai jualan kurang daripada RM300,00.00 setahun dan mempunyai pekerja tetap sebanyak 2 hingga 5 orang. Antara program-program yang disediakan seperti berikut:

- i. Dana Usahawan Mikro Selangor

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) Pejabat Daerah/Tanah di Negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekali gus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin/peralatan/perkakasan;
 - Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaik taraf;
 - Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
 - Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
 - Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor.
- ii. Kerajaan Negeri Selangor melalui agensinya HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan berperingkat bermula tahun 2015. Sebelum ini program pinjaman kewangan ini dikenali sebagai Mikrokredit Bersepadu yang

menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010. Ia merupakan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat tertentu. Sehingga kini sebanyak 32,146 peminjam yang telah menerima manfaat daripada program ini. Pinjaman ini difokuskan kepada tiga sektor utama iaitu pembekalan, pemakanan dan perkhidmatan. Namun terdapat sektor lain yang membuat pinjaman ini iaitu pertanian, penternakan dan pemprosesan.

Dalam merangka kaedah pengurusan dan pelaksanaan skim HIJRAH Selangor, objektif-objektif telah pun dikenal pasti sebagai matlamat program, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ingin penjelasan tentang satu Mikro, satu lagi HIJRAH. Kenapa perlu dua sistem ini dan adakah seseorang itu berhak mendapat dua.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ada syarat-syarat yang ditentukan. Jadi mengikut kategori mereka dan mengikut juga kelayakan. Jadi dia sudah tentu ada syarat-syaratnya kerana ada yang sederhana dan ada yang kecil, jadi ada perbezaan. Tidak boleh kita mengadakan satu untuk semua, jadi itu mengikut seperti yang saya sebutkan ada kategorinya ada skimnya 1 – 4 sebagainya.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker, soalan Sungai Burong nombor 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM SELANGOR

13. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi oleh pengguna jalan raya di jambatan pekan Tanjong Karang?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Sungai Burong. Tuan Speaker soalan yang dikemukakan oleh Sungai Burong ini tajuk dan soalan itu berbeza. Tajuknya pelan induk pengangkutan awam di Selangor tetapi soalannya adalah apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi oleh pengguna jalan raya di jambatan pekan Tanjong Karang tetapi tidak mengapa saya akan tetap menjawab. Jalan ini merupakan jalan Persekutuan FD5. Kesesakan lalu lintas di pekan Tanjong Karang berpunca daripada lokasi lampu isyarat yang terlalu hampir dengan kedudukan jambatan pekan Tanjong Karang. Bagi penyelesaian jangka masa panjang, pihak JKR Negeri Selangor sedang mengkaji semula skop projek dengan cadangan membina jambatan Sungai Tengi sebagai jalan alternatif menjurai masalah trafik di kawasan tersebut, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI: Soalan saya nombor 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PENTADBIRAN KAMPUNG

14. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan keupayaan ketua-ketua kampung dalam urus tadbir kampung?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Kandis. Bagi menerangkan apakah usaha kerajaan bagi meningkatkan keupayaan ketua-ketua kampung dalam urus tadbir kampung kali ini sebenarnya Kerajaan Selangor menyedari pentingnya untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan ketua-ketua kampung ini jadi pada hujung tahun ini bermulanya sehinggalah pada tahun 2019 iaitu setelah pun dilantik ketua-ketua kampung yang baharu ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar akan mengadakan kursus pemantapan ketua-ketua kampung tradisi Negeri Selangor. Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan juga selain daripada kursus yang diberikan konsep penarafan bintang atau pun dengan izin *star rating* akan mula diperkenalkan atau dilaksanakan dalam pentadbiran ketua kampung. Tradisi Negeri Selangor akan bermula pada tahun 2019 yang mana secara umumnya konsep ini akan menilai 4 elemen penting dalam kampung, dalam pengurusan kampung terutamanya adalah dalam pengurusan pentadbiran atau pun pengurusan mesyuarat iaitu ketua-ketua kampung akan dinilai akan dilihat prestasi bagaimanakah mereka melaksanakan

kekerapan dan kualiti mesyuarat yang dianjurkan atau pun dibuat yang mana ia perlu melibatkan ke-11 Ahli Jawatankuasa MPKK yang telah pun dilantik.

Yang keduanya elemen yang terpenting adalah pengurusan kewangan. Ketua-ketua kampung juga akan diberikan *star rating* berkaitan dengan pengurusan kewangan. Yang ketiganya tentang berkaitan dengan inovasi dan kreativiti di mana inovasi dan kreativiti ini memastikan ketua-ketua kampung yang dilantik boleh seiring dengan era zaman sekarang. Dan juga supaya ketua-ketua kampung boleh menengahkan produk-produk dan juga aspek penyelesaian secara inovatif dan kreatif dalam kampung. Yang keempatnya elemen yang terakhir yang diambil kira dalam *star rating* ini adalah aktiviti kemasyarakatan iaitu di mana ketua-ketua kampung diminta untuk melaksanakan beberapa program kemestian di antaranya isu-isu berkaitan dengan kebajikan masyarakat, berkaitan dengan keselamatan, kebersihan, perpaduan dan yang akhirnya *engagement* atau pun penglibatan dengan NGO dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Ini sebenarnya sistem penilaian *star rating* ini adalah menjadi kewajipan bagi ketua-ketua kampung untuk dinilai secara bulanan, ya secara bulanan dan akhirnya ia akan dinilai oleh Jawatankuasa sama ada ia wajar atau pun ia akan jadikan garis panduan selepas penilaian ini nanti, selepas dua tahun tempoh mereka dilantik mereka akan diberi penilaian sama ada dia layak untuk diteruskan atau pun mungkin digugurkan daripada penglibatan seterusnya sebagai ketua kampung.

Sebagai tambahan institusi MPKK atau pun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ini perlulah sentiasa diperdayakan oleh sebab ia satu institusi yang sentiasa dekat dan bersama akar umbi di mana secara tidak langsung institusi ini menjadi sistem penyampaian kerajaan yang efektif dan berkesan dalam menghebahkan dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Selain itu, Tuan Speaker bagi memastikan kecekapan pengurusan serta pembudayaan masyarakat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar akan mengetengahkan konsep pengendalian komuniti dalam sesi dialog berfokus, dia ala-ala seperti mana *town hall* kalau dibuat bawah Majlis Perbandaranlah untuk kita pastikan tujuan utamanya adalah untuk menjadikan platform bagi mendapatkan maklumat berkaitan permasalahan bagi setiap isu yang berbangkit dan berkaitan dengan rakyat setempat dan seterusnya untuk mencari dan mendapatkan penyelesaian yang terbaik. Untuk maklumat Yang Berhormat semua untuk kali ini kerajaan telah pun mewujudkan satu sistem iaitu sistem profil kampung peringkat nasional. Kerajaan Selangor juga sebenarnya telah memulakan profil kampung peringkat desa tetapi memandangkan kita telah pun bersama dengan Jawatankuasa atau pun dalam Kementerian dalam usaha memastikan tidak ada isu-isu berbangkit sama ada isu infrastruktur terutamanya atau pun isu-isu yang berkaitan lain maka sistem profil kampung ini diwujudkan dan di situlah sebabnya kita melaksanakan program pengendalian komuniti sebagai dialog-dialog ini difokuskan dan dilaksanakan agar dalam masa ke semasa sistem profil kampung peringkat nasional atau pun SPKPN ini dapat diisi atau pun diletakkan inventornya. Dan akhirnya dengan adanya SPKPN ini isu-isu ini akan diketengahkan dalam Majlis Tindakan Daerah dan Majlis Daerah akan dapat

mengendalikan masalah ini secara berpusat, insyaAllah. Jadi adalah diharapkan saya harap dengnya jawapan yang saya beri ini saya mengharapkan supaya ketua-ketua kampung yang dilantik ini nanti akan berupaya untuk membimbing dan juga mengemudi kampung dengan lebih cekap dan upaya. Terima kasih itu jawapan saya.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH: Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah beberapa peruntukan khas untuk membaik pulih dewan, balai raya dan juga bilik mesyuarat untuk MPKK seluruh Negeri Selangor, terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Kalau ikutkan soalan tambahan tak berkenaanlah dengan soalan pertama tetapi untuk makluman Yang Berhormat Tanjung Sepat, sebenarnya sistem ini atau pun peruntukan memang ada untuk membaiki dewan-dewan masyarakat dan sebagainya tetapi kali ini semua peruntukan ini mestilah disalurkan atau pun didaftarkan terlebih dahulu di dalam sistem profil kampung peringkat nasional dan ia akan dikendalikan bersama di antara ICU dan juga Kerajaan Negeri bagi memastikan mana balai raya dan dewan masyarakat yang perlu diutamakan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tuan Speaker saya ucapkan tahniah penghargaan kepada EXCO yang menjaga soal kampung ini kerana ada KPI atau pun bintang yang diletakkan kepada pentadbiran kampung dan sebagainya. Apakah bintang-bintang ini setelah 2 bulan, 3 bulan tarif bintang, 4 bulan 5 bintang pun gerhana juga. Bulan pun dah tak ada, apakah masih ditunggu sehingga 2 tahun baru tindakan boleh diambil kepada ketua kampung yang berkenaan jika masih tiada bintang, terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali. Memang bila kita mewujudkan sistem bintang ini atau pun penarafan bintang ini sebenarnya penilaian itu dibuat secara bulanan. Yang akan memantau lebih dekatnya adalah ketua-ketua atau pun penghulu-penghulu mukim yang akan diberikan tanggungjawab untuk menilai setiap prestasi yang diwujudkan dalam sistem rating itu. Jika didapati dalam tempoh pemantauan tersebut bintang-bintang yang tak wujud itu atau pun tidak di tahap yang di nyatakan atau pun dimestikan oleh pihak kerajaan, maka satu sesi untuk kita duduk semeja untuk kita menilai sejauh manakah ketua-ketua kampung ini wajar ditamatkan serta-merta atau pun disambung dengan syarat dengan latihan-latihan atau pun dengan amaran-amaran yang diberikan. Jadi ia tak semestinya menunggu sampai 2 tahun dengan adanya sistem rating ini ianya akan dinilai jika prestasinya tidak sebagaimana yang dianjurkan maka beliau akan dipanggil untuk dibuatkan satu sesi untuk amaran dan jika juga selepas amaran itu tidak dapat pelaksanaan sebagai mana

yang dikehendaki oleh kerajaan, maka di situlah boleh ditamatkan serta-merta dan tidak perlu menunggu 2 tahun daripada tempoh pelantikan. Itu jawapan saya.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menengguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 semua peringkat.

TUAN SPEAKER: Sebelum saya meneruskan sesi untuk Rang Undang-undang Perbekalan 2019 semua peringkat untuk perbahasan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa tanggungjawab kita bersama adalah untuk memelihara kemuliaan Dewan Negeri Selangor sebagai satu institusi dewan pengubah Undang-Undang pada masa yang sama tertib dan disiplin Ahli-Ahli Dewan sangat penting, kerjasama amat penting. Daripada pelbagai sudut termasuk apabila setiap persidangan dijalankan pemberitahuan notis persidangan dewan ini akan diberikan awal untuk memaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang tarikh, waktu persidangan dewan dan bagaimana tertib pakaian dewan Negeri Selangor ini semasa persidangan. Di dalam Dewan Negeri Selangor setiap persidangan tertib pakaiannya adalah Long Suit kecuali hari Jumaat kita benarkan baju Melayu. Maka dengan itu dalam Dewan yang mulia ini pagi ini saya nampak Yang Berhormat Taman Templer, cuba berdiri saya nak tengok. Yang Berhormat Taman Templer dia orang baru tapi saya nak tegur jugalah untuk tidak melakukan kesilapan, tersilap dengan bajunya sepatutnya long suit kalau hari Jumaat saya benarkan. Ini tujuannya adalah untuk memastikan kemuliaan dewan ini kita pelihara bersama. Jadi ini ingatan. Pada masa yang sama semasa kita dalam perbahasan tertib, adab, ayat-ayat sangkaan jahat dan juga fitnah Ahli-Ahli Yang Berhormat cuba elakkan. Ini untuk memelihara kemuliaan Dewan Negeri Selangor oleh sebab Dewan Negeri Selangor ini adalah peneraju Dewan di Malaysia dan persidangan ini disiarkan secara Live melalui TV Selangor maka semua tingkah laku watak perbahasan kita ditonton oleh seluruh rakyat Malaysia termasuk di luar negara. Jadi saya bagi peringatan untuk pagi ini dan seterusnya saya mempersilakan Ketua Pembangkang bagi membuka tirai sesi perbahasan pada pagi ini dan saya bagi masa secukupnya kepada Ketua Pembangkang.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum w.b.t. salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bukit Antarabangsa melayar bahtera, Sungai Tua penyambung cerita, giliran Sungai Air Tawar membuka bicara, demi Selangor negeriku tercinta. Terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada Sungai Air Tawar mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Selangor 2019. Sebagai pembahas pertama mewakili barisan pembangkang lima bersaudara, terlebih dahulu tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Sungai Tua kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri yang pertama beliau sejak mengambil alih jawatan Dato Menteri Besar. Sama ada Belanjawan Negeri

2019 ini benar-benar bersifat komprehensif dan menyeluruh serta mencakupi setiap genap lapisan rakyat di negeri Selangor ini, sama-samalah kita Ahli Dewan Yang Mulia ini mengupas dan membincangkannya sepanjang perbahasan Belanjawan ini berlangsung. Prinsip pembangkang jelas yang mana baik untuk rakyat, kami akui dan akan kami sokong. Yang mana tidak baik kepada rakyat, kami akan tegur, kami akan pastikan proses semakimbang atau *check and balance* akan terus berkumandang di dewan ini. Sesungguhnya itulah mandat dan amanah yang telah diberikan rakyat kepada kami semua. Yang Berhormat Tuan Speaker, Belanjawan Negeri 2019 memperuntukkan sejumlah RM2.6 bilion. Bagi perbelanjaan mengurus, peruntukan yang dicadangkan adalah RM1.28 bilion. Begitu juga bagi perbelanjaan pembangunan iaitu dengan nilai yang sama RM1.28 bilion. Di atas kertas ia adalah belanjawan berimbang. Dari sudut hasil pula, anggaran kutipan hasil kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah berjumlah RM2.2 bilion. Di atas kertas juga ini menunjukkan Belanjawan 2019 adalah belanjawan defisit dengan jumlah sebanyak RM360 juta. Jadi apakah maksud di sebalik angka-angka ini. Jika dibandingkan dengan Belanjawan 2018 tahun lalu jumlah peruntukan keseluruhan Belanjawan 2019 berkurangan sebanyak RM560 juta. Atau bersamaan 18% berbanding dengan RM3.12 bilion. Bagi maksud peruntukkan belanja mengurus jumlah pada tahun 2019 berkurangan sebanyak RM180 juta berbanding RM1.4 bilion untuk tahun 2018. Pengurangan sebanyak 12.3%. Untuk peruntukan perbelanjaan pembangunan pula pada tahun 2019 menyaksikan berlakunya pengurangan sebanyak 23% atau bersamaan dengan RM380 juta berbanding peruntukan 2018 berjumlah RM1.66 bilion. Dan yang paling utama iaitu bagi hasil kerajaan negeri tahun 2018 anggaran awal hasil kerajaan negeri adalah sebanyak RM2.25 bilion tetapi untuk tahun 2019 anggaran hasil akan berkurangan sebanyak RM50 juta kepada hanya RM2.2 bilion. Maka timbullah persoalan besar mengapakah kesemuanya berlaku pengurangan. Berikan saya ruang untuk mengupas dan mengulas tanpa sebarang gangguan.

Pertama, pergantungan yang tinggi oleh kerajaan negeri terhadap hasil tanah. Kedua, tiadanya idea segar baru oleh kerajaan negeri dalam menambah atau mencipta peluang kutipan hasil baru. Dan yang ketiga kerajaan negeri masih berharap simpati kerajaan persekutuan. Mengikut semakan dalam anggaran Belanjawan Negeri Selangor 2019 hasil tanah menyumbang hampir 75% dari keseluruhan hasil negeri terutamanya menerusi premium tanah iaitu sebanyak 44%. Seperti mana yang saya sebutkan ketika ucapan perbahasan usul menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bersempena pembukaan sidang DUN Selangor 2018 beberapa bulan yang lalu, kerajaan negeri pastinya akan menghadapi masalah kutipan hasil. Apabila sampai satu ketika...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Bukit Gasing nak mencelah. Benarkan atau tidak.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Minta maaf Yang Berhormat, saya nak teruskan. Kerajaan Negeri pastinya akan menghadapi masalah kutipan hasil apabila sampai satu

ketika kebergantungan hasil premium ini akan berkurangan apabila tanah-tanah ini selesai melalui proses konvensional. Menerusi Belanjawan 2019 yang dibentangkan ini maka terbuktilah kata-kata saya yang dahulu itu. Saya akui. Yang Berhormat, bagi saya teruskan. Baru mula. Maaf. Saya akui negeri Selangor ini bukanlah seperti negeri-negeri lain di Malaysia dan mempunyai kelebihan dari hasil bumi seperti petroleum dan bahan galian tapi dalam masa yang sama kebergantungan kepada hasil premium tanah tidak boleh dijadikan sandaran buat selama-lamanya. Kerajaan negeri sama ada suka atau tidak perlu memikirkan langkah bagi mencari punca pendapatan yang baru. Maka pilihan yang ada sudah tentu adalah menerusi cukai dan bila bercakap tentang cukai janganlah kita ingat cukai hanya akan membebankan rakyat. Kerajaan negeri boleh lihat pada pilihan cukai yang tidak akan memberi kesan kepada rakyat. Sebagai contoh cukai karbon kepada pihak industri. Berbincanglah dengan kerajaan persekutuan yang kini berada di bawah Pakatan Harapan untuk melaksanakan perkara ini. Negeri Selangor ini negeri industri. Banyak kilang-kilang yang menjalani operasi mereka di negeri ini. Negeri jiran Singapura juga telah memperkenalkan cukai sebegini maka cadangan kepada kerajaan persekutuan untuk memperkenalkan cukai karbon ini pada kadar yang lebih rendah berbanding Singapura. Ini mungkin boleh menjadi pilihan kepada kerajaan negeri kerana ini boleh memberi peluang hasil untuk tempoh jangka masa yang panjang. Pilihan lain yang ada pada kerajaan negeri adalah dengan menarik lebih banyak pelaburan ke negeri Selangor. Memang benar sepanjang tempoh 2018 ini ada usaha sedemikian yang dilaksanakan tetapi kerajaan negeri perlu lebih aktif dan lebih ke hadapan. Jangan dilihat dari sektor perdagangan atau industri perkilangan mahupun pembinaan semata-mata. Contohi negeri Johor yang mempelbagaikan peluang ekonomi, kenal pasti peluang dan ruang dari sudut pelancongan seperti pelancongan inap desa begitu juga dengan industri tenaga boleh diperbaharui seperti ladang solar. Di Selangor ada ladang kelapa sawit yang luas. Mungkin boleh dilihat untuk mengembangkan produk bio sawit. Selain daripada itu, mengikut anggaran Belanjawan Negeri Selangor 2019 pemberian persekutuan adalah hampir 10% daripada keseluruhan hasil kerajaan negeri. Namun kerajaan negeri tidak boleh terlalu bergantung harap pada ihsan kerajaan persekutuan contoh mudah kebergantungan menumpang laba dari kerajaan persekutuan tentang pembangunan industri aeroangkasa. Menteri Besar sebutkan baru-baru ini kerajaan persekutuan akan bangunkan hub aeroangkasa menerusi khazanah nasional maka daripada cadangan ini kerajaan negeri pula akan cuba mencari pelabur dan bekerjasama rapat dengan pemain industri antarabangsa untuk menjayakan. Sepatutnya kerajaan negeri tidak perlu menunggu perancangan kerajaan persekutuan. Cadangan seperti ini sepatutnya datang dari kerajaan negeri sendiri. Biar kerajaan negeri yang cadangkan dan mulakan selepas itu barulah kerajaan persekutuan menjadi pemudah cara untuk menjayakannya. Kerajaan negeri perlu sedar dan ingat masih banyak lagi janji manifesto kerajaan persekutuan yang belum tertunai. Banyak lagi negeri dan kawasan di seluruh negara yang kerajaan persekutuan perlu bangunkan bukan setakat di negeri Selangor ini sahaja yang kerajaan persekutuan perlu beri tumpuan. Jadi perlu ada usaha berdikari kerajaan negeri berbanding dari terus menumpang laba daripada kerajaan persekutuan. Walaupun begitu, pembangkang ada hari ini adalah pembangkang yang berkualiti bukan

semua kami bangkang, bukan semua kami kritik. Yang baik kami akan puji dan sokong. Kami akui ada beberapa pelan jangka masa panjang yang dibentangkan oleh Menteri Besar dalam Belanjawan Negeri Selangor 2019 ini kami hargai usaha untuk mewujudkan pelbagai kluster ekonomi di beberapa kawasan di negeri ini. Ini usaha yang baik yang membolehkan kerajaan negeri memberikan penumpuan secara khusus dan bukan lagi secara pukol rata mengikut perancangan ada terdapat 10 kluster atau gugusan ekonomi yang dicadangkan oleh kerajaan negeri. Pembangunan gugusan ekonomi ini saya lihat adalah lebih berfokus dalam memperkasakan kekuatan dan potensi sedia ada bagi kawasan-kawasan yang terlibat. Kami pembangkang lima bersaudara mengakui usaha yang baik ini dan sedia memberikan sokongan dan kerjasama jika diperlukan tetapi apa yang lebih penting adalah pelaksanaannya. Janganlah ia hanya sekadar cantik di atas kertas. Pelaksanaan juga perlu mantap dan tersusun. Pastikan jentera kerajaan negeri faham dan benar-benar bersedia melaksanakan cadangan ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, pembentangan bajet Belanjawan 2019 kerajaan persekutuan telah menyaksikan banyak titik sentuhan atau *touch point* kepada rakyat berkurangan. *Touch point* yang sama ini banyak membantu rakyat pelbagai kumpulan sasaran sama ada dipotong atau telah dimansuhkan terus. BRIM atau sekarang ini Bantuan Sara Hidup dipotong daripada RM1200 kepada RM1000. Bantuan musim tengkujuh kepada pekebun kecil dan penoreh getah dimansuhkan. Elaun sara hidup nelayan dikurangkan. Insentif pengeluaran padi dipotong. Subsidi baja padi dikeselkan. Kesemua pemansuhan dan pemotongan ini akhirnya memberi kesan kepada golongan sasaran ini. Alasan yang kita dah lali dengar seperti hutang negara tinggi, banyak ketirisan kerajaan terdahulu dan pelbagai lagi alasan menjadi penyedap cerita kerajaan persekutuan dalam menghalalkan pemotongan ini. Ketika pembentangan Belanjawan kerajaan persekutuan saya masih lagi bersikap positif kerana mengharapkan mungkin kerajaan negeri akan menutup ruang-ruang yang telah ditinggalkan kerajaan persekutuan ini. Manakan tidak kita semua sebelum ini didendangkan kononnya kerajaan negeri Selangor adalah kerajaan yang menjaga kebajikan rakyat. Saban tahun kerajaan negeri Selangor menyatakan mereka mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan banyak kali juga kita diperdengarkan bahawa kerajaan pakatan Harapan negeri Selangor akan menjadi model kepada pentadbiran Putrajaya. Tapi selepas mendengar dengan teliti pembentangan Belanjawan Negeri pada Jumaat lalu ternyata saya silap, bukanlah kerajaan negeri Selangor menjadi model kepada kerajaan persekutuan sebaliknya kerajaan negeri pula mengikut yang dasar pemotongan sama seperti dilaksanakan oleh Putrajaya. Mengapa saya mengatakan sedemikian. Kerana terdapat insentif dan bantuan *touch point* kepada rakyat di negeri ini turut dipotong atau ditamatkan oleh kerajaan negeri. Saya akan cuba membincangkan perkara ini dalam tempoh masa yang ada dalam perbahasan ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri pimpinan Sungai Tua akhirnya telah memuktamadkan pengambilan syarikat konsesi air yang telah berlarutan begitu lama selama ini pengambil aliran Syarikat Pengeluaran Air Selangor Sdn. Bhd (SPLASH) yang bernilai RM2.55 bilion merupakan satu jumlah yang menjadi pertikaian dan perbincangan hangat sebelum ini. Namun begitu pengambilan aliran ini telah pun selesai dan kami di pihak pembangkang hanya boleh mengharapkan masalah krisis air yang berlaku sebelum

ini telah dapat diatasi menerusi pengambilan. Ketika pembentangan Belanjawan tempoh hari Menteri Besar telah menyatakan bahawa program air percuma akan diteruskan pada tahun hadapan tetapi apa yang mengecewakan pemberian air percuma kini hanya terhad kepada keluarga dari golongan B40 sahaja. Menteri Besar menyulam kata-kata beliau pada pembentangan Belanjawan tempoh hari dengan menyatakan jumlah pemberian air percuma bertambah kepada 25 meter padu berbanding hanya berbanding 20 meter padu sebelum ini. Hakikat dan realiti sebenar sememangnya penerima air percuma majoriti adalah golongan B40. Jika sebelum ini dengan had pengeluaran 20 meter padu pun mereka tidak perlu membayar bil air, bermakna penambahan kepada 20 meter padu tidak memberi kesan besar kepada mereka. Dengan kata lain sebelum ini mereka sememangnya menggunakan air kurang daripada 20 meter padu setiap bulan. Apa yang pelik adalah keputusan kerajaan untuk mengehadkan pemberian air percuma hanya kepada golongan B40 sedangkan kesemua syarikat berkaitan pembekalan air di negeri ini telah pun menjadi milik Kerajaan Negeri. Jika dahulu kesemua isi rumah tanpa mengira pendapatan boleh menikmati air percuma walaupun ketika itu masih terdapat pemilikan swasta dalam rangkaian pembekalan air. Persoalannya adakah keputusan kerajaan ini adalah disebabkan jumlah yang sangat tinggi telah ditetapkan dalam perjanjian pengambilalihan SPLASH tempoh hari? Jumlah ambil alih RM2.55 bilion ini adalah peningkatan sebanyak 920% berbanding tawaran asal yang dibuat oleh kepimpinan dahulu.

Tindakan mengehadkan pemberian air percuma hanya kepada golongan B40 secara langsung akan memberi kesan kepada golongan N40 yang mungkin datangnya dari pasangan yang baru berkahwin ataupun keluarga yang mungkin berpendapatan mereka tinggi sedikit berbanding golongan B40. Akhirnya keputusan ini memberikan kita kepada persoalan yang lebih besar adakah akan ada pula kenaikan tarif air selepas ini? Perkara ini telah pun hangat diperkatakan sebelum ini. Jadi saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak Kerajaan Negeri dan jika boleh saya ingin mendesak agar Kerajaan Negeri dapat memberi jaminan tiada kenaikan tarif air di negeri ini terutamanya bagi penggunaan domestik bukan komersial. Jika Kerajaan Negeri gagal memberikan jaminan ini saya beranggapan tindakan tersebut hanya membuktikan Kerajaan Negeri terdesak untuk mencari dana dan wang bagi membiayai jumlah tidak masuk akal pengambilan SPLASH bernilai RM 2.55 bilion.

Yang Berhormat Tuan Speaker itu yang pertama, seterusnya saya ingin mengambil perhatian Dewan berkenaan TAWAS atau Tabung Warisan Anak Selangor. Mengikut amalan sebelum ini pemberian TAWAS ini adalah terbuka kepada kelahiran baru anak-anak negeri Selangor yang akan menerima RM 1,500.00 apabila mereka berusia 18 tahun. Statistik di laman sesawang TAWAS menunjukkan sehingga kini seramai 333,138 kelahiran baharu telah berdaftar bagi menikmati pemberian TAWAS ini. Walau bagaimanapun menerusi pembentangan Belanjawan tempoh hari pemberian TAWAS ini telah dibuat pembaharuan serta skop pemberiannya juga telah dkecilkan iaitu terhad kepada remaja berusia 18 tahun dan akan dilanjutkan pelajaran ke institut pengajian

sahaja. Ini bermakna berbanding amalan sebelum ini tidak semua anak-anak negeri Selangor yang akan menikmatinya lagi. Kerajaan negeri harus peka kerana tidak semua lepasan sekolah akan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Secara tidak langsung akan ada anak-anak negeri Selangor terutama yang berasal dari keluarga B40 tidak akan menerima manfaat ini walaupun hasrat Kerajaan Negeri untuk membantu mengurangkan beban kemasukan ke universiti. Saya fikirkan adalah lebih baik jika amalan seperti sebelum ini diteruskan. Jika sekalipun hendak dikecilkan skop nya adalah lebih bermakna jika pemberian TAWAS dihadkan kepada kelahiran baru dari keluarga B40 dan N40 berbanding kaedah baru yang turut akan dinikmati oleh lepasan sekolah dari keluarga T20.

Walaupun saya mengambil maklum tentang Kerajaan Negeri untuk berbincang dengan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) untuk meneruskan program ADAM 50 yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional sebelum ini. Namun mengikut rekod saya ADAM 50 ini tidak disebut di Belanjawan 2019 Kerajaan Persekutuan tempoh hari. Tidak diketahui sama program ini akan diteruskan atau tidak oleh Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Pakatan Harapan sekarang. Jadi saya mohon penjelasan Kerajaan Negeri dan saya berharap semua perkara yang saya nyatakan akan mendapat perhatian pihak kerajaan negeri bagi memastikan pemberian bantuan dan subsidi kena pada tempatnya.

Selain daripada itu di kesempatan saya ingin mendapatkan kepastian tentang sejauh mana proses pengeluaran Penyata TAWAS kerana mengikut dapatan yang saya perolehi sehingga 25 November iaitu pada Sabtu lalu hanya 131,290 orang penerima TAWAS ini yang telah mendapat penyata ini bermakna terdapat lebih 201,000 penerima TAWAS masih belum menerimanya. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan mengapakah ini berlaku serta apakah halangan dan kekangan yang dihadapi baik dari pihak Kerajaan Negeri mahupun daripada pihak penerima TAWAS ini sehinggakan perkara ini terjadi. Selain itu juga kerajaan perlu menyatakan juga apakah langkah yang akan diambil bagi memastikan semua penerima TAWAS ini akan mendapat Penyata ini secepat yang mungkin. Ini penting memandangkan ia melibatkan jumlah kewangan yang besar iaitu lebih daripada RM300 juga. Inisiatif lain yang kononnya dibuat pembaharuan adalah inisiatif perkahwinan belia yang sebelum ini memberikan bantuan *one off* bernilai RM500.00 kepada pasangan baru berkahwin. Kalau disemak ucapan Menteri Besar tempoh hari saya beranggapan insentif ini bukan lah diberi nafas baru sebaliknya dianggap sebagai dimansuhkan. Jika diteliti tiada lagi pemberian tunai akan dibuat pada tahun hadapan. Kononnya pemberian insentif akan diganti dengan kursus perkahwinan atau kursus kekeluargaan. Janganlah Menteri Besar segan atau malu untuk mengakui perkara ini. Kami faham hasil Kerajaan Negeri akan berkurangan pada tahun hadapan kerana tiada alternatif baru mencari pendapatan selain bergantung tinggi kepada hasil tanah cukai hasil tanah. Jadi jumlah RM500 untuk perkahwinan bukan lah jumlah yang besar...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Tidak ada masa?

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Sekejap, ini fasal perkahwinan biar saya habiskan minta maaf...tetapi lebih baik ada daripada tiada, tetapi kini telah tiada. Kita akui sememangnya statistik kes perceraian di negeri Selangor ini semakin membimbangkan terutamanya melibatkan pasangan muda. Tetapi pada masa yang sama kita juga bertanya-tanya sejauh mana kursus kekeluargaan benar-benar mampu mengatasi atau mengawal perkara ini. Agensi kerajaan pusat iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sememangnya telah lama mengadakan program kursus kekeluargaan ini iaitu semenjak tahun 2002 lagi. Selain itu juga Jabatan Agama Islam turut mempunyai model kursus yang sama dalam membimbing pasangan baru. Itu belum lagi diambil kira kursus asas kewangan dan keluarga yang dilaksanakan oleh agensi kaunseling dan pengurusan kredit (AKPK). Jadi saya tidak nampak di mana keberhasilan yang diinginkan oleh Kerajaan Negeri dalam mengadakan kursus ini memandangkan sudah ada program seumpamanya dilaksanakan oleh pelbagai agensi sebelumnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi banyak task rakyat yang telah dimansuhkan atau dipotong oleh Kerajaan Persekutuan seperti bantuan musim tengkujuh BNT kepada pekebun kecil. Saya mengharapkan Belanjawan Negeri ini akan mengambil kira perkara ini seterusnya memastikan tanggungjawab ini diambil laih oleh Kerajaan Negeri. Sebagai mana hampunya saya bertambah hampa lah juga pekebun-pekebun kecil ini apabila Belanjawan Negeri ini tidak memberi gambaran tentang bantuan seperti ini dalam pembentangan. Kerajaan Negeri harus sedar pekebun kecil seperti di Sungai Air Tawar bukannya seperti peneroka Felda yang nasib mereka lebih terbelah. Hasil daripada kelapa sawit dan juga getah ini lah yang menentukan makanan dapat dihidangkan kepada keluarga pekebun kecil ini. Bagi majoriti besar pekebun kecil hasil mengait buah sawit dan torehan pokok getah ini lah yang menjadi satu-satunya mata pencarian seharian mereka. Bila tiba musim hujan, bila datangnya tengkujuh maka mereka tidak boleh keluar untuk melakukan aktiviti kerja mereka maka tiadalah hasil yang boleh dibawa balik ke rumah pada hari tersebut. Bantuan musim tengkujuh ini lah yang sedikit sebanyak membantu mereka menyara keluarga ketika musimnya ditambah dengan penurunan ketara harga jualan buah sawit dan harga getah ketika ini kemungkinan mereka tidak mampu membuat apa-apa simpanan bagi menghadapi kesukaran ketika musim tengkujuh. Maka apabila BNT dihapuskan pastinya ini akan menambah beban kepada mereka. Oleh itu kepada Menteri Besar fikir-fikirkan lah langkah terbaik untuk menggantikan BNT yang telah pun dihapuskan bagi membantu pekebun kecil di seluruh negeri Selangor ini. Selain daripada itu kepada pekebun kecil sawit dan getah, golongan pesawah padi berjumlah...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat Ketua Pembangkang Sungai Air Tawar, Yang Berhormat Banting minta laluan. Sila kan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Speaker. Bukankah pernah bahawa kerajaan baik persekutuan dan juga negeri telah pun melaksanakan program bantuan yang lebih spesifik untuk mengatasi ketirisan yang dilakukan oleh pentadbiran lepas di mana bantuan-bantuan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar yang dahulunya dihulurkan, disalurkan tanpa melakukan satu proses saringan sehingga ada orang yang tidak harus, tidak boleh mendapatkan bantuan itu pun menerima bantuan dan bukan kah pernah satu perubahan perlu dilakukan untuk memastikan mereka yang betul-betul petani, mereka yang betul-betul nelayan, mereka yang betul-betul pekebun kecil yang memang bekerja keras diberi bantuan yang sewajarnya melalui satu saringan yang menyeluruh dan lengkap. Bukankah itu yang sepatutnya dilakukan oleh kerajaan pada masa ini. Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Banting. Itu cerita kerajaan terdahulu, saya nak teruskan perbincangan berkenaan kerajaan hari ini yang mana kita fikir golongan petani dan pesawah serta pekebun kecil di luar bandar. Selain daripada BNT kepada pekebun kecil sawit dan getah, golongan pesawah padi berjumlah 9,119 orang di negeri Selangor pula bakal menerima nasib yang sama. Insentif pengeluaran padi oleh Kerajaan Persekutuan telah pun dikurangkan, fasal subsidi baja padi turut dipotong. Untuk padi ini pula, sudah tentu ia berkait rapat dengan daerah Sabak Bernam di mana DUN Tuan Speaker berada. Begitu juga bagi daerah Kuala Selangor. Walaupun perkara berkaitan padi disebut dalam Belanjawan Negeri ini namun ia hanyalah sebanyak dua kali iaitu untuk melaksanakan program pembangunan industri padi di kedua-dua daerah ini untuk mengembalikan kesuburan tanah menerusi penggunaan baja organik, tidak disebut pula tentang apa-apa bantuan bagi menggantikan pemotongan yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu perkara lain berkaitan padi yang mungkin Kerajaan Negeri terlepas pandang adalah tentang penyakit hawar daun bakteria yakni BLB. Tuan Speaker tentu sangat arif tentang masalah BLB ini. Beberapa tahun kebelakangan ini penyakit BLB yang menyerang tanaman padi sering menjadi perkara utama yang dibincangkan di Dewan ini.

Termasuklah menjadi fokus dalam belanjawan sebelum-sebelum ini. Namun dalam pembentangan Belanjawan Negeri 2019 kali ini tidak pula dinyatakan tentang perkara ini. Jadi saya sekali lagi ingin mendapatkan penjelasan Kerajaan Negeri berhubung perkara ini. Ini adalah isu penting yang memerlukan keprihatinan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikannya. Jangan terlepas pandang kerana untung rugi golongan pesawah padi terletak pada tangan penguat kuasa. Jadi saya harap Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada perkara ini dan dapat mencari jalan bagi membantu kesemua kumpulan dan golongan sasaran yang saya sebutkan tadi dalam menghadapi hari-hari sukar kelak. Saya telah menyentuh tentang sawit dan getah. Saya juga telah bercakap tentang padi

seterusnya adalah tentang nasib kehidupan nelayan. Elaun sara hidup nelayan telah dipotong oleh Kerajaan Persekutuan. Sudah tentu pemotongan ini akan memberi kesan kepada nelayan-nelayan di Negeri Selangor terutamanya di 5 daerah iaitu Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat dan juga Sepang. Persoalannya berapa kali perkataan nelayan disebut dalam pembentangan Jumaat lalu. Hanya sekali dan itu pun langsung tidak ada kena mengena menyentuh tentang apa-apa bantuan kepada golongan ini. Jadi apakah nasib yang bakal menimpa nelayan ini? Apabila elaun sedia ada dipotong, ditambah pula tiada pengumuman bantuan secara spesifik oleh Kerajaan Negeri. Saya khuatir dan risau nasib mereka ini akan terus tidak terbela pada tahun hadapan. Walaupun begitu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar kerana menjadikan daerah Sabak Bernam sebagai gugusan perikanan dan akuakultur bagi Negeri Selangor. Maka di sini saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri apakah perancangan serta pelan khusus dalam membangunkan gugusan yang disebutkan ini. Tidak jelas apakah yang dimaksudkan oleh Menteri Besar dalam pembentangannya tempoh hari tentang perkara ini.

Tuan Speaker, rakyat telah memberikan kemenangan kepada Pakatan Harapan. Baik di peringkat persekutuan mahupun negeri, maka Pakatan Harapan tidak boleh lari daripada tanggungjawab memastikan kebajikan rakyat termasuklah golongan pekebun kecil dan nelayan ini terus terbela. Jika sekali pun perlu menambah defisit negeri ketika ini bagi maksud perkara yang telah saya sebutkan tadi. Buatlah kami di pihak pembangkang tidak bermasalah untuk menyokong seandainya ia digunakan bagi menjaga kepentingan dan kebajikan golongan ini. Cukuplah saya bercakap tentang beberapa titik sentuhan atau *touch point* kepada rakyat. Saya beralih pula kepada topik serta isu-isu yang lain yang saya rasakan perlu diberi perhatian dan tindakan lanjut oleh Kerajaan Negeri.

Pembentangan Belanjawan Negeri 2019 turut menyatakan hasrat Kerajaan Negeri bagi mewujudkan satu sistem pelupusan sampah dan sistem pepejal berteknologi *waste to energy* yang ini WTE dengan kos berjumlah RM500 juta. Saya membayangkan tentang pembinaan *incinerators* bila mana perkara ini diumumkan oleh Menteri Besar. Bagi saya ini adalah tindakan yang tepat dan kena pada masanya. Kita sedia maklum jumlah pembuangan sampah dan pepejal di Negeri ini adalah yang paling tinggi berbanding negeri-negeri lain. Dalam jangka masa panjang dan berterusan tapak pelupusan sampah di negeri ini dijangka tidak mampu menampung keadaan ini. Kerajaan Persekutuan juga telah mengumumkan sasaran dan mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah *incinerators* bagi setiap negeri di Malaysia dalam tempoh 2 tahun. Walau bagaimanapun penggunaan *incinerators* ini perlu diteliti dengan lebih mendalam memandangkan kerana khuatir ia boleh menimbulkan masalah lain. Sebagai contoh sebagai proses eksinerasi menerusi pembakaran akan mengubah bentuk sampah kepada abu dalam 2 jenis iaitu dengan izin *bottom as fly as*. Kedua-dua jenis abu ini boleh membawa masalah kepada pencemaran alam sekitar yang serius jika tidak diawasi oleh pelaksananya. Jadi saya ada beberapa soalan yang memerlukan jawapan tuntas dan lanjut daripada Kerajaan Negeri berhubung perkara ini. Pertama adakah pembinaan *incinerators* menerusi anak Syarikat Kerajaan

Negeri iaitu melalui World Wide Holding Berhad ini adalah tambahan kepada cadangan Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan sebuah sebuah *incinerators* di setiap negeri atau inilah satu-satunya *incinerators* yang akan diwujudkan di negeri ini.

Kedua memandangkan *incinerators* ini adalah berteknologi *waste to energy*, sejauh manakah kerjasama antara Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Tenaga Sains, Teknologi Alam Sekitar dan perubahan alam iklim serta Kementerian Kerja Raya bagi memastikan infrastruktur, pembekalan tenaga dapat disediakan menjelang siapnya projek *incinerators* ini. Ketiga, dan yang terakhir walaupun berteknologi *waste to energy*, proses pelupusan sampah dan sisa pepejal ini akan turut menghasilkan abu dan pelepasan gas. Jadi apakah standard pelepasan gas yang akan ditetapkan

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Banting ingin mencelah.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Sekejap. Ditetapkan bagaimanakah sisa abu yang terhasil menerusi *incinerators* ini akan dikendalikan sama ada untuk jangka masa pendek atau pun jangka masa panjang. Sabar ya Yang Berhormat, nanti saya akan jawab, akan jawab.

TUAN SPEAKER: Tak bagi ya, tak bagi.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Tak bagi. Persoalan ketiga ini adalah paling kritikal memandangkan kesan negatif kegagalan membuat kawalan yang sepatutnya boleh membawa bencana lain yang berbahaya seperti kerosakan nutrien tanah dan juga boleh membawa kepada masalah penyakit. Bercakap tentang pelupusan sampah dan sisa pepejal ini juga pada bulan Jun lalu, EXCO Alam Sekitar Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna dan Hal Ehwal Bukan Islam iaitu Yang Berhormat Kajang telah menyatakan Kerajaan Negeri akan mewajibkan pengasingan sisa pepejal isi rumah dalam tempoh 2 tahun secara berperingkat. Jadi selepas hampir 6 bulan pengumuman ini dibuat, saya ingin bertanya apakah status terkini rancangan peraturan ini dan berapakah jumlah Pihak Berkuasa Tempatan iaitu PBT yang telah melaksanakan peraturan ini? Yang Berhormat Tuan Speaker, beberapa bulan yang lalu kita digemparkan dengan laporan dari media dengan aktiviti kilang-kilang kitar semula sekitar daerah Kuala Langat yang dikatakan menjadi pusat tempat longgokan plastik kitar semula dari serata dunia. Selain itu, proses pelupusan juga dilaporkan tidak mengikut prosedur yang dibenarkan ini termasuklah menerusi pembakaran terbuka yang bukan saja menjejaskan kesihatan penduduk malah memberikan kesan buruk kepada kualiti alam sekitar.

Saya difahamkan terdapat sekitar 40 buah kilang dan pusat plastik yang beroperasi di daerah ini. Walaupun Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memutuskan untuk menghentikan sepenuhnya pengeluaran permit import yakni MP bagi sampah plastik secara serta-merta namun

operasi pelupusan sampah yang telah mendapat lesen sebelum ini masih lagi akan berjalan seperti biasa. Aktiviti yang dijalankan di kilang-kilang tersebut telah menimbulkan rasa kurang senang penduduk malah telah terdapat banyak kes yang melibatkan kesihatan penduduk yang terjejas teruk termasuklah risiko penyakit kanser yang telah pun dihadapi oleh penduduk yang tinggal di sekitar kilang tersebut. Selain daripada itu, EXCO Kerajaan Tempatan Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu iaitu Yang Berhormat Kinrara yang lalu ada menyebut bahawa sejumlah 17,329 tan metrik sisa plastik yang tiada pemilik di 26 buah kilang dan sebuah tapak pembuangan di daerah ini akan dilelong bagi membolehkan sisa plastik tersebut dibersihkan. Jadi saya ingin bertanya adakah proses bidaan tender telah dibuat? Jika telah dibuat, syarikat manakah yang telah berjaya dan berapakah nilai tender tersebut. Jika tender masih belum dibuka, bilakah jangkaan perkara ini akan dilakukan. Mohon EXCO bertanggungjawab dapat menjelaskan perkara ini kerana jumlah 17 ribu tan sisa plastik itu bukanlah jumlah yang kecil. Ianya bukan saja menyakitkan alam sekitar ia juga menyebabkan sakit kepada penduduk di sekitar. Saya juga ingin menyentuh penggunaan beg plastik yang dikenakan cas 20 sen. Saya juga melihat cas 20sen ini tidaklah begitu berjaya mengurangkan penggunaan beg plastik. Sebaiknya penggunaan beg plastik ini digantikan dengan penggunaan beg kertas barulah matlamat mengurangkan beg plastik dapat tercapai dalam jangka masa panjang alam sekitar akan terus terpelihara dan kos pelupusan sampah pasti juga akan dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah menyatakan komitmen untuk mengekalkan keluasan hutan di negeri ini sekurang-kurangnya 30% daripada keseluruhan keluasan Negeri Selangor. Mengikut data keluasan hutan di Negeri Selangor adalah seluas 31.5% atau 250,129 hektar. Baru-baru ini Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengeluarkan satu notis di akhbar-akhbar tempatan tentang cadangan untuk mengeluarkan tanah dari kawasan hutan simpan kekal di hutan simpan Bukit Lagong ke Mukim Batu dan Rawang dalam daerah Gombak bagi tujuan projek pembangunan perumahan. Di khabarkan keluasan tanah yang akan dinyah rezabkan dari hutan simpan kekal ini adalah seluas 28.3 hektar atau pun 70 ekar. Memandangkan lot tanah ini melibatkan tanah hutan simpan kecil, maaf tanah hutan simpan kekal adakah terdapat keperluan mendesak sehingga ianya perlu dibersihkan seterusnya dinyah rezabkan. Pada masa yang sama saya juga ingin bertanya apakah jenis projek perumahan yang akan dibangunkan, adakah ia projek rumah mampu milik atau pun ia perumahan mampu tengok. Jika ianya adalah perumahan mewah yang tidak mampu dibeli oleh majoriti penduduk Selangor saya bantah sekeras-kerasnya tindakan ini. Saya merasakan banyak lagi kawasan lain yang boleh dibangunkan berbanding daripada dinyah rezabkan tanah hutan simpan kekal ini. Nama pun hutan simpan kekal, sepatutnya ia tidak disentuh dan sepatutnya terus dikekalkan. Janganlah digadai hutan simpan kekal ini atas nama pembangunan walaupun mungkin kawasan terlibat hanyalah sebahagian kecil dari keseluruhan kawasan hutan simpan kekal ini.

Yang Berhormat Timbalan Tuan Speaker, antara komponen utama dalam pembentangan belanjawan pada Jumaat lalu adalah tentang gaya hidup sihat. Pelbagai program dirancang di bawah skop ini. Termasuklah program pemakanan sihat, program kesihatan mental, program memperdayakan generasi muda termasuklah aktiviti kesukanan dan program antidadah. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana cakna kepada pentingnya gaya hidup sihat ini. Seperti yang saya katakan di awal ucapan saya perkara yang baik kami akan sokong dan untuk pelaksanaan gaya hidup sihat ini kami tiada masalah untuk memberi sokongan memandangkan saya juga seorang yang obesiti. Tetapi bercakap tentang gaya hidup sihat ini Kerajaan Negeri lihat-lihatlah juga rumah-rumah urut yang semakin tumbuh bak cendawan selepas hujan di Negeri Selangor ini. Memang betul urut itu boleh menyihatkan tubuh badan tetapi kalau banyak sangat rumah urut ini bukan lagi sihat tubuh badan, ini mengundang musibah namanya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta mencelah sikit.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Ya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB: Cerita kisah fasal rumah urut ini dah lama saya duduk. Kita tawaran daripada kerajaan untuk bawa bukti contoh tak pernah dilaksanakan. Boleh kali ini diberikan bukti di mana?

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang berkenaan dengan kerajaan dahulu dan rumah urut ini pun saya tak sokong tapi Kerajaan baharu ini sebab itu saya sebut minta dikurangkan. Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu memainkan peranan jangan begitu mudah mengeluarkan lesen untuk operasi rumah urut ini. Lihatlah laporan media, ada rumah urut yang menjalankan aktiviti songsang yang menawarkan khidmat lebih daripada sekadar urutan. Dalam giat memberi lesen pemantauan juga perlu digiatkan. Operasi kawalan perlu diperbanyakkan, jangan dibiarkan mengurus untuk tubuh badan sihat dirosakkan dengan aktiviti yang tidak bermoral. Lagipun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan jumlah yang besar untuk melaksanakan gaya program hidup sihat maka tidak perlu lagi lesen rumah urut dikeluarkan. Cukuplah rakyat menyertai mana-mana program yang dicadangkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Yang tidak perlu, tutuplah rumah-rumah urut ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin menyentuh tentang keadaan Stadium Shah Alam. Stadium kebanggaan rakyat Selangor, stadium yang berkapasiti besar yang juga bertaraf antarabangsa. Namun di sebalik semua ini jika dilihat daripada kejauhan keadaan stadium Shah Alam sangatlah mendukacitakan. Dari jauh dilihat stadium ini tidak lagi indah, warnanya suram seperti lama ditinggalkan. Tidak langsung mencerminkan taraf dan standardnya. Jika dilihat dari dekat pula banyak pula bumbung-bumbung yang bocor. Kawasan di sekitar di luar stadium keadaannya sangat hiba. Kapasiti dan kemudahannya di dalam stadium seperti tandas pula agak sukar digambarkan dengan kata-kata. Selain daripada itu keadaan tempat letak kereta juga sering kali dinaiki air

apabila hujan lebat. Jadi saya berharap kerajaan negeri boleh memberi tumpuan kepada kerja-kerja naik taraf yang sebenarnya sangat kritikal yang diperlukan oleh Stadium Shah Alam ini. Tiba masanya kita kembalikan kemegahan rumah kita ini. Memandangkan stasion LRT3 akan melintasi laluan ke Stadium Shah Alam. Saya mengharap kerja menaik taraf ini dapat dilaksanakan secara seiring dengan kerja-kerja LRT3 ini. Apabila LRT3 siap kelak maka tiada masalah sistem pengangkutan yang berhubung ke Stadium Shah Alam. Maka pada masa tersebut Stadium Shah Alam dan Stadium Melawati boleh dipromosikan sebagai *value* berbagai acara atau aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan oleh mana-mana pihak. Sesungguhnya mencegah lebih baik daripada merawat dan sesungguhnya juga di mana bumi ini dipijak di situ langit dijunjung. Bagi pihak pembangkang kita bersaudara di Dewan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan kerana akur kepada suara rakyat yang telah bersetuju untuk menolak adaptasi konvensyen antarabangsa penghapusan segala bentuk adaptasi kaum atau singkatannya ICERD.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker Peraturan Tetap

TUAN SPEAKER: Ya silakan Peraturan Tetap

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Peraturan Tetap 38 Perbahasan hendaklah kepada Rang Undang-Undang tersebut. Rang Undang-Undang ini adalah Rang Undang-Undang Perbekalan. Ini isu yang baru dibangkitkan itu adalah dibangkitkan di luar bidang kuasa Dewan ini. Di luar kuasa bidang luar ini. Jadi tidak harus diteruskan.

TUAN SPEAKER: Ya Yang Berhormat Ketua Pembangkang nanti kalau ucapan kaitkan dengan Belanjawan yang ada ya.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Baik terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Cuma saya ingin mengulangilah mana Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sarafuddin Idris Shah pada minggu lalu tiada tolak ansur kepada mana-mana pihak yang Cuma membangkitkan dan mempersoalkan mengenai hak keistimewaan perjanjian konteks sosial yang telah dipersetujui oleh kaum di negara ini sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Y.B. Timbalan Tuan Speaker sebelum saya sampai kepada penutup ucapan saya ingin membawa beberapa permasalahan serta harapan rakyat Sg. Air Tawar. Adun Sg. Air Tawar ini adalah Bandar Berilmu di sini terletaknya Institut Perakaunan Negara iaitu IPN Institut Latihan Dakwah Selangor dan juga Politeknik Sultan Idris Shah serta Sekolah Asrama Penuh Integrasi Sabak Bernam. Tetapi bandar ilmu tidak cukup untuk merangsang ekonomi setempat rakyat di Adun Sg. Air Tawar ini. Adun mempunyai potensi besar untuk dimajukan produk pelancongan kampung tradisional serta hinggap desa atau *homestay*. Jadi saya mengharap Kerajaan Negeri dapatlah melihat potensi ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjayakan hasrat rakyat di sini. Selain itu juga saya juga ingin memohon agar sebuah pasar pagi iaitu market dapat dibina di pekan Parit Baru. Kedudukan pasar yang berhampiran ialah di BEN O dengan

kawasan ini tidaklah begitu hampir. Keadaan ini menyukarkan kehidupan seharian penduduk di sana. Saya juga ingin mencadangkan agar dibina rumah transit bagi menempatkan mereka yang menerima musibah seperti kebakaran rumah untuk diletakkan di rumah transit ini sementara dibina rumah baru atau pun bantuan kepada mereka dapat dilaksanakan. Jadi saya meminta agar dibina rumah transit untuk mangsa yang mengalami bencana atau kebakaran rumah. Kita ini di Malaysia Baru janganlah kerana Adun Sg. Air Tawar dimenangi oleh pembangkang maka ia disisihkan atau dianaktirikan oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa untuk sampai di sini perbahasan saya bagi Belanjawan Negeri Selangor 2019 seperti yang saya awal tadi yang baik kami akan sokong yang tidak baik kami akan tegur. Saya telah menyampaikan teguran saya sepanjang perbahasan saya ini kini terpulang Kerajaan Negeri pimpinan Sg Tua untuk mengambil maklum dan mengambil tindakan sewajarnya. Kepada Kerajaan Negeri pikullah amanah dan tanggungjawab rakyat ini dengan sebaik mungkin. Amanat yang diberikan ini amanat yang besar kalau tidak mahu buat pun tidak mengapa 5 tahun lagi kami yakin kami sudah bersedia. Izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

Terima Kasih Daun Keladi
Tuan Speaker Yang Baik Hari
Telah Disampai Segala Yang Dihayati
Sg. Air Tawar Berundur Diri

Jangan Salah Tindak Jari Jemari
Kelak Merana Diri Sendiri
Berjagalah Wahai Kerajaan Negeri
Kami Di Sini Sentiasa Memerhati

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Seterusnya kita menjemput Y.B. Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker. Selamat tengah hari. Salam sejahtera kepada semua Ahli Dewan Negeri Selangor dan juga pemerhati-pemerhati yang ada di dalam Dewan ini.

Daun Nipah Kajangnya Rapat
Hidang Tetamu Di Kuala Maran
Buku Belanjawan Berjuta Maklumat
Fakta Dan Ilmu Jadi Rujukan

Bermukadimah dengan rasa syukur dan gembira. Izinkan saya memulakan dengan ucapan ini dan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Menteri Besar dan

pasukannya yang berjaya membentangkan Belanjawan Selangor 2019 yang boleh kita sebutkan Belanjawan bersama dengan tema 'Merencanakan Ekonomi Mendayakan Rakyat dan menyejahterakan negeri ini. Kerajaan negeri Selangor kini ada lah kesinambungan kejayaan kita bersama dalam pentadbiran tulus dan amanah. Dengan membekalkan Belanjawan yang seimbang saya percaya bahawa Selangor kini berada di landasan yang meyakinkan bukan sahaja peringkat nasional malah juga di peringkat antarabangsa. Tahniah buat semua yang bertungkus lumus menjayakan agenda pembangunan. Tuan Speaker sebelum saya meneruskan pembahasan ini izinkan saya menceritakan *feedback* (dengan izin) seorang penganalisis yang saya terjumpa selepas pembentangan Belanjawan 2019. Beliau telah maklum kepada saya walaupun bajet ataupun Belanjawan Negeri Selangor kalau dibandingkan dengan Belanjawan di peringkat pusat adalah agak kecil. Tetapi ianya adalah satu Belanjawan yang inovatif dan sangat proaktif. Jadi pada masa sama juga Bukit Lanjang mengemukakan tiga soalan asas yang mana ianya merangkumi keseluruhan Belanjawan yang telah dibentangkan.

1. Apakah Kerajaan Negeri akan capai
2. Apakah Kerajaan Negeri akan lakukan sekarang
3. Apakah maksud Belanjawan ini untuk rakyat Selangor

Justeru itu saya cadangkan agar penerangan tentang Belanjawan ini dapat diselaraskan ke seluruh perusuh di Selangor agar pencapaian maklum ini dapat dihayati dengan penuh kefahaman di mana rakyat tahu kedudukan ekonomi negeri dan manfaat yang boleh dinikmati. Saya juga amat tertarik dengan plan cadangan Belanjawan Selangor 2019 yang mengimbangi antara belanja mengurus dan belanja pembangunan. Satu jumlah yang signifikan dan menggambarkan kemakmuran ekonomi negeri yang sentiasa meningkat. Sejumlah RM2,560,000,000.00 telah di peruntukan bagi Belanjawan kali ini. Dari jumlah tersebut 50% telah di peruntukan bagi setiap belanja mengurus dan pembangunan. Maka lima strategi Belanjawan 2019 yang dibentangkan amatlah tepatan dengan sasaran yang diunjurkan. Pada ketika ini saya amat bangga bahawa Selangor masih merupakan negeri satu-satu negeri yang berani mengekalkan Belanjawan seimbang ini. Tuan Speaker merujuk kepada ucapan Dato' Menteri Besar berkenaan dengan lima strategi ianya boleh dirumuskan sebagai satu iaitu strategi memperkukuhkan ekonomi. Merangkumi semua aspek keperluan dan kebaikan buat rakyat Selangor. Dalam kesempatan ruang ini izinkan saya untuk menyentuh sedikit tentang Skim Hijrah yang dirangka bagi membantu penguasa tempatan meneruskan perusahaan dan perniagaan mereka. Skim ini seperti yang kita maklum bahawa telah pun berjaya membawa manfaat kepada pemohon-pemohon. Sehubungan dengan itu, saya memohon Pengerusi Jawatankuasa yang terlibat untuk menyatakan:

1. Apakah kesannya kepada pertumbuhan ekonomi negeri.
2. Adakah data terkini yang boleh kita lihat peningkatan ekonomi kepada peminjam.
3. Bagaimanakah pemantauan yang dijalankan berjaya menjadikan program ini berjaya mencipta bersaing dalam usahawan.

Tuan Speaker dunia ini dalam Pemodenan Digital maka amatlah wajar apa yang telah dicadangkan dalam Belanjawan iaitu Kerajaan Negeri akan memajukan satu sistem bersepadu dan menyeluruh Selangor iaitu Selangor Wait Network (dengan izin) ataupun ZUAN. Sehubungan dengan itu, saya memohon penjelasan sewajarnya apakah prosedur dan kriteria yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan ZUAN. Mohon penjelasan tentang:

- A. Apakah perlu pelantikan agensi tertentu untuk mengawal selia sistem ini.
- B. Apakah ada ruang pekerjaan terbuka kepada anak-anak Selangor khususnya yang baru *graduan* (dengan izin) untuk turut serta dalam menyumbang dalam sistem ini.

Tambahan juga Tuan Speaker saya tertarik bila saya baca dalam pembentangan ZUAN kita juga akan meneruskan inisiatif (dengan izin) *open goverment* iaitu satu inisiatif yang bagus dan produktif. Dan saya ingin cadangkan kepada Dato' Menteri Besar bahawa seorang Exco yang dilantik harus untuk mengurus perkara ini iaitu *open goverment*. Tambahan juga dengan ZUAN ini saya harap kita boleh lihat satu sistem carian yang baru di mana *line bank library sistem* fasa 2 boleh di akses oleh orang awam secara berbayar seperti carian maklumat syarikat yang sedia ada di negara ini. Kalau kita ada sistem ini maka kita boleh kurangkan tek merah *red* tek pada masa yang sama boleh mengurangkan masa perjalanan ke Pejabat Tanah dan Daerah. Dalam meneruskan usaha mempertabatkan kebajikan rakyat saya dengan bangga dan mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor yang berterusan peduli dan prihatin kepada kehidupan rakyat. Terbaru sekali ialah dengan bersetujunya menaikkan jumlah air percuma daripada 25 padu kepada 20 padu 25 padu sebulan. Bantuan ini benar-benar memberi kesan kepada kehidupan seharian. Walaupun tidak banyak bezanya namun pada mereka berkeperluan amatlah bernilai. Peruntukan sebanyak RM80,000,000,00 ini sudah cukup untuk membiayai kos air percuma malah pihak Kerajaan Negeri juga baik untuk membuat penjimatan. Inilah yang kita harapkan pentadbiran yang tulus dan dapat merasai hasil kebijaksanaan kepimpinan negeri. Pada masa yang sama saya juga memohon Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula Skim Air Percuma bukan sahaja memberi fokus kepada golongan B40 tetapi juga dipanjangkan kepada M40. Walaupun kita fikir (dengan izin) *the mider class* di Selangor dan juga di seluruh negara Malaysia di tahap yang selesa tetapi kebanyakan mereka sebenarnya memerlukan sedikit bantuan dan ini adalah satu cara di Selangor kita boleh membantu mereka untuk mengurangkan kos kehidupan seharian dan pada masa yang sama (dengan izin) *in cis of income* untuk keluarga-keluarga M40. Ahli-Ahli Dewan Yang Dihormati saya juga menyambut baik inisiatif Program Kasih Ibu Smart Selangor ataupun KISS yang bukan sahaja menjaga kebajikan hampir 40,000.00 orang yang layak malah Belanjawan kali ini juga telah menawarkan kepada mereka untuk menjadi peserta *Work The Home* (dengan izin) ini tidak langsungnya memberi kemahiran dan peluang untuk menjanakan ekonomi keluarga. Saya berpandangan bahawa program ini mestilah kita kembangkan bukan sahaja ke seluruh pelosok negeri Selangor malahan kepada negeri-negeri lain agar pengetahuan dan pengalaman kita boleh digunapakai

demi kepentingan bersama. Walau bagaimanapun, saya juga ingin menekankan bahawa bukan semua pemohon KISS tidak ada kerja. Mereka di dalam satu *level* ataupun tahap di mana mereka memerlukan bantuan bantahan daripada kerajaan negeri jadi, saya harap kerajaan negeri dalam usaha untuk melaksanakan *work from home*, dengan izin, saya harap kerajaan negeri tidak memaksakan ataupun menjadikan ini antara syarat untuk mereka layak dapat KISS.

Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN: Taman Templer.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Silakan Taman Templer.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan Taman Templer.

Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Tahniah dan syabas kepada kerajaan negeri Selangor kerana meneruskan soal berkaitan dengan kepedulian kepada rakyat tadi disebutkan soal berkaitan dengan program-program IPR, air percuma, KISS, Kad Peduli Sihat, cuma saya nak minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan, ada suara-suara yang menyatakan di luar sana, yang menyatakan bahawa kita kerajaan Pakatan Harapan di negeri Selangor ini, program-program ini kita bagi kepada mereka yang ahli kepada parti-parti politik dalam Pakatan Harapan, jadi saya nak minta penjelasan sikitlah daripada Bukit Lanjan. Benarkah tohmahan-tohmahan yang menyatakan bahawa program-program IPR ini kita pilih bulu, maksudnya ada satu dasar diskriminasi yang kita amalkan oleh kerajaan negeri Selangor, maksudnya kita bagi kepada mereka yang menjadi ahli kepada parti-parti dalam Pakatan Harapan. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Taman Templer, saya tidak berhasrat untuk menjawab bagi pihak kerajaan negeri tetapi dalam pengalaman saya, sebagai ahli dewan negeri Bukit Lanjan, kita tidak memilih siapa sasaran kita. Sesiapa yang perlu bantuan, kita akan pastikan mereka mendapat bantuan tersebut, termasuk anggota daripada UMNO, anggota parti PAS, anggota parti Gerakan (MCA) ataupun MIC walaupun mereka pembangkang di negeri Selangor tetapi kita ada tanggungjawab untuk memastikan bahawa mereka ada hak yang sama dengan semua rakyat di negeri Selangor. Izinkan saya menyambung ucapan saya, Taman Templer, boleh?

Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN: Saya izinkan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KIAT PING : Terima kasih Taman Templer. Tambahan juga tentang program KISS, saya juga ingin mengingatkan kerajaan negeri supaya jangan lupa warga emas yang mungkin tidak layak mendapat KISS kerana KISS adalah khas untuk ibu-ibu yang ada anak yang masih bersekolah. Tetapi kita ada warga emas yang memerlukan bantuan, sedikit bantuan, bantuan makanan, *food stamp* dan sebagainya dan kerana mereka tidak layak dapat KISS, ini pengalaman saya juga di DUN Bukit

Lanjutan di mana kita ada program khas untuk mereka menggunakan peruntukan yang disalurkan kepada Adun-Adun tetapi kerajaan negeri juga harus melihat macam mana kita boleh membantu warga emas yang memerlukan kasih sayang daripada kerajaan negeri. Usaha dan niat kerajaan negeri dalam penajaran semula program inisiatif peduli sihat adalah satu langkah yang tepat dan berani. Saya tahu kebanyakan daripada Adun-Adun, khususnya Adun-Adun yang telah berkhidmat sebelum ini, rasa sedikit risau. Apa yang akan dipotong? Apa yang akan dikurangkan? Siapakah sasaran kita dan sebagainya? Tetapi saya yakin kepada kerajaan negeri bahawa penerima-penerima program-program IPR adalah satu golongan yang amat memerlukan bantuan daripada kerajaan negeri. Kedua, ini adalah satu, IPR adalah satu projek ataupun program di mana rakyat di negeri Selangor dapat merasai manfaat dan juga kita boleh beritahu mereka bahawa hasil negeri adalah untuk rakyat yang duduk di negeri Selangor. Jadi, tidak mustahil untuk kita melebarkan pengalaman ini kepada negeri-negeri lain yang ditadbir oleh kerajaan Pakatan Harapan, juga negeri yang dikelolakan oleh pembangkang. Tiada perbezaan kerajaan, fokus kita adalah untuk membina satu kehidupan yang lebih bermakna dan lebih bererti.

Tuan Speaker, setiap negeri ada budayanya, setiap daerah juga ada warisannya. Saya amat bersetuju dengan strategi ketiga iaitu pembangunan seni dan budaya di samping kita dapat mengangkat kedudukan seni dan budaya di Selangor. Kita juga membuka ruang kepada penggiat seni, melebarkan bakat mereka seterusnya memperoleh pendapatan tambahan. Sejumlah RM4.5 juta telah dibelanjakan bagi menjayakan 3 program yang telah dirancang, iaitu Shah Alam Dialog, *Selangor Modest Fashion Week*, Tradisi dan Warisan. Justeru, saya memohon penjelasan tentang kaedah pelaksanaan. Siapakah yang diberi tanggungjawab untuk mengurus dan apakah ... Siapakah yang akan dilantik sebagai *auditor* luar bagi memastikan ketelusan dalam mengurus dan bagi mengelakkan ketirisan. Dalam isu melestarikan alam sekitar, saya amat gembira bila saya baca buku bajet ataupun buku belanjawan bahawa untuk alam sekitar dan juga untuk teknologi hijau, peruntukan yang sama telah diberi kepada Pengerusi Tetap untuk dua-dua *Standco* ini dan saya harap di negeri Selangor, kita juga menjadi peneraju ataupun *pioneer* dalam pelbagai projek-projek yang berkaitan dalam alam sekitar dan juga *Green Technology*.

Antara cadangan yang saya ingin kemukakan kepada kerajaan negeri adalah untuk mewujudkan pusat kitar semula untuk komuniti setempat yang mana pusat ini menyediakan stor terasing bagi barang buangan seperti sofa, peti ais dan almari terpakai. Penduduk setempat juga boleh menjadikan kawasan ini sebagai pusat carian barang terpakai yang masih boleh diguna pakai tanpa sebarang kos. Barang-barang elektrik yang masih boleh digunakan juga digalakkan dihantar ke pusat ini. Contoh pelaksanaan pusat komuniti ini boleh dilayari di <https://www.veolia.co.uk>. Ini adalah contoh bagaimana pusat kitar semula di United Kingdom dikawal selia. Dalam arus pembangunan bangsa, isu tempat tinggal adalah isu yang perlu diambil berat. Ia melibatkan keupayaan masyarakat untuk membina keharmonian dan semangat masyarakat yang tinggi. Justeru,

seperti yang telah dibentangkan iaitu *Rumah Idaman Rakyat Selangor, Rent to Own* dengan Maybank merupakan satu inisiatif yang terbaik di antara kerajaan negeri dan juga Maybank. Dasar ini sekurang-kurangnya dapat membantu pemohon dalam urusan jual beli dan juga kadar bayaran yang bersesuaian. Rumah Selangorku, saya menyokong penuh pemantauan berkala yang mesti diwajibkan agar projek yang sedang memenuhi syarat yang telah ditetapkan ini termasuk urusan jual beli, serahan kunci, penyelenggaraan dan sebagainya. Skim Smart Sewa, kita maklum bahawa sejumlah RM50 juta untuk program ini. Satu program yang berjaya kita laksanakan dan ia mestilah diteruskan agar generasi muda dan akan datang dapat merancang kehidupan mereka dengan lebih selesa dan teratur. 3 sektor ini, 3 seksyen ini adalah asas kepada pemula, kepada mereka-mereka yang ingin memiliki rumah, mampu milik, mudah berurusan dan yang pastinya tidak memberi beban kepada mereka yang layak. Bukit Lanjan mohon mencadangkan agar lokasi-lokasi pembinaan rumah Selangorku dapat ditambah ke seluruh negeri, juga akses kepada pemohon dapat dipermudahkan terutama mereka yang tergolong dapat B40.

Tuan Speaker, dan juga Ahli Dewan yang mulia ini, izinkan saya menambah beberapa perkara lagi daripada ucapan Dato' Menteri Besar pada hari Jumaat. Satu, adalah tentang pembangunan projek bekalan air. Terkandung dalam ucapan Dato' Menteri Besar, ialah satu kajian, kononnya satu kajian khusus akan dijalankan. Kajian ini dipanggil *Water Resources, Supply, Demand and Distribution Studies For Selangor* yang bakal menjadi pelan induk pembangunan sumber air negeri Selangor. Dengan izin, Dato' Menteri Besar dan juga Dewan yang mulia ini, saya ingin memberi cadangan bahawa kajian ini tidak sepatutnya dibuat oleh syarikat-syarikat yang berkepentingan iaitu syarikat-syarikat yang ada kepentingan dalam projek sumber air. Sebagai contohnya, syarikat yang membekal paip air, syarikat yang membekal mesin ataupun generator dan sebagainya kerana dalam pengalaman saya, selama 20 tahun ini, pelbagai kajian yang berkaitan dengan sumber air, khususnya *Water Resources, Supply and Demand*, dengan izin, adalah syarikat-syarikat yang berkepentingan maka dalam kajian tersebut, mereka juga dapat masukkan pelbagai cadangan yang memberi manfaat kepada mereka. Kedua, Selangor sepatutnya juga memperkenalkan satu paradigma yang baru, iaitu mengubah daripada, dengan izin, *Water Supply Management Approach*, di mana kita bergantung pada pencarian sumber air yang baru tetapi saya ingin cadangkan bahawa usaha untuk mengurus air, sepatutnya bertukar kepada dengan izin, *Water Demand Management Approach*, di mana kita melihat pelbagai cara menambah baik keberkesanan ataupun *effectiveness*, dengan izin, dan kita melihat sumber air yang sedia ada dan tanpa mencari sumber-sumber yang baru. Ini adalah satu paradigma, lonjakan paradigma yang saya nampak di Malaysia kita belum berani untuk mengambil paradigma tersebut dan saya harap kerajaan negeri boleh tampil ke depan untuk melihat cara pengurusan air yang berbeza daripada sistem yang kita ada sekarang ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh tentang *Selangor Slim*, saya tidak tahu apa maksudnya *slim*? Kerana dalam ucapan Dato' Menteri Besar tidak disebut tetapi

saya fikir *slim* itu macam Kampung Tunku, *slim*, macam itu (ketawa). Dan RM2 juta adalah satu peruntukan yang sangat bagus supaya rakyat di negeri Selangor dapat mengamalkan hidup yang sihat menambah lagi aktiviti fizikal dan sebagainya tetapi apa yang penting adalah, Tuan Speaker dan juga Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, kita harus bermula dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO dan juga semua Ahli Dewan Negeri di negeri Selangor, kita sepatutnya jadi contoh kepada rakyat. *No point*, dengan izin, kalau kita beritahu orang supaya kita harus makan makanan sihat, kita harus memperbanyakkan aktiviti fizikal dan sebagainya tetapi kita tidak mengamalkan amalan tersebut. Jadi ..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Berhormat, kalau nak berucap ..

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Jadi, saya ingin cadangkan kepada kerajaan negeri untuk mengadakan satu program khas kepada .. khas untuk Adun-Adun di negeri Selangor termasuk kerajaan negeri, wakil kerajaan negeri di mana kita boleh mengamalkan bersama dan pada masa yang sama saya juga ingin cadangkan bahawa semua Ahli Dewan Negeri Selangor diberi satu peruntukan khas untuk menjadi ahli ataupun *member* dalam *gym-gym* supaya, tapi kita perlu ada *attendance* (ketawa) , dengan izin.

Tuan Speaker, saya ada satu perkara lagi. Satu, adalah berkaitan dengan sukan dan perkara ini saya sering kali bangkitkan dengan Dato' Menteri Besar. Dalam ucapan belanjawan Dato' Menteri Besar, kita boleh lihat satu peruntukan yang cukup baik untuk bola sepak, sukan bola sepak dan juga untuk *e-sport* ataupun *cyber games*. Tetapi pada masa yang sama, saya ingin menyeru kepada kerajaan negeri bahawa sukan-sukan tradisi yang sebenarnya membawa kegemilangan kepada negeri Selangor dan juga kepada negara ini seperti wushu, *cycling*, sukan terjun dan akuatik, hoki dan sebagainya harus juga diberi perhatian yang sama. Jadi saya harap Dato' Menteri Besar bukan sahaja..... saya faham bola sepak adalah satu sukan yang digemari oleh semua rakyat di Negeri Selangor termasuk Bukit Lanjan tetapi pada masa yang sama kita juga perlu menjaga dan memberi peruntukan yang mencukupi kepada sukan-sukan yang lain di negeri Selangor. Tuan Speaker, saya juga ingin sentuh satu perkara iaitu tentang pertanian.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Oh, yes Taman Templer, silakan.

Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan kerana memberi laluan kepada saya pada tengahari ini. Soal berkaitan dengan sukan. Kita di Negeri Selangor ini ada 56 DUN. Baru-baru ini dalam SUKMA kita dapat tempat yang ketiga sedangkan *target* kita adalah untuk mendapatkan tempat yang pertama sebab Selangor ni negeri maju sebagaimana tadi disebutkan oleh Ketua

Pembangkang, stadium kita tu bertaraf antarabangsa. Cuma bila SUKMA ni kita dapat tempat ketiga, jadi pihak Kerajaan Negeri khususnya EXCO Belia dan Sukan kena tengoklah, kena perhatilah sebab kita mahu pada tahun 2020 nanti iaitu SUKMA yang akan diadakan di negeri Johor, kita mahu Selangor mendapat tempat yang pertama. Tadi saya sebutkan 56 DUN, tidakkah boleh atau pun tidakkah Yang Berhormat Bukit Lanjan boleh bersetuju dengan pandangan saya kalau kita letakkan setiap DUN itu sebagai 'bapa angkat' setiap jenis sukan yang terdapat sebagaimana tadi disebutkan soal berkaitan dengan wushunya, lumba basikalnya, renangya. Contohnya macam saya di Taman Templer, di Taman Templer itu sendiri saya nampak ada pasukan-pasukan ragbi yang diwujudkan oleh anak-anak muda belia kita di sana yang mungkin untuk Taman Templer itu sendiri, saya sendiri boleh untuk menjadi 'bapa angkat' kepada pasukan ragbi memandangkan susuk tubuh badan saya pun memang sesuilah selain daripada ragbi mungkin wrestlinglah. Adakah Bukit Lanjan boleh bersetuju dengan pandangan saya?

TUAN SPEAKER : Saya ingat gym pun lebih sesuai Taman Templer ni. Kalau gym pun sesuai kalau susuk tubuh tu. Renang pun *Insha Allah* juga saya rasa kalau yang itu.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Taman Templer. Saya amat bersetuju dan saya harap perkara ini juga akan diberi perhatian oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar supaya melantik Taman Templer sebagai Pengerusi Khas Persatuan Ragbi Negeri Selangor tapi ini adalah satu cadangan yang baik dan ini ada berkaitan dengan SLIM Selangor, Sukan Selangor dan tujuan kita di negeri Selangor supaya rakyat di negeri Selangor bertambah sihat. Supaya mereka tidak perlu pergi ke hospital selalunya, supaya mereka tidak pergi klinik selalunya, supaya mereka tidak menggunakan kad Peduli Sihat selalunya. Saya selalu beritahu penduduk-penduduk saya bila saya beri kad Peduli Sihat kepada mereka saya memang berdoa bahawa mereka tidak selalu guna kad itu kerana kalau mereka selalu menggunakan kad itu maksudnya mereka ada masalah yang besar dari segi kesihatan.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan, Batang Kali bangun. Silakan Batang Kali.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya, silakan Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker yang baik hati. Bukit Lanjan, saya dengar tadi agak banyak kali disebut oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan masalah air ini. Air ini memang masalah, kalau tak keluar air masalah, kalau banyak air masalah. Tapi Yang Berhormat Tuan Speaker, ada juga baiknya seperti yang Bukit Lanjan cadangkan supaya bukan hanya golongan B40 ini disasarkan mungkin juga kita boleh sasarkan ke golongan pertengahan ini yang rata-rata saya dengar di luar sana mereka agak merungut tentang persoalan ini. Kemudiannya, saya sangat berharap juga supaya Kerajaan meneruskan IPR-IPR yang cukup bagus ini

kerana inilah di antara rahsia bagaimana kita boleh memenangi 51 daripada 56 DUN di Dewan Negeri Selangor ini. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Batang Kali atas sokongan cadangan saya untuk memanjangkan Skim Air Percuma kepada M40 dan kita akan serah perkara ini kepada Kerajaan Negeri untuk buat keputusan nanti. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Saya ingin menyentuh tentang *Smart* Selangor yang diperuntukkan RM10 juta. Saya juga amat bangga bahawa di negeri Selangor, ianya merupakan satu negeri di mana *Smart City* atau pun *Smart Technology* dan sebagainya diberi perhatian yang mencukupi. Sebagai contohnya yang disebut dalam ucapan Dato' Menteri Besar iaitu Selangor *Intelligent Transport System* atau pun SITS. Saya difahamkan ini adalah satu sistem yang dibangunkan dengan kerjasama daripada Yang Berhormat Bandar Baru Klang semasa ianya dilancarkan. Saya ingin sebut perkara ini kerana dua (2) hari yang lalu saya berada di satu dengan izin, *bus stop* dekat Taman TTDI Kuala Lumpur di mana ada seorang warga emas, bukan warga emas, seorang *tourist* saya rasa. Ditanya kepada kita semua yang duduk dalam *bus stop* tersebut bila bas akan sampai? Bila dia tanya perkara itu, soalan itu. Pertama yang saya nak buat adalah untuk membuka *handphone* saya dan melihat *apps* yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri tetapi selepas saya fikir perkara itu baru saya sedar bahawa di Kuala Lumpur belum ada sistem tersebut. Jadi perkara ini, walaupun kita lihat adalah satu perkara yang mungkin kecil tetapi ianya menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri ada visi, satu *vision* dengan izin, yang sangat ke hadapan kalau dibandingkan dengan banyak negeri-negeri lain. Dengan itu, saya juga ingin menanya Kerajaan Negeri tentang infrastruktur *Smart* Selangor *bus stop*. Adakah ianya satu projek yang akan dilaksanakan di kesemua 56 DUN di negeri Selangor atau pun ianya akan diletakkan di kawasan yang tersasar. Saya sebut perkara ini kerana di kawasan saya iaitu dekat Selayang ada satu *Smart* Selangor *bus stop* yang kelihatan seperti terbengkalai. Jadi saya ingin dapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri di mana *bus stop Smart* Selangor ini akan dibina atau pun dibangunkan dan apa *progress* dengan izin, tentang *bus stop-bus stop Smart* Selangor ini yang telah dibangunkan di negeri Selangor. Satu perkara tentang *Smart* Selangor adalah yang disebut dalam ucapan Dato' Menteri Besar adalah tentang SST. SST bukan *Sales Tax* tetapi *Smart* Selangor *Toilet* (Tandas *Smart* Selangor) di mana RM1 juta telah diperuntukkan untuk projek ini. Saya ingin mencadang kepada Kerajaan Negeri supaya RM1 juta ini boleh diguna dengan lebih efektif kalau kita menggunakan RM1 juta untuk memberi pendidikan kepada orang awam macam mana kita sepatutnya menjaga tandas atau pun *toilet* kerana kita boleh membina infrastruktur yang paling bagus dengan elektronik atau teknologi yang tercanggih tetapi kalau orang awam masih tidak jaga tandas maka RM1 juta ini akan hangus.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh satu perkara yang dibangkit sebenarnya oleh Sungai Air Tawar. Walaupun ini bukan sesi menjawab tetapi masa itu kita tidak ada peluang untuk menanya Yang Berhormat Sungai Air Tawar tentang beberapa perkara. Satu yang saya rasa adalah satu andaian yang salah iaitu yang dibangkit oleh Sungai Air Tawar adalah seperti Kerajaan Negeri menjadi pengemis meminta atau pun memohon

sedekah daripada Kerajaan Pusat. Ini adalah satu andaian yang tidak patut disebut dalam Dewan yang ini kerana hak Kerajaan Negeri untuk menuntut peruntukan yang mencukupi dan wajar adalah satu hak yang belum direalisasikan. Kita merupakan Kerajaan atau pun sebuah negeri yang menyumbang paling banyak dari segi cukai pendapatan, cukai komersial, cukai perniagaan. Kita juga menyumbang lebih daripada 22% daripada GDP Nasional ini. Jadi apa yang sepatutnya berlaku adalah dalam keadaan yang boleh dikatakan lebih mesra antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri Selangor harus mula berbincangan dengan Kerajaan Pusat supaya peruntukan yang lebih harus diberi kepada Kerajaan Negeri. Bukan sekadar MARRIS sahaja, bukan sekadar nak jaga lampu, jalan, longkang dan sebagainya tetapi peruntukan di mana Kerajaan Negeri memerlukan dana yang besar untuk membangun negeri ini. Ini baru menepati *ideology federalisme*. Ini adalah *federalisme* yang kononnya diterjemahkan oleh UMNO Barisan Nasional sebelum ini di mana semua negeri bukan negeri Selangor sahaja tetapi semua negeri di Persekutuan ini nampak seperti pengemis. Jadi saya harap sokongan padu daripada semua Ahli Dewan Negeri untuk membantu dan menyokong Kerajaan Negeri untuk mendapat peruntukan yang sewajarnya daripada Kerajaan Pusat. Akhirnya Tuan Speaker, perkara yang sangat dekat dalam hati semua Ahli-Ahli Dewan Negeri ini adalah tentang memperkasakan Pejabat Dewan dan pada masa yang sama memperkasakan Pejabat-Pejabat Ahli Dewan Negeri Selangor. Sebelum Pilihanraya Umum ke – 14, kebanyakan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat disini telah tersiksa. Saya nak sebut perkataan ini tersiksa dengan persempadanan semula di Negeri Selangor. Kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain, hanya di negeri Selangor kita dapat satu persempadanan semula yang tidak adil bukan sahaja kepada Ahli Dewan Negeri tetapi tidak adil kepada pengundi-pengundi dan juga penduduk-penduduk di negeri Selangor. Sebagai contohnya, saya nak sebut ada tiga (4), empat (4) Dewan Negeri yang jumlah pengundinya lebih daripada Parlimen-Parlimen di negeri-negeri lain. Sebagai contohnya Kinrara, mana lagi? Kinrara, Subang Jaya, Sungai Kandis, Batang Kali, Bukit Lanjan, Bandar Baru Klang. Kita ada purata pengundi sebanyak 60,000 orang ke atas. Jadi Tuan Speaker, saya ingin cadang kepada Dewan Yang Mulia ini supaya :-

- 1) Kerajaan Negeri harus berbincang dengan SPR untuk melihat semula persempadanan di negeri Selangor.

Dalam 15 saat, saya ingin menyeru :-

- 2) Kerajaan Negeri memberi peruntukan tambahan kepada DUN-DUN yang ada penambahan ketara pengundi-pengundi di negeri Selangor.

Dengan itu, Tuan Speaker. Akhir kalam, sedikit nukilan untuk kita semua :-

Impian anak bangsa bertahan di antara keraguan,
Harapan anak bangsa bertahan di antara keputusan,

26 NOVEMBER 2018 (ISNIN)

Rasa bangga anak bangsa bertahan di antara masalah,
Kepercayaan anak bangsa bertahan di antara kepalsuan.

Maka sesungguhnya saya berkeyakinan dengan apa yang telah dicadangkan dalam belanjawan Selangor 2019 ini adalah rentetan kejayaan yang telah kita bina bersama. Saya dengan ini mohon menyokong.

TUAN SPEAKER : Terima kasih, Bukit Lanjan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengahari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.00 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

\

(Dewan Disambung Semula)
(Tuan Timbalan Speaker Mempengerusikan)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selamat petang Ahli Yang Berhormat. Dewan bersambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : *Bismillah hirrahman nirrahim. Alhamdulillah hiwassolatu wassalah mu'ala rasulillah.* Tuan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Selangor, saya mengucapkan terima kasih pada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi izin pada saya untuk memberi sedikit ucapan dalam mengambil bahagian dalam perbahasan tentang bajet ataupun Belanjawan Negeri Selangor bagi tahun 2019. Apa yang ingin saya perkatakan ini adalah beberapa perkara yang sangat penting dalam konteks yang telah dinyatakan oleh Dato' Menteri Besar semalam tentang tajuk, saya akan bermula dengan memberikan hal tajuk dan beberapa tema penting yang saya anggap sebagai dasar ataupun perkara-perkara yang menjadi pegangan Kerajaan Negeri bagi tahun ini dan akan datang. Ia menyentuh tentang tajuknya dikatakan ini sebagai merancakkan ekonomi, memberdayakan rakyat dan mensejahterakan negeri. Ada tiga komponen terlibat di sini satu, ekonomi, kedua rakyat dan ketiganya adalah negeri. Negeri dinisbahkan dengan kesejahteraan. Rakyat dinisbahkan dengan pemberdayaan dan ekonomi dinisbahkan dengan merancakkannya. Tetapi dalam tiga komponen ini saya menganggap perkara yang paling dasar sekali adalah bukan ekonomi. Tapi ekonomi adalah *sub-set*, dengan izin kepada rakyat. Apabila rakyat telah benar-benar diberikan satu dorongan yang kuat, satu motivasi yang kukuh, pemberdayaan ini benar bererti dia merasakan dia ada sumbangan yang besar dalam mencipta negara, Negeri Selangor yang sejahtera, yang rancak ekonomi dia. Dia akan menjadi manusia yang ada motivasi, motif yang jelas dalam kehidupan. *Mission* dia, dengan izin adalah satu *mission* yang jelas, visi dia adalah visi yang berbagai spectrum. Ini yang nak kita nyatakan ini. Kerana dalam apa yang telah dinyatakan dalam sesi-sesi sebelum kita ini digambarkan bahawa pentadbiran Negeri Selangor mengambil pendekatan *fastabiqulhairat*. Kita juga menyatakan bahawa pendekatannya juga menekankan tentang konsep *rahmatil lil 'alamin*. *Rahmatil lil 'alamin* bererti satu gagasan di mana rakyat paling bawahan bebas daripada kezaliman. *Maqasid al insaniah* yang telah kita nyatakan dulu menggambarkan bahawa perlunya satu dokongan yang mantap, dokongan yang menyatakan bahawa yang dikehendaki oleh Negeri Selangor ini adalah kesejahteraan, rancak ekonomi, membangun ekonomi, berdaya rakyatnya, bersih daripada jenayah, rasuah dan perkara-perkara yang tidak kita senangi.

Jadi, dengan itu saya ingin menegaskan di sini bahawa kita perlulah memberikan focus yang mantap, yang jelas bahawa yang kita hendak adalah membangunkan satu proses perancangan ekonomi berteraskan kepada pemberdayaan rakyat. Sekiranya itu *settle*, kita

dapat menerapkan misi *Rahmata lil 'alamin* kepada yang Islam dan bukan Islam. Pada saya di antara proponen kepada mengatakan bahawa *wama arsanaka ila rahmata lil'alamin* itu adalah nisbah kepada Rasulullah. Dalam Islam sifat Allah *af'alnya* dan namaNya yang paling selalu digambarkan dalam Al-Quran adalah *Rahman*. *Rahman* itu nisbah ataupun pecahan kepada *Rahman* dan *Rahim*. *Rahman Ar Rahim*, kita baca selalu *Bismillah hirrahman nirrahim* adalah di *journal* kan dalam konsep *Rahman*. Rahmat Allah itulah yang diturunkan oleh Allah dan disempurnakan dalam diri peribadi Rasulullah. Rasulullah membawa misi itu sebagai rahmat kepada sekalian alam. Dan apabila kita berada dalam sebuah masyarakat, sebuah negara, sebuah sistem, kita merupakan agen yang sepatutnya mensyukuri rahmat tersebut. Saya rasa semua manusia tanpa mengenal apa agamanya, Hindu, Kristian, Buddha, tidak ada agama, dia akan *appreciate* apa yang dikatakan *Rahman*. *Rahman* itu adalah kebahagiaan. Dia akan terima, akan dukung, akan belajar, dia akan mensyukuri dan dia akan menegakkan. Jadi, apabila kita dapat membina sebuah Selangor yang demikian, sebuah Selangor yang berbagai kaum, berbagai bangsa dan agama, yang merasakan dia ada *mission*. *Mission* yang jelas untuk membawa rahmat pada sekalian alam. *That's it*. Dan kita ada negara macam Finland, Denmark, macam Sweeden dan macam Iceland, *top 4*, *top 5* dalam ranking World Happiness Index. World Happiness Index yang disenaraikan 139 negara termasuk Malaysia, kita ranking nombor 57, 58 ketinggalan sedangkan kita rasa kita negara yang *Rahman* tetapi negara seperti Finland, Sweeden, Denmark, Iceland dan Norway merupakan negara yang paling mantap dari segi *happiness index* dan dalam perimeter lain jika dihalusi mengapa mereka gembira? kenapa mereka *happy*? kenapa mereka sejahtera? Yang anehnya mereka meyakini mereka berada dalam sebuah masyarakat yang *generous* dengan izin, yang pemurah. Ini satu perkara yang saya yakin, saya rasa dalam pendekatan yang perlu dibawa oleh Kerajaan Negeri Selangor kita dalam perkara ini. Tanamkan bahawa *yes* dengan izin, kita sama-sama India, orang asli, Melayu, Cina dan sebagainya ada misi yang jelas. Dengan itu, kita membebaskan fahaman sempit golongan yang rasis yang membawa isu yang lama, merefikasikan satu golongan antarabangsa yang luar biasa telah menjadikan satu perkara yang *radiration* dan hingga mencabar untuk melakukan rusuhan dan berbagai perkara yang tidak kita senangi. Jadi, dengan itu saya ingin tegaskan di sini bahawa saya akur sebagai aktivis dalam bidang hak asasi manusia dalam seminar yang saya terlibat baru-baru ini dengan satu nada semangat mengatakan bahawa "*Yes, we are closer to actifying asset*" rupanya terbalik. Tapi saya respek keputusan kabinet, keputusan kerajaan, keputusan Perdana Menteri untuk tidak meretifikasikan aset tapi saya tidak bersetuju sekiranya kita anggap itu sebagai satu perkara yang kita berpuas hati kerana undang-undang antarabangsa ataupun konvenal antarabangsa ini tujuannya adalah untuk memberikan, menanamkan rasa komitmen kepada negara-negara untuk mengambil ia sebagai *guideline*. Tidak ada konvensyen yang memaksa mana-mana negara untuk meletakkan perlembagaannya di bawah. *There's no such thing*. Dia panduan. Timbalan Speaker pun seorang peguam tahu benda itu. Ramai kita kena. Kalau kita kena kelentong, ada mana-mana pemimpin parti-parti Islam mengatakan dengan ditangguhkan ataupun dibatalkan aplikasi ICERD kepada kemenangan kepada Islam, kemenangan kepada Melayu, kemenangan kepada

negara, saya malu. Malu kenapa? Kerana satu dunia tahu. Orang yang tidak *rectify* ini orang yang membiarkan satu amalan *racistism* berlaku. Kita dah bebas dah 60 tahun merdeka tapi ada di situ institusi yang dinamakan Biro Tatanegara yang akan dihapuskan di dalam pemerintahan Pakatan Harapan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Boleh? Minta laluan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ingat kita kena bersikap adil lah. Sebab tadi Yang Berhormat Bandar Baru Klang pun memberikan teguran atas prinsip Peraturan Tetap untuk tidak membahaskan isu ICERD. Kita merujuk terus kepada perbahasan tentang bajet. Saya ingat kalau boleh lah, ya. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat membangkitkan Peraturan Tetap. Ya, minta Yang Berhormat Hulu Kelang kaitkan dengan belanjawan kita.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya nak kaitkan isunya ini berkaitan dengan bagaimana negara macam Malaysia ini masih memanggil orang India dengan izin, dengan maaf 'keling'. Kita kawan-kawan kita bila kita nak hina nak memburukkan dia panggil 'keling'. Walau kita nak hina orang tu jakun. Jakun ini satu kaum dalam orang asal, jakun, sakai. *That showed that* kita ni dah *very bad*. Jadi, kita oleh kerana adanya institusi macam Biro Tatanegara yang kata 1 Malaysia tapi *at the same time* kita menyemarakkan rasa perkauman, kebencian pada kaum, menghina kaum lain, tak betul. Jadi, saya harap perkara itu dapat kita tangani dan saya berdepan dengan satu kisah yang panjang. Kisah ini kisah wanita. Wanita Selangor, duduk di Selangor yang ditahan suaminya yang dimasukkan. Saya terpaksa menjadi ADUN yang membantah kerajaan. Saya terpaksa mengetuai satu demonstrasi bergerak, berarak dari Taman Merbok ke Parlimen baru-baru ini dengan 100 orang anggota keluarga, anak-anak, isteri, ayah, nenek dan sebagainya. Saya cukup terharu, saya rasa sedih bagaimana saya sendiri yang menyokong kerajaan Pakatan Harapan ini di mana menterinya saya dah temu, orang yang bertanggungjawab tentangnya saya telah temui, saya dah bincang dan sebagainya mengatakan "*that's shouldn't be such cruelty*". Saya telah tulis surat terbuka kepada Tun Mahathir meminta mengingatkan kita *we have missed the point*. Kita sepatutnya menjadi kerajaan *reform* yang paling awal membebaskan tahanan politik tapi kita tidak buat, *we missed the trademark*. Jadi, saya berharap isu SOSMA ini, saya seru Ahli-Ahli Dewan Negeri faham. Kita yang sedihnya makin lama makin teruk SOSMA ini akan dikekalkan. Apa yang berlaku baru-baru ini, di Malaysia boleh di terpendam tapi di Perancis berita besar. Masih lagi berita besar tentang kematian seorang warga Perancis yang dah belajar duduk di Malaysia 6 ½ tahun, belajar di Perlis, Sekolah Agama Maahad Al-Quran dan As Sunnah di Perlis telah *diendorsed* oleh mufti, Mufti Perlis bersama Dr. Mohd Asri datang tengok tidak ada masalah, semuanya ok. Diserang hendap, ditahan, ditangkap, diseksa, dikurung, diseksa disuruh mengaku paksa menyebut kawan-

kawannya yang lain daripada Yaman, daripada mana-mana semuanya *legal*. Mereka ini adalah pendatang yang sah, rupanya baik. Isteri dia tulis surat kepada saya. Banyak ni panjang. Menceritakan bahawa tolong *clear*kan nama suami dia. Suami dia bukan *terrorist* tapi bila dalam satu operasi dia telah ditangkap dalam bentuk yang demikian dan berlakulah satu penganiayaan di mana dia telah dibawa ke satu tempat secara terburu-buru dan kenderaan yang membawa dia berhadapan dengan kemalangan dan dia mati dengan digari tangan. Usianya masih muda 38 tahun dan terus kawan-kawannya itu dihantar balik ke negeri masing-masing sedangkan mereka adalah warganegara Perancis yang datang dengan visa yang sah, hubungan yang baik dengan Kedutaan Perancis dan sebagainya. Jadi, ini kita tidak mahu. Saya rasa sedih sangat apabila wanita-wanita ini datang memberitahu “dah pergi, dah pergi” kata dia. “telah meninggal itu tidak apa tapi saya tidak mahu saya dianggap isteri kepada seorang *terrorist*. Dia adalah pelajar sah. Belajar di Malaysia untuk meningkatkan ilmunya selepas menghayati Islam”. Ini satu peristiwa sedih yang saya harapkan tidak berulang, tidak berlaku lagi tapi saya berharap Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor memahami perkara ini agar kita faham bahawa proses ini adalah proses melibatkan hati manusia, rasa kecewa dia, rasa hampa dia kepada sebuah harapan kerajaan dan kita adalah sebahagian daripada proses tersebut dan mereka ingin bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri, Dr. Wan Azizah dan saya harap mungkin EXCO Wanita kita juga boleh membantu proses ini semua mereka dapat bertemu, menenangkan perasaan mereka agar perkara yang kita katakan *basic* kepada menjadikan Selangor negeri yang maju ini dapat dipaksakan ke atas *pre concern* nya tentang prihatinnya kita tentang orang-orang yang diperkasakan, diperdayakan jiwanya, kekentalan hatinya.

Tuan Timbalan Speaker, apa yang ingin saya teruskan di sini adalah tentang isu-isu yang dinyatakan sebagai belanjawan yang membawa kebaikan kepada rakyat. Satu, yang saya ingin tegaskan adalah pendekatan kita sebagai Ahli Dewan Negeri sebagai pembuat undang-undang, sebaga *legitator*. Kita berdepan dengan isu yang berorientasikan *legistrative* biasanya di dewan dan berorientasikan eksekutif. Maknanya kita ini dibagikan peruntukan RM800,000.00 setahun, ADUN-ADUN dan kita dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah menyempurnakan khidmat kita kepada rakyat menghabiskan RM800,000.00 itu, we made decision. Kita buat keputusan nak bagi siapa, nak buat apa. Dan dalam masa yang sama, persepsi rakyat masih lagi tak berubah, selepas 10 tahun kita memilih kerajaan, Adun ini dianggap oleh rakyat untuk settle masalah-masalah yang sepatutnya kita hanya pantau, hanya kita minta, hanya kita facilitate. Apa yang DO patut buat dengan work force dia, apa yang YDP, Datuk Bandar patut buat dengan dia punya team, kita setakat, kita ada saluran bersama-sama dengan JKKK dulu ataupun hari ini kita panggil sebagai MPKK, kita ada Ahli Majlis, kita ada macam-macam. Our role is just to donate. Walau bagaimanapun, kita berdepan dengan realiti masyarakat. Masyarakat nak kita tolong dia. Contoh, saya berada di sebuah kampung. Saya diminta hadir dialog. Bersama dengan mereka adalah penyokong UMNO, walaupun pada masa itu dah kalah tapi belum kalah habis. Belum pilihan raya yang baru-baru ini. Jadi, apa yang mereka nak adalah nak selesaikan satu perkara. Saya turun. Lepas itu they all shout, mana YDP, YDP MPAJ mana tak turun? Apalah, YB kami sokong, bagi undi pada YB, YB nak

bawa YDP MPAJ pun tak ada kekuatan. Tak ada umpph, tak ada kekuatan, YB tak ada pengaruh, tak dihormati. Tak dikisahkan. Saya faham. Saya tahu bahawa YDP MPAJ, DO Pejabat Daerah bukan bawah saya. 10 tahun saya berusaha dengan itu, saya negotiate dengan mereka, berunding dengan mereka.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih, Timbalan Speaker, terima kasih

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sabar Taman Templer. Tunggu kita bagi laluan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, silakan.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih Hulu Kelang. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat daripada Hulu Kelang, soal berkaitan dengan tugas Adun, tugas Ahli Parlimen, tugas Ahli Majlis, tugas ketua kampung di MPKK, saya nampak masyarakat kita yang ada pada hari ini negara kita ni nak menuju kepada negara maju dah nak sampai dah kita ni ke tahun 2020. Tetapi, saya tengok, ya lah, mungkin sebahagian mentalitinya merasakan bahawa kita sebagai Adun ni, kerja kita nak tengok sampah, kena tengok longkang, kena tengok parit, itu di antara kerja rutin yang kita kena buat sedangkan kita ni adalah merupakan ahli daripada sebuah Dewan yang mana kerja kita sepatutnya adalah menggubal dasar, menggubal peraturan dan juga undang-undang. Saya nak mencadangkan kalau andai kata Yang Berhormat Hulu Kelang setuju, perlu untuk kita menyegerakan satu proses penyelidikan politik saya rasa, kepada seluruh masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini dan Selangor menjadi peneraju kepada usul untuk kita berikan maklumat terkini untuk kita sampaikan maklumat yang sebenarnya tentang tugas fungsi dan juga peranan Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis, Ketua Kampung dan sebagainya. Sebab kita nak supaya masyarakat khususnya di negeri Selangor sebab Selangor ni negeri maju. Kita tak nak negeri sahaja maju tetapi masyarakat dan rakyatnya masih berfikiran agak ketinggalan di belakang. Saya masih teringat lagi dalam satu lawatan saya ke Indonesia, sebab itu saya nak sebutkan kalau nak belajar berpolitik, nak belajar cara berkaitan dengan amalan demokrasi, berparlimen ni, saya rasa kita kena pergi ke

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Templer, soalan.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Nak bersyarah la sikit Timbalan Speaker, baru lepas makan tadi kan?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Tidak dibenarkan lagi. Nanti, nanti. Tunggu waktu Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Soalan saya, soalan saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Adakah Hulu Kelang bersetuju, soal untuk kita mengadakan program-program pendidikan politik untuk memberi kesedaran kepada masyarakat rakyat khususnya di negeri Selangor. Terima kasih Timbalan Speaker, terima kasih Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya belajar, saya belajar pertama kali dengan rakan saya, Dato' Teng, guru saya dalam politik yang berbentuk inspiration of power. Saya belajar banyak daripada dia dan saya kena sebut tu for the record. Bukan nak puji, bukan nak membodek apa. Jadi, saya nak memberitahu bahawa I am for it. Saya suka. Diajar, belajar, we got to understand maknanya kita jangan main power je. Saya pernah, orang, penduduk jumpa saya, selalunya kami tak pernah minta sokongan YB lah, bagi surat sokongan pun tak nak. Saya, kalau tuan-tuan sokong saya atas dasar saya diminta buat benda yang tak betul, saya rela tuan-tuan tak panggil saya. I'm not a politician as such dengan izin. Tapi saya berlaku benar dengan prinsip separation of power. Saya percaya saya buat benda betul dan setakat ini saya menang 3 kali. Dengan itu, saya ingin menjelaskan di sini, kalau Sany suka, kita boleh lantik saudara Sany, saudara Taman Templer sebagai Pengarah Program lah.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Banyak sangat nak lantik saya ni. Nanti orang lain cemburu pula.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Ok, tak apa, tak apa. Saya tarik balik. Dengan itu, saya ingin menegaskan di sini bahawa 10 tahun saya beroperasi sedemikian. Hubungan saya dengan DO, hubungan saya dengan YDP MPAJ, DO Gombak berjalan dengan baik. Saya tak pernah overstep, saya tak pernah bagi arahan, saya tak pernah telefon, saya tak pernah hantar SMS kecuali saya beritahu keputusan saya, 'Dato' saya terpaksa berada di lokasi penguatkuasaan pada hari ini, Dato' akan adakan operasi perobohan saya akan hadir untuk menyatakan protes saya. Saya buat, benda tu jalan baik. Dan dengan YDP juga begitu. Tapi saya harap begini. Saya harap bila saya tulis surat pada YDP, pada DO, kalau tak nak jawab tu saya faham. Mungkin sibuk sangat ke, tapi saya bayangkan kalaulah rakyat tulis surat nak tau masalah, Dato' dan MPAJ tak layan, YDP tak layan, mesti ada sesuatu yang mereka tidak senangi. Jadi, kita kena bincang. Apakah KPI YDP MPAJ PBT dan DO di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah. Kalau benda itu jelas, dia kena jawab dan saya fikirkan kalau rakyat biasa, rakyat jelata memohon penjelasan melalui surat, perlu dibalas dengan surat, apatah lagi seorang wakil rakyat. Itu pandangan saya. Jadi saya tahu bahawa ini ada yang bagus, contohnya saya berdebat dengan satu derita rakyat, derita rakyat di Hulu Kelang ni antara lain adalah sama tempat lain, banjir. Saya pergi dengan Pak Mail di Kampung Pasir, bila saya pergi dia senang hati. Baik YB datang masa banjir. Tiap-tiap kali dia banjir saya pergi, dia pun

puas hati, padahal banjir. Saya kata, 'Pak Mail, saya rasa malu, saya dah buat lawatan, saya buat recommendation, hantar surat pada MPAJ, pada Pejabat Daerah, macam-macam jawapan, cadangan yang dikemukakan tapi tak selesai. Tapi tak apa, YB rajin turun. Saya yakin kalau YB turun Pilihan raya yang ke 15 YB bertanding lagi kali ke 4 mesti menang punya. Saya nak tergelak. Saya tak tolong Pak Mail, dah 10 tahun banjir saya tak dapat bantu, saya tak dapat selesaikan, Pak Mail sendiri kata saya akan menang kali ke 4. I'm very bad, saya seorang yang sangat tidak baik.

Jadi, saya menjelaskan pada dia Pak Mail kena faham begini, saya dah buat satu surat setelah sekian lama permohonan status terkini tindakan MPAJ berhubung isu banjir di Kampung Pasir dan di tepi MRR2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak jabatan telah melaksanakan, ditandatangani oleh Zafrul Fazri Bin Mohamad Fauzi, Pengarah Jabatan Kejuruteraan bagi pihak Yang Dipertua MPAJ. Dia kata di sini, 'Adalah dimaklumkan bahawa pihak jabatan telah melaksanakan semakan dan pemerhatian di tapak pada 3 Julai 2018, telah menyediakan cadangan menaik taraf sistem perparitan di waran tersebut. Cadangan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan tersebut melibatkan 870 meter dengan anggaran kos berjumlah RM1,138,341.50. Untuk makluman YB, pihak Majlis telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada YB Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Zuraidah Binti Kamaruddin dan EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, YB Tuan Ir. Izham Bin Hashim. Pada 10 Ogos 2018, surat setuju terima telah dilampirkan. Pihak Majlis akan melaksanakan kerja-kerja berkenaan setelah menerima peruntukan. Macam ni lah yang kita nak. Kerjasama yang selaras, seiring yang dilampirkan surat YDP, surat yang ditandatangani oleh YDP, permohonan YB Tuan Izham Bin Hashim satu surat pada EXCO kita di Selangor dan satu surat kepada EXCO Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan di sini kadar yang diperlukan, peruntukan yang diperlukan dan menyatakan bahawa kerja-kerja menaik taraf infrastruktur untuk pertimbangan dan kelulusan YB berdua, segala kerjasama dan perhatian YB di dalam perkara ini adalah amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih. Amatlah besar harapan Majlis agar peruntukan itu dapat disalurkan bagi menjalin keselesaan dan keselamatan penduduk-penduduk di bawah pentadbiran MPAJ. Ini saya sanjung dan saya puji, usaha begini perlu kita hidupkan agar derita rakyat itu, dia tau ke mana hala tujunya. Selama 10 tahun, saya menunggu menunggu, bertanya bertanya tak pernah ada jawapan. Tapi, apabila kita mempunyai sebuah kerajaan yang sama di peringkat di negeri dan di peringkat persekutuan barulah cahaya pencerah hidup akan menyinari kita dan saya berharap apa yang saya nyatakan ini merupakan satu perkara yang boleh memberikan keyakinan kepada kita semua bahawa kerjasama di antara pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam menyantuni rakyat kalau kita pertingkatkan dari semasa ke semasa.

Satu lagi yang saya ingin tegaskan adalah hubungan saya dengan DO. DO bersetuju bahawa apa yang diarahkan kepada beliau oleh Dato' Menteri Besar sebelum ini, Bukit Antarabangsa dilaksanakan iaitu memberi tapak pindahan kepada kedai di Kampung Pasir, sisir masuk ke EKVE baru-baru ini telah dipersetujui. Itu berlaku pada hampir 2

tahun yang lalu. Mereka bersabar menanti, menanti dan apabila saya tanya pada Dato' DO, dia balas dengan senyum, dia balas dengan sengih, tak ada perkataan. Saya minta tulis surat, dia belum jawab lagi, mungkin tak jawab. Tetapi janji adalah janji, jadi saya merayu, meminta agar DO Gombak melaksanakan amanat dan arahan Dato' Menteri Besar yang lalu dan saya berharap permintaan saya ini mendapat sokongan agar kita membela 38 orang, mereka yang telah diberi izin pada zaman era UMNO tahun 80an dahulu untuk berada di simpang Kampung Pasir berniaga yang telah diberikan kelulusan untuk pindah sebanyak 3 kali tetapi tiap kali berpindah diberikan tempat sementara. Surat rasmi dari JKR, surat rasmi daripada jabatan-jabatan yang berkenaan tetapi kali yang ke 3 tidak diberikan apa-apa seolah-olah diusir. Bila diusir saya ingat pendirian kita ataupun polisi kita, kita tidak akan mengusir sesiapa peniaga yang menduduki tanah kerajaan sebelum kita memberikan tanah tempat ganti. Jadi, saya menyeru Dato' DO untuk menunaikan janjinya, menunaikan amanat yang telah di .. saya dengar sendiri dari Dato' Menteri Besar mantan Bukit Antarabangsa kepada kita semua. Dan dengan itu, saya juga ingin menjelaskan hubungan kita di antara wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, yang diharapkan macam-macam dapat diselesaikan oleh seorang wakil rakyat itu, dipamer dengan baik. Saya berharap apabila saya mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua jabatan, MPAJ contohnya, adalah keikhlasan di antara kita. Saya terkejut apabila ada penduduk bantah, bagi pandangan mereka, tanah jalan begitu tidak sesuai dijadikan laluan pada satu program pembangunan di Taman Ukay Bestari tetapi digunakan sebagai laluan masuk dan berunding, berunding, berunding, akhirnya sampai ke satu tempat, saya bersetuju untuk mengadakan pertemuan dengan Pengarah Kejuruteraan tetapi yang datang bukan hanya Pengarah Kejuruteraan MPAJ tetapi Pengarah Perancangan dan saya jangkakan saya akan meeting selama 1 jam rupa-rupanya belum start meeting, YB dah selesai, pemaju setuju untuk cari jalan lain dan kami pun letak syarat, mereka pun akan cari jalan lain dan jalan itu akan ditutup dan tidak akan menyusahkan penduduk. Esoknya, penduduk panggil saya. Minggu yang berikutnya penduduk panggil saya kata, 'YB apa ni, janji MPAJ tak akan pakai jalan ni, lepas itu saya telefon, telefon tak dapat, orang yang telefon dia kata, itu keputusan YB. Jadi, saya rasa cukup tak kena. Bagaimanakah 2 Pengarah Jabatan besar di MPAJ telah berjanji dengan saya mengatakan yang jalan itu tidak akan digunakan untuk laluan kenderaan berat dan kenderaan yang masuk untuk pembangunan tetapi akhirnya menjadi tempat itu, tempat gaduh, tempat marah rakyat, kecewa rakyat dan menganggap saya bohong pada mereka. Jadi, saya harap ketulusan kita hendaklah dilaksanakan dan saya percaya sebagai wakil rakyat kita menghadapi banyak cabaran dan cabaran-cabaran ini semuanya mematangkan kita, mendekatkan kita untuk berbakti kepada Negara dan bangsa kita, dengan itu saya ucapkan terima kasih pada Timbalan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih YB Hulu Kelang. Saya mempersilakan YB Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih diucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker. Saya berdiri di sini untuk melafazkan sokongan saya terhadap Belanjawan yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar dalam minggu lepas. Kita perlu beringat kepada satu fakta yang penting iaitu belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor begitu juga dengan yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah dibentangkan pada zaman di mana kita baru sahaja menamatkan rejim pentadbiran yang lepas dan hakikatnya kita perlu menanggung beban juga membayar harga yang cukup tinggi akibat skandal, kleptokrasi global yang melibatkan syarikat 1MDB dan pada masa sekarang apa yang perlu diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri, adalah untuk menggembeleng semua tenaga, mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama melaksanakan yang terbaik untuk memulihkan keadaan fizikal Kerajaan Persekutuan, begitu juga dengan memastikan konsolidasi fiskal Kerajaan Negeri dimaksimakan. Berlandaskan dasar *we remove de fact, we must talk also cut our muscles*, dengan izin. Maka kita perlu membentangkan satu belanjawan di peringkat negeri Selangor yang realistik. Pada tahun 2019 ini, kita akan melakukan banyak rombakan besar terhadap perbelanjaan kerajaan. Di mana perbelanjaan kerajaan adalah bersifat lebih menepati sasaran. Saya sebenarnya bangga dengan kenyataan Dato' Menteri Besar bahawa perbelanjaan yang bersifat *across the board* akan dikurangkan secara berperingkat. Contohnya pemberian air percuma kepada semua pengguna tanpa mengira pendapatan yang dilakukan sebelum ini dan pemberian bonus kepada kakitangan tanpa mengira prestasi. Ini akan menambah keberkesanan dalam perbelanjaan kerajaan di mana sumber kerajaan yang terhad akan dibelanjakan kepada mereka yang memang memerlukannya. Tuan Timbalan Speaker, belanjawan Persekutuan yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan yang terdahulu yang mengurangkan, banyak mengurangkan perbelanjaan kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan, kepada sekolah dan juga kepada agensi-agensi awam amat memberi kesan yang teruk terhadap kehidupan rakyat, khususnya di peringkat akar umbi. Saya hanya perlu memetik beberapa contoh sahaja. Di kawasan saya, Hospital Banting. Pembinaan untuk, pembinaan ataupun cadangan membina Dewan Bedah, Hospital Banting yang sekarang ini merupakan hospital umum masih belum dapat diselesaikan dan akhirnya pesakit terpaksa dipindahkan ke hospital di Klang yang menyebabkan kesesakan di Hospital Klang. Contohnya pertama. Contoh kedua, pili bomba air. Jabatan Bomba dan Penyelamat tidak ada peruntukan untuk menyelenggara pili bomba dan akibatnya apabila kebakaran berlaku, rakyat terpaksa mengalami kerugian memang kena rugi. Tapi mengalami kerugian yang lebih teruk daripada yang sepatutnya. Kerana Kerajaan Persekutuan pada masa dahulu tidak peruntukan. Itulah sebabnya kita perlu memastikan dalam Belanjawan Negeri dan juga Persekutuan kita perlu menerapkan satu prinsip, di mana semua ketirisan perlu ditutup. Tuan Timbalan Speaker, Sistem cut-off dan tender terbuka memang di alu-alukan, tapi ianya tidak lari daripada manipulasi manusia. Dalam usaha untuk menutup ketirisan ini, saya memohon kepada kerajaan supaya mengambil langkah proaktif dalam melibatkan pegawai penguat kuasa seperti SPRM dan Jabatan Audit Negara untuk di dalam proses tender dan sebut harga di semua peringkat kerajaan termasuk dan khususnya di peringkat PBT untuk mencegah sebarang kelakuan serong,

sebarang keraguan rasuah dan ketirisan. Kita perlu beringat tentang apa yang berlaku terhadap mantan PWN Selangor yang lepas. Kita tidak boleh lupa apa yang telah berlaku, malahan kita perlu belajar daripada kes tersebut. Tuan Timbalan Speaker, Kerajaan juga perlu menolak atau mengurangkan perbelanjaan yang tidak berhemah. Contohnya, saya mencadangkan kita perlu mengurangkan perbelanjaan dalam perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti termasuk makanan dan minuman sebanyak sekurang-kurangnya 10%. Langkah ini selari dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan budaya diet yang sihat dan tidak ada tempat yang lebih sesuai untuk melakukannya kalaulah kita tidak memulakannya di dalam kerajaan sendiri. Golongan B40 akan menerima manfaat yang banyak. Baik dalam belanjawan Selangor ataupun Persekutuan dalam menentukan siapakah golongan B40. Kerajaan Selangor tidak harus semata-matanya bergantung kepada program e-kasih sahaja tetapi perlu memastikan pangkalan data yang dibangunkan oleh Kerajaan Selangor sejak tahun 2008 disepadukan dengan Sistem e-kasih ini. Kerana saya masih ingat, saya percaya pasti akan ada golongan B40 yang masih dan belum didaftarkan dalam Sistem e-kasih atas sebab-sebab teknikal tetapi mereka perlu diberi panduan juga. Sebagai contoh, ramai di kalangan B40 Tuan Timbalan Speaker, merupakan penyewa rumah yang menyewa daripada pemilik yang bukan di kalangan B40. Barangkali M40 ataupun T20. Mereka ialah pemilik kepada rumah tersebut tetapi sewa kepada B40. Maka bil air yang didaftarkan itu adalah atas nama M40 ataupun T20. Kalau kita kata nak beri air percuma kepada B40 sahaja. Maka golongan penyewa ini sekiranya akaun air Selangor mereka tidak didaftarkan atas nama penyewanya. Maka mereka tidak akan menikmati program air percuma. Tuan Timbalan Speaker, gaya kesihatan yang sihat melalui program SLIM amat dialu-alukan. Tetapi kalau ia hanya untuk program-program rutin sahaja, saya amat khuatir ia tidak akan membawa hasil yang diharapkan. Lebih-lebih lagi kita akan memperuntukkan RM2 juta. Maka dengan itu saya mencadang kepada kerajaan untuk memberi imbuhan kepada individu-individu obes yang kemudiannya telah berjaya mengekalkan gaya hidup yang sihat. Menambah baik indeks BMI dan mana-mana indeks kesihatan lain sebelum dan selepas pelaksanaannya. Saya kira itu akan memberi dorongan kepada mereka untuk mencapai sasaran dalam program SLIM ini. Tuan Speaker, Timbalan Speaker, Kerajaan Tempatan saya mencadangkan supaya Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalaman di dalam setiap PBT tidak lagi melaporkan diri kepada Datuk Bandar ataupun YDP tetapi melaporkan secara terus kepada EXCO PBT. Skop tugas Jawatankuasa ini perlulah meliputi pemantauan tender dan sebut harga untuk memastikan pelaksanaan projek sentiasa dilaksanakan mengikut peruntukan tempoh dan tempoh kontrak dan kewangan yang ditetapkan. Tuan Timbalan Speaker, saya juga mencadang kita jangan lupa pemilihan ahli-ahli majlis Kerajaan Tempatan melalui pilihanraya supaya kuasa rakyat diberi kuasa untuk memilih ahli-ahli majlis mereka. Walaupun KPKT sebelum ini telah pun memaklumkan bahawa ia dapat dilaksanakan akibat kekangan kewangan tetapi kerajaan bolehlah berbincang dengan KPKT dan SPR supaya sekurang-kurangnya pilihanraya yang pertama boleh dilangsungkan di Selangor ataupun di mana-mana PBT di Selangor sebagai pilihanraya perintis melalui satu Rang Undang-undang, Enakmen Pemilihan Ahli Majlis. Tuan Timbalan Speaker, saya juga mengalu-alukan cadangan

kerajaan untuk menaik taraf pasar awam di Majlis Daerah serta penubuhan Pusat Khidmat Setempat. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, di kawasan Telok Punut, Banting. Perlukan sebenarnya bukan sahaja naik taraf tapi juga satu pasar baru untuk menampung keperluan penduduk di situ. Berkenaan dengan Pusat Khidmat Setempat, saya berasa bahawa ia nya pasti ia akan dapat membantu ahli-ahli majlis di peringkat Majlis Daerah untuk menjalankan tugas mereka. Cabaran dan juga tugas mereka menjadi semakin mencabar dan saya berharap bukan sahaja kita beri Pusat Khidmat Setempat tetapi kita juga memberi dengan dorongan ataupun bantuan daripada kerajaan negeri dan persekutuan sekiranya boleh, elaun untuk mengupah pembantu juga dibekalkan supaya mereka boleh memberi perkhidmatan yang lebih menyeluruh kepada penduduk. Tuan Timbalan Speaker, Jawatankuasa Tatatertib di dalam PBT juga perlu dirombak semula. Ini adalah untuk memastikan supaya ahli majlis diberi peluang atau kuasa ataupun tugas yang lebih menyeluruh untuk memastikan sebarang kes salah laku diselidik disiasat dan diambil tindakan dan tidak ada sebarang bentuk penyelewengan berlaku di peringkat Jawatankuasa itu. Saya juga ingin menyentuh tentang kutipan sampah oleh KDEB Waste Management di Kuala Langat. Saya masih ingat dalam sidang yang lepas. Selepas saya membawa isu ini, saya telah pun menerima surat daripada KDEB untuk menjelaskan situasinya, saya berasa sukacita dan juga menyanjung tinggi usaha murni KDEB ini dan selepas ini maka saya juga perlu memastikan membawa perhatian kepada perhatian dewan bahawa dalam mana-mana kontrak antara KDEB Waste Management dengan mana-mana PBT dan dalam kes ini di MDKL. Saya telah difahamkan perkhidmatan KDEB Waste Management sebenarnya telah dimulakan sebelum kontrak dengan MDKL dimuktamadkan. Itu berdasarkan atas apa yang saya terima. Saya kira perkara ini perlu dipandang serius kerana ia nya tidak adil untuk MDKL, tidak adil juga untuk KDEB Waste Management. KDEB Waste Management terpaksa memikul tugas kebersihan kerana atas arahan kerajaan negeri Selangor dan sekiranya ada berlaku kes-kes di mana MDKL hendak membuat aduan, mereka tidak dapat melakukannya kerana peruntukan undang-undang di bawah kontrak masih belum dimuktamadkan. Jadi saya memohon supaya perkara ini diperhalusi oleh kerajaan untuk memastikannya tidak berlaku lagi. Berkenaan dengan bas Selangorku, Tuan Timbalan Speaker, pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di kawasan Kampung Baru Sungai Jarum dan Kampung Jenjarom sememangnya memerlukan perkhidmatan bas untuk berulang alik antara sekolah dan rumah dan untuk itu saya memohon agar kerajaan negeri menolong untuk menyemak ataupun menyiasat sama ada mungkin atau tidak perkhidmatan bas Smart Selangor diperbesarkan sehingga ke kawasan Kampung Baru Sungai Jarum dan Kampung Jenjarom ini. Malahan meliputi kawasan Sijangkang kerana di bahagian ini di dalam Daerah Kuala Langat perkhidmatan bas Selangorku masih belum kesampaian. Saya juga mencadangkan untuk masa depan, laluan bas Smart Selangorku berbayar yang merentasi Bandar ataupun PBT. Di mana syarikat bas swasta dia tidak membekalkan perkhidmatan laluan bas kerana atas dasar tidak menguntungkan. Maka saya mencadangkan kita mungkin boleh melihat sama ada mungkin bas Selangorku diperluaskan ke tempat-tempat ini. Contohnya, laluan bas Banting – Kuala Lumpur. Saya difahamkan telah pun tidak berjalan sehingga sekarang. Laluan bas Banting – Shah

Alam, Banting – Subang Jaya ataupun Banting – Petaling Jaya, yang saya pasti laluan bas Banting – Kuala Lumpur telah pun dibatalkan sehingga sekarang masih belum ada laluan bas ataupun syarikat bas yang membekalkan laluan bas ini. Saya juga bercadang supaya sebarang perbincangan ini perlulah melibatkan agensi perkhidmatan ataupun agensi pengangkutan awam darat yang baru sahaja ditubuhkan bersama-sama dengan syarikat bas swasta. Di peringkat MDKL saya telah pun melalui usaha MDKL cuba mendapat maklumat sebegini daripada APAD ataupun syarikat bas swasta berkenaan dengan laluan bas, bilangan bas, frekuensi dan sebagainya. Saya perasan kita sering kali menghadapi jalan buntu dan saya memohon kerajaan negeri boleh menolong untuk mempercepatkan perbincangan dengan APAD (Agensi Pengangkutan Awam Darat) ataupun syarikat-syarikat swasta ini. Tuan Timbalan Speaker, Alam Sekitar. Kita masih ingat masalah kilang plastik haram di Kuala Langat dan masalah ini telah pun mencetuskan satu perubahan budaya kerja yang saya rasa perlu dilakukan di peringkat tempatan khususnya di PBT dan juga Pejabat Daerah. Warga kerja di peringkat PBT perlulah dilengkapi dengan kemahiran dan juga pengetahuan-pengetahuan tentang undang-undang dalam bidang alam sekitar. Kita tidak boleh semata-matanya bergantung kepada staf Jabatan Alam Sekitar. Walaupun bidang ini adalah bidang khusus untuk Jabatan Alam Sekitar tetapi di peringkat PBT kita perlu memastikan pegawai-pegawai penguat kuasa dan juga pegawai-pegawai di Jabatan dilengkapi dengan pengetahuan juga cara-cara untuk melaksanakan undang-undang yang berkaitan. Maka dengan itu saya menggesa supaya Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal yang wujud di setiap PBT seboleh-bolehnya juga diberikan kuasa dan skop kerja yang lebih luas untuk meliputi isu dan masalah yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar. Kilang plastik, bukan sahaja kilang plastik, kilang kitar semula, kilang besi buruk, kilang yang memproses bahan-bahan pencemar, semua kilang-kilang ini adalah kilang yang boleh mendatangkan masalah pencemaran alam sekitar kepada kita. Tetapi Jabatan Alam Sekitar bukannya selalu ada di situ. Yang ada di peringkat akar umbi, di peringkat tempatan ialah penguat kuasa kita. Sama ada di peringkat jabatan, sama ada di peringkat PBT ataupun di peringkat pejabat tanah. Jadi saya memohon mereka ini diperkasakan.

Tuan Timbalan Speaker,

Saya ingin juga menyentuh tentang *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU) yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Saya difahamkan ada (bukan saja) SISPAA yang diguna pakai di Selangor, tapi sistem-sistem aduan yang lain juga sedang dibangunkan di setiap PBT. Malahan ada PBT yang menggunakan sistem aduan yang berasingan. Saya kira sudah sampai masanya untuk SSDU untuk masuk dan memastikan tidak ada lagi pertindihan fungsi dalam pengurusan aduan awam ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang apa yang di bangun, tentang infrastruktur Internet yang dicadangkan oleh kerajaan negeri Selangor dalam pembentangan bajet yang lepas tentang *Selangor Wide Area Network*. Saya berasa besar hati kerana liputan Internet yang berkelajuan tinggi akan dibangunkan di kawasan daerah Kuala Langat.

Sememangnya ini adalah sesuatu yang sangat kritikal. Rakyat di Kuala Langat sering kali bertanya-tanya “*kenapa ada perkhidmatan Unifi di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak? Tetapi tidak di kawasan seperti Telok Penut, Kampung Pulau, Kampung Baru Sungai Jarom dan Kampung Jenjarom?*” Jadi saya berasa supaya kerajaan memastikan pelaksanaan SWAN ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Saya juga ingin membangkitkan isu tentang Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat yang lama (yang terletak di sebelah Jalan Persekutuan Klang-Banting) yang sebenarnya telah pun dikosongkan sekian lama. Seperti bangunan usang dan saya kira sekiranya dibiarkan begitu sahaja, ianya adalah satu kerugian untuk rakyat dan negeri Selangor. Saya memohon kerajaan untuk menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini, apakah rancangan yang ada pada kita untuk memastikan tapak atau bangunan ini digunakan sebaik mungkin untuk kelestarian hidup penduduk.

Tuan Timbalan Speaker,

Saya juga ingin menyentuh tentang kemudahan sukan di kawasan Kuala Langat. Ini adalah skop YAB Menteri Besar. Kemudahan sukan di Daerah Kuala Langat sangat kekurangan. Kekurangan dari dua segi. Kekurangan dari segi bilangan dan kekurangan dari segi penyelenggaraan. Kekurangan dari segi bilangan termasuklah kita sehingga sekarang, tidak ada kolam renang awam. Kita (di Kuala Langat) juga tidak ada gelanggang boling, maka kalau kerajaan ataupun pejabat tanah nak buat satu program riadah ataupun rekreasi, nak buat boling pun tak boleh. Boling pun tak ada. Kena pergi ke Putrajaya. Kadangkala kena pergi ke Nilai. Saya kira itu adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian walaupun daerah Kuala Langat mempunyai gelanggang futsal dan bola keranjang yang begitu banyak di sesetengah taman-taman perumahan dan kampung-kampung tradisi dan kampung-kampung baru, kita juga kekurangan dari segi penyelenggaraan. Dahulunya kita ada banyak agensi kerajaan termasuk MBI, termasuk Kementerian Belia dan Sukan yang suka membina gelanggang futsal, membina bola keranjang tetapi dari segi hak milik dan juga peruntukan menyelenggara tidak diturunkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah, tidak diturunkan kepada Majlis Daerah Kuala Langat. Jadi kita tidak mahu kita berlumba-lumba untuk membina, tetapi dari segi peruntukan untuk menyelenggara tidak diturunkan ataupun diberi kepada agensi-agensi kerajaan di peringkat akar umbi.

Tuan Timbalan Speaker,

Saya menyentuh sedikit tentang ekopelancongan. Saya sedikit kecil hati kerana Kuala Langat bukan seluruh kawasannya dimasukkan ke dalam gugusan ekopelancongan. Saya bercadang supaya daya-daya tarikan pelancongan yang ada di daerah Kuala Langat ini perlu dipertimbangkan. Contohnya, Temple Thongzen, Bukit Syiling yang mempunyai satu-satunya ladang teh di kawasan Kuala Langat dan seluruh Selangor (ladang teh yang kita minum BOH). Tidak semestinya asal daripada Cameron Highland,

ada kalanya ada mungkinnya ia diproduk, diproduksi di kawasan Bukit Syiling. Ia adalah satu daya tarikan yang saya rasa masih belum diterokai. Kita ada aktiviti *paragliding* Bukit Jugra. Malahan Pusat Angkasa Negara terletak di Sungai Lang Kuala Langat (kawasan Morib). Itu adalah kekuatan pelancongan di Kuala Langat tetapi nampaknya tidak begitu disentuh dalam ucapan dan saya memohon diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Timbalan Speaker,

Kesejahteraan kehidupan keluarga. Pejabat kerajaan akan dilengkapi dengan lebih banyak kemudahan taska dan tadika. Ini adalah bagus. Tapi kebanyakan pejabat-pejabat kerajaan yang dilengkapi dengan kemudahan yang sedemikian hanya terletak di kawasan majlis perbandaran ataupun majlis bandar raya. Di majlis daerah agak kekurangan, agak daif (boleh dikatakan). Maka saya berharap perhatian ataupun peruntukan haruslah diberi dengan lebih banyak kepada penubuhan kemudahan taska dan tadika di pejabat-pejabat kerajaan di peringkat daerah dan luar bandar. Dan saya berharap agar kerajaan mengoptimumkan setiap inci ruang yang ada pada kerajaan, pada pejabat dan bangunan kerajaan untuk memastikannya. Kebajikan kaum ibu bapa (bukan saja ibu, tapi bapa) yang bertugas di bangunan tersebut dipelihara.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita sebenarnya juga boleh sekiranya mampu membuka ruang ini kepada pekerja-pekerja wanita dan lelaki yang berumah tangga di sektor swasta dengan bayaran tertentu. Ini kerana kemudahan-kemudahan ini barangkali tidak disediakan di pejabat-pejabat swasta khususnya syarikat kecil. Saya boleh ambil satu contoh seperti apa yang berlaku di Pusat Khidmat saya. Ada ibu bapa yang bekerja dan ada anak kecil tapi tidak ada kemudahan-kemudahan sebegini yang dibekalkan kepada mereka.

Tuan Timbalan Speaker,

Saya juga ingin bercadang supaya kerajaan bertindak tegas terhadap bekas suami yang gagal membayar nafkah kepada anak-anak dan bekas isteri termasuk mereka perlulah berdepan dengan tindakan sekatan wang. Dan saya menggesa Jabatan Kehakiman Syariah Negeri untuk melaporkan ke Dewan ini apakah tindakan yang telah pun diambil oleh mereka yang ingkar perintah mahkamah ini dan saya perlu memastikan (kita perlu memastikan) bahawa mereka ini diberi peluang, diambil tindakan yang lebih tegas supaya kebajikan anak dan kaum ibu terpelihara.

Tuan Timbalan Speaker,

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang hal, tentang Dewan Negeri Selangor. Saya mencadangkan pada tahun lepas, jawapan kepada pertanyaan lisan dan bertulis perlulah di tepi laman web Dewan Negeri Selangor mengikut susunan subjek dan topik untuk

memudahkan carian awam. Saya ambil maklum terhadap apa yang masalah-masalah yang dihadapi oleh para Adun dalam mengemukakan menjalankan fungsi-fungsi mereka, membawa isu-isu yang kritikal di kawasan masing-masing.

Saya masih ingat dan saya kira baiknya untuk saya bangkitkan sekali lagi, kita mungkin perlukan *second chamber* di dalam Dewan yang mulia ini supaya para Adun diberi peluang untuk membawa isu-isu yang kritikal bagi mereka di dalam kawasan mereka ke dalam Dewan yang mulia ini yang kadangkala memerlukan perhatian khusus dan sekiranya daripada pihak eksekutif. Perbezaan di antara Jawatankuasa Pilihan Dewan Undangan Negeri dengan *second chamber* ini ialah sekiranya kita ada *second chamber* ini, kita boleh mengurangkan sekatan masa ataupun kekangan masa. Kita boleh memanjangkan isu-isu ataupun masalah dengan lebih cepat, padalalnya kalau kita menggantung kepada Jawatankuasa Pilihan ianya boleh menjalankan fungsinya tetapi ianya perlu melalui satu proses siasatan, aduan, pendengaran dan sebagainya. Dan biasanya pendengaran adalah lebih khusus kepada isu yang memerlukan siasatan yang terperinci. Tetapi *second chamber* (dia) boleh membawa isu yang kurang kritikal tetapi penting bagi para Adun di kawasan masing-masing. Saya kira ini juga membolehkan para Adun untuk membawa masalah mereka ke dalam Dewan yang mulia ini (dalam *second chamber* ini) untuk memastikan respons yang cepat boleh diperolehi daripada pihak eksekutif tanpa melalui seluruh proses siasatan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pilihan Dewan Undangan Negeri.

Jadi saya kira itu adalah satu lagi perkara. Ini suka sangat penting tentang pemerksaan Dewan Undangan Negeri ini. Saya mencadangkan kepada pihak Dato' Menteri Besar (sekiranya boleh) untuk tahun 2019 atas prinsip memperkasakan Dewan Undangan Negeri atas prinsip untuk memperjuangkan *separation of power* dan juga memperkasakan Institusi Speaker. Kita harus memperuntukkan sekurang-kurangnya RM2juta untuk sebarang dan semua program-program pemerksaan Dewan Undangan Negeri atas bidang kuasa dan budi bicara Speaker supaya Speaker boleh diberi kelonggaran dan juga sedikit kuasa untuk memastikan ada terdapat peruntukan kewangan di bawahnya untuk menjalankan program-program yang boleh mendatangkan kebaikan kepada Ahli Dewan Negeri Selangor tetapi tidak termasuk program-program riadah dan rekreasi. Untuk program-program akademik, program-program yang boleh memastikan Dewan menjalankan fungsinya dengan lebih bagus dan berkesan.

Jadi itu adalah cadangan saya. Jadi, kita tidak perlulah. Kebaikan untuk mengadakan peruntukan ini ialah kita tidak perlu melalui pandangan satu enakmen Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan Undangan Negeri. Itu boleh dilakukan tetapi boleh dikemudiankan. Tetapi apa yang boleh dilakukan pada masa sekarang, kita peruntukan satu wang. Kalau bukan RM2juta, RM1juta pun memadai. Speaker boleh menggunakannya untuk program-program yang boleh memperkasakan Institusi Speaker dan juga Institusi Dewan Undangan Negeri.

Jadi Tuan Timbalan Speaker,

Saya tahu masa saya sudah hampir habis. Itulah sedikit sebanyak yang saya ingin bentangkan dan saya memohon supaya belanjawan ini disokong. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Untuk makluman semua Yang Berhormat-Yang Berhormat, selepas daripada ini masa yang diberikan adalah 15 minit sahaja. Jadi saya menjemput Yang Berhormat Gombak Setia. Silakan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : 15 minit.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Yang Berhorma Speaker. Saya ingin memulakan perbahasan pada petang ini dengan mengajak setiap Ahli-ahli Dewan Negeri untuk menilai semula prestasi ekonomi negeri Selangor serta agenda ekonomi yang di konstruksi oleh kerajaan negeri bagi membangunkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri pintar yang menjadi gedung kuasa ekonomi serantau. Untuk mencapai matlamat ini, pengurusan ekonomi yang cekap, berhemah, amanah dan bertanggungjawab perlu seiring dengan kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Perencanaan ekonomi yang adil dan ihsan perlu menjadi paksi kepada sebuah belanjawan bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Tuan Speaker,

Prinsip ini selaras dengan pesan Allah S.W.T dalam Surah Al-Haj (ayat ketujuh) yang bermaksud “*supaya harta kekayaan itu tidak berlegar di kalangan orang-orang yang berada di kalangan kamu*”. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan syabas kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan YAB Sungai Tua yang komited untuk meneruskan legasi kecemerlangan negeri Selangor. Sesungguhnya legasi kepimpinan negeri Selangor sebelum ini telah berjaya meletakkan Selangor pada suatu kedudukan yang gemilang sehingga menjadi pencetus kepada gerakan perubahan rakyat Malaysia. Saya yakin dan percaya bahawa pilihan yang dibuat oleh rakyat pada 9 Mei 2018 merupakan suatu keputusan yang matang dan bijaksana. Justeru, kita harus insaf bahawa perubahan yang didambakan oleh rakyat pastinya seiring dengan pengharapan atau (dengan izin) *expectation* supaya kerajaan negeri dapat melaksanakan khidmat dengan lebih cekap, telus dan berintegriti.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Berkenaan dengan Belanjawan 2019, saya kira dengan tekad kebijaksanaan akal budi dan ketulusan hati nurani Dewan yang mulia ini telah merakamkan pembentangan sebuah usul yang digarap dengan rapi berteraskan ikhtiar untuk merencanakan ekonomi, memberdayakan rakyat dan mensejahterakan negeri. Belanjawan Negeri Selangor 2019

merupakan sebuah rancangan pembangunan dan ekonomi yang holistik dan komprehensif serta menampilkan keseimbangan antara perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Saya yakin kebijakan yang dibuat ini dibuat berdasarkan pertimbangan yang cukup berani untuk merencanakan kegiatan ekonomi dan mencipta aliran pendapatan baru kepada negeri Selangor. Dengan peratusan belanja pembangunan yang masih setara dengan belanja mengurus, saya yakin kerajaan negeri dapat merealisasikan pendekatan (dengan izin) *counter cyclical* dalam berdepan dengan senario ekonomi negara dan global yang murah.

Tuan Speaker,

Menjadi tanggungjawab setiap kerajaan baik di peringkat negeri mahupun di peringkat persekutuan untuk membuat unjuran pendapatan dan perbelanjaan yang jujur dan berdisiplin demi memastikan tidak berlakunya sebarang ketirisan, pembaziran dan kecurangan dalam tadbir urus dana awam. Selaras dengan prinsip dan amalan ini, Belanjawan Negeri Selangor 2019 telah membuat unjuran defisit sebanyak RM360juta hasil daripada peruntukan pembangunan yang substantif bagi memenuhi pembangunan mapan. Saya ingin menegaskan bahawa unjuran defisit seperti ini bukanlah suatu unjuran ataupun suatu yang negatif sekiranya kita tetap memelihara prinsip perbelanjaan berhemah, telus dan bertanggungjawab. Bahkan berkat amalan perbelanjaan berhemah, pengukuhan budaya kerja yang cekap dan berintegriti serta usaha gigih menutup setiap ruang pembaziran dan ketirisan, kita pernah di bawah pentadbiran YAB Bukit Antarabangsa dahulu, Selangor pernah berjaya mentransformasikan sebuah belanjawan defisit kepada belanjawan surplus pada tahun 2015 dan berjaya mengurangkan defisit kepada suatu kadar yang munasabah. Lebih membanggakan iltizam untuk melaksanakan agenda reformasi dalam pentadbiran kerajaan negeri dan usaha untuk memenuhi tuntutan perubahan yang menjadi hasrat dan keinginan rakyat telah diiktiraf oleh Jabatan Audit Negara.

Saya ingin kod dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017, penyata kewangan kerajaan negeri Selangor 2016 telah mendapat pujian dan laporan tersebut berpendapat bahawa penyata kewangan kerajaan negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri serta rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas. Dalam hal ini, YB Speaker saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh anggota perkhidmatan awam di negeri Selangor yang saya kira bekerja keras untuk memastikan ekonomi negeri ini dapat dipacu dengan baik dan teratur.

Yang Berhormat Speaker,

Ikhtiar merencanakan ekonomi, memberdayakan rakyat dan mensejahterakan negeri adalah sebuah gagasan ekonomi baru. Ianya bukan sahaja berhasrat untuk membina kemajuan dan mencipta kemakmuran yang membolehkan rakyat menikmati mutu dan

kesejahteraan hidup yang lebih tinggi, namun ia juga meletakkan kepentingan kepada usaha memberdaya setiap rakyat negeri Selangor untuk berkembang dan mencapai potensi diri dan seterusnya menyumbang kepada kemaslahatan masyarakat.

Justeru, strategi pembentukan wilayah pembangunan dan perekonomian yang organik berteraskan potensi dan kekuatan sedia ada di daerah-daerah adalah suatu langkah yang proaktif dan akan menyuntik dinamisme baru kepada prestasi ekonomi negeri. Gombak Setia ingin menyambut hasrat baik kerajaan negeri untuk membangunkan Gombak, Serdang dan Hulu Langat sebagai gugusan pendidikan yang akan melahirkan sumber daya manusia yang produktif demi menjamin kelangsungan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang maju. Namun Gombak Setia ingin bertanyakan apakah rancangan sebenar kerajaan negeri untuk membangunkan gugusan ini yang akhirnya dapat memberikan impak langsung kepada rakyat di Gombak, Serdang dan Hulu Langat. Apakah kerajaan negeri mahu merangka sebuah rancangan pembangunan wilayah pendidikan? Atau sebenarnya berhasrat membangunkan prasarana pendidikan yang baharu.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Pada masa yang sama, Gombak Setia juga ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri turut menyediakan ruang dan peluang yang lebih besar kepada generasi muda di Gombak, Serdang dan Hulu Langat agar dapat menyertai program ikhtisas anjuran kerajaan negeri yang memberi penekanan kepada latihan kemahiran dan menepati keperluan teknologi dan industri semasa selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan kawasan ini sebagai sebuah hab pendidikan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya percaya dengan tumpuan yang serius kepada pemberdayaan golongan belia, kelompok akademik dan penyelidik serta pembiayaan program penyelidikan dan pembangunan dan berdampak tinggi, Selangor akan terus menjadi pemangkin kepada kemunculan industri-industri strategik yang baharu. Mendepani cabaran revolusi 4.0 usaha mengklasterkan Shah Alam, Subang Jaya, Puchong dan Cyberjaya sebagai gugusan industri teknologi tinggi dan Science Park adalah suatu langkah yang tepat dan bijaksana. Kita harus segera mendakap cabaran *destructive forces* (IR 4.0) dengan ilmu-ilmu dan kemahiran berkaitan robotik *artificial intelligence internet of things, big data* dan teknologi *block chin*. Untuk maksud itu, saya menuntut supaya suatu kerangka tindakan yang berfokuskan pembangunan industri berimpak tinggi atau *high impact industries* digerakkan segera.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri mempertimbangkan supaya Cyberjaya dijadikan sebuah projek perintis atau *pilot project* bagi membangunkan sebuah bandar pintar yang lengkap dengan kemudahan dan prasarana berteknologi

pintar yang saya kira dapat menarik lebih banyak pelabur-pelabur asing untuk datang dan melabuh di negeri Selangor dalam bidang-bidang yang strategik.

Yang Berhormat Speaker,

Berkenaan dengan meneroka sumber ekonomi baru, saya kira selain daripada usaha kita untuk merencanakan pembangunan ekonomi negeri ini menerusi program dan aktiviti sedia ada, kerajaan negeri juga perlu bergerak proaktif dalam usaha untuk meneroka sumber ekonomi dan juga kekayaan yang baru. Selangor sudah dikenali sebagai gedung kuasa ekonomi Malaysia setelah hampir 10 tahun kita menjadi penyumbang kepada KDNK negara dengan kadar melebihi 20%. Pakar ekonomi meramalkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negeri akan terus kukuh pada tahun 2019. Hasil pendapatan negeri dianggarkan sebanyak RM2.2billion dengan perolehan utamanya antaranya adalah hasil daripada premium tanah sebanyak 44.21% dan hasil cukai tanah sebanyak 26.2%. Anggaran ini menunjukkan bahawa sebahagian besar atau majoriti hasil pendapatan negeri ini bergantung pada hasil yang diperolehi daripada tanah dengan jumlah sebanyak 70.4%. Namun kita harus beringat bahawa kebergantungan kepada hasil ini semata-mata tidak akan dapat menjamin pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mampan. Malah statistik juga menunjukkan bahawa hasil pendapatan negeri bagi tahun 2018 menurun ekoran daripada penurunan hasil berasaskan tanah. Justeru itu, saya kira adalah signifikan untuk kerajaan negeri mengambil inisiatif mempelbagaikan sumber pendapatan negeri dan meneroka pelbagai kegiatan ekonomi dan industri yang baharu.

YB Tuan Speaker,

Kepesatan pembangunan negeri Selangor hari ini menuntut kerajaan negeri membangunkan sebuah sistem pelupusan sisa pepejal yang efektif, berteknologi tinggi dan memelihara kelestarian lingkungan. Pertumbuhan populasi rakyat pada kadar 3.5% telah menghasilkan lebih 7,000 tan sampah setiap hari di negeri Selangor. Ini bermakna jangka hayat tapak pelupusan sampah akan terus berkurang akibat daripada jumlah sisa pepejal yang semakin banyak dihasilkan oleh rakyat negeri Selangor. Fakta ini juga telah mengakibatkan lebih banyak tapak pelupusan sampah haram tumbuh dengan berleluasa di negeri Selangor termasuk yang ada di dalam kawasan pentadbiran Gombak Setia. Kesedaran ini saya kira menuntut kerajaan negeri untuk segera melakukan anjakan paradigma dalam sistem pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor. Saya gembira kerana kerajaan negeri pada hari ini telah mengambil langkah yang cukup proaktif dengan mengumumkan Worldwide Holding Berhad sebagai peneraju kepada pelaksanaan sistem pelupusan pepejal moden di negeri Selangor melalui pembangunan *Integrated Solid Waste Management Centre* ataupun ISWMC. Saya yakin Selangor telah bersedia

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHEW : Sungai Pelek.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHEW : Terima kasih Tuan Speaker. Apakah pandangan Gombak Setia kalaulah kita boleh minta (semua Adun boleh minta) satu taklimat yang khas daripada Worldwide supaya kita memahami apakah teknologi yang digunakan kerana saya kawatirlah kalau kita gunakan teknologi yang baru kita kena memastikan dia *cost efficient* dan dia tidak mengancam alam sekitar. Apa pandangan Gombak Setia?

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira itu satu cadangan yang cukup baik. Namun ingin juga saya tegaskan bahawa saya kira kita sedar dalam kekusaran Ahli-ahli Dewan Negeri terhadap isu pencemaran yang mungkin berlaku sekiranya pelaksanaan *waste to energy* ini dilaksanakan. Tetapi sebenarnya berbekalkan pengalaman dan kepakaran teknologi yang dipunyai oleh Worldwide Holdings, saya kira Worldwide tidak hanya akan menggunakan teknologi *incinerator*, tetapi akan mengadaptasi suatu teknologi yang lebih moden yang ada pada hari ini iaitu WTE Technologies ataupun *Waste To Energy Technologies* di mana hari ini ada satu teknologi WTE Plan yang sudah terbukti dilaksanakan ataupun berjaya dilaksanakan di negara-negara maju termasuk beberapa negara di Singapura kerana turut merangkumi proses *flu gas treatment* dan juga *ash management* (pengurusan abu selepas pembakaran sisa pepejal tersebut). Penggunaan teknologi ini akan dapat melakukan transformasi dan teknologi ini dapat memastikan sistem pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien di samping memperkenalkan penggunaan tenaga yang lebih lestari. Saya sebut tadi bahawa Worldwide sebenarnya telah mempunyai banyak pengalaman dan kepakaran dalam pengurusan sisa pepejal dan antara kejayaan Worldwide Holdings adalah dengan melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf dan memulihara tapak pelupusan sampah seperti Tapak Pelupusan Air Hitam di Puchong yang hari ini dikenali sebagai Worldwide Lands Fill Park iaitu sebuah taman rekreasi di atas 6.2juta tan sampah iaitu suatu rekod yang saya kira perlu dibanggakan oleh kerajaan negeri Selangor. Selain itu, Worldwide Holdings juga berdasarkan rekod yang saya lihat dari Internet juga telah berjaya melaksanakan dua buah projek *renewable energy* menggunakan *land fill gas* dan membekal tenaga elektrik yang lestari kepada Tenaga Nasional Berhad. Justeru itu, saya kira langkah berani yang diambil oleh kerajaan negeri dapat menjamin kelestarian alam sekitar selain menjana sumber pendapatan yang baharu kepada negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya minta izin untuk satu lagi isu yang saya kira juga amat penting kerana YB Tuan Speaker, Gombak Setia senantiasa menyokong penuh setiap usaha kerajaan negeri untuk memastikan pengagihan kekayaan negeri ini dapat dilakukan secara adil dengan berpegang kepada prinsip keadilan sosial ataupun *distributes justice*.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

John Rolls dalam *theory of justice* menegaskan bahawa *social and economic in equalities* (dengan izin) *are to be arranged to that they are to be of the greatest benefit to the list advantage members of society*. Demi menangani masalah ketidaksamaan sosial dan ekonomi, dasar dan kebijakan serta tindakan perlu diambil supaya dapat memberi manfaat yang paling maksimum kepada golongan yang paling terpinggir dan kurang bernasib baik. Mengambil semangat ini, saya mendukung usaha kerajaan negeri untuk memberi manfaat yang maksimum kepada golongan B40 di negeri Selangor. Ini termasuklah untuk memberikan fokus pemberian air percuma kepada golongan sasar B40 kerana pada hari ini kadar penggunaan air per kapita di negeri Selangor adalah sebanyak 275juta per liter setiap hari dan kadar ini Tuan Speaker adalah antara kadar yang tertinggi di dunia. Ini menuntut saya kira suatu anjakan kepada para pengguna supaya membudayakan amalan konservasi air terawat memandangkan air adalah sumber yang amat bernilai kepada kita. Saya amat yakin langkah ini harus bermula melalui mekanisma pemberian air percuma kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dan kerajaan negeri hari ini menampung perbelanjaan air percuma mencecah RM190 juta setahun. Justeru saya kira melalui penjajaran yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri, kerajaan negeri saya yakin dapat mengalihkan perbelanjaan lebih RM100 juta untuk memperkenalkan lebih banyak program-program yang bersifat *people centric* kepada golongan B40. Yang Berhormat, Tuan Speaker, belanjawan yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar merupakan satu kesinambungan dalam mencapai hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Selangor sebuah *Smart State* menjelang 2025. Kerajaan Negeri Selangor telah menongkah arus, menghilir pasang sebagai teraju perubahan di Negara ini. Pepatah Hukama menyatakan, hidup ini sekadar perubahan sahaja tidak cukup, tetapi apa yang perlu adalah perubahan untuk perkara yang lebih baik. Gagasan yang di bawa hari ini adalah helaan nafas yang sama ataupun kesinambungan daripada kecemerlangan kepimpinan sebelum ini. Untuk itu kita mengharapkan belanjawan 2019 ini akan membuka suatu lagi lembaran baru yang amat bermakna buat seluruh rakyat negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker, akhir kalam saya sudahi dengan 2 rangkap pantun.

Dato' Bendahara Jadi Hikayat,
Jadi Bualan Penduduk Desa,
Bijak Memimpin Menjaga Rakyat,
Makmurlah Negeri Aman Sentosa.

Anak Bentara Di Tanah Bentan,
Segak Melangkah Berkeris Suasa,
Selangor Sejahtera Berpayung Sultan,
Bertambahlah Barakah Dari Yang Esa.

Yang Berhormat Speaker, saya mohon mencadang. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Gombak Setia, seterusnya saya menjemput, seorang sahaja yang berdiri. Silakan Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Hello, hello. Batang Kali

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Tak apa mengikut peraturan tetap, yang mana yang Speaker tengok dahulu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Tuan Timbalan Speaker, kenapa nak tengok seluruh dewan, saya dah berdiri dekat depan ni dulu. Tak apa, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2019 dan saya nak ucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar kerana memberi satu bajet yang progresif dan saya menyokong bajet yang dibentangkan. Pertama sekali saya ingin menyentuh kepada GDP yang selalu dihuraikan di setiap ucapan bajet Dato' Menteri Besar yang lepas-lepas ini menjadi satu trend, kita tunjukkan bahawa negeri Selangor memanglah nombor 1 di Malaysia, penyumbang terbesar kepada GDP negara ini dan saya amat tertarik dalam ucapan YAB, frasa unleash dan unlock dan apabila saya melihat di negeri Selangor ini memang potensi untuk kita mengembangkan ekonomi kita cukup besar apabila kita di luar Bandar kita tengok banyak tanah pertanian yang tidak optimum, tidak digunakan secara optimum memang ada peluang yang besar untuk kita *grow the economy* dengan izin. Rakan-Rakan YB sekalian, saya ingin mencadangkan bahawa kita di negeri Selangor ini, selain kita track GDP negeri, saya nak cadangkan mulai tahun ini kita cuba juga track dan bandingkan GDP per kapita dan apabila saya melihat dan meneliti statistik Department of Statistic Malaysia, GDP per kapita negeri Selangor ini adalah separuh daripada Kuala Lumpur. Jadi ini memberi saya satu dorongan bahawa kita boleh tumbuhkan ekonomi kita *let's try to catch up with Kuala Lumpur* dengan izin. *Let's grow our economy* dan memang cukup banyak peluang yang boleh kita tumbuhkan ekonomi tetapi yang pentingnya kita mesti ada satu pasukan tenaga di kerajaan negeri yang meneliti perkara ini. Memang UPEN, Unit Perancangan Ekonomi Negeri membuat banyak benda selain merancang ekonomi negeri. Jadi saya nak mencadangkan pada hari ini, kita ada satu pasukan ataupun jabatan khas yang menumpukan fokus untuk menumbuhkan ekonomi negeri jauh lebih maju daripada apa yang kita merancang dan kita gunakanlah ataupun kayu pengukur GDP per kapita Kuala Lumpur sebagai sasaran untuk kita sampai ke tahap Kuala Lumpur dan kita mengatasi apa yang ada di Kuala Lumpur. Jadi itu adalah perkara yang pertama. *Let's be the ambitious* dengan izin. Yang kedua saya ingin membawa perhatian kepada satu daripada hasil negeri yang terbesar iaitu cukai tanah. Cukai tanah ini memang satu hasil yang penting dan di antara cukai tanah yang dikutip adalah cukai tanah daripada strata. Di mana tahun ini kita telah membuat satu cukai tanah strata yang mengikut petak. Satu sistem yang baru. Saya memang mengalu-alukan sistem ini. Pada tahun yang lepas, saya berdiri di sini untuk meminta kerajaan negeri membuat Sistem Cukai Strata Berpetak kerana bila kita buat cukai ke atas *Master Title* bila sesetengah

orang tak bayar pihak apartment, kondominium dia tak dapat bayar cukai tanah tersebut. Jadi memang bagus kita buat cukai tanah berpetak. Tetapi cabaran yang kita hadapi hari ini, apabila kita telah memperkenalkan cukai tanah ini, ialah kadar cukai yang dikenakan ke atas lot petak ini adalah sama yang kita kenakan ke atas *Master Title*. Jadi apa yang masalahnya apabila dulu kadar RM3.30 untuk satu meter persegi dikenakan untuk *Master Title* kadar cukai ini dibahagikan kepada 30 tingkat kondominium, 20 tingkat kondominium. Jadi harga yang dibayar oleh setiap unit adalah munasabah apabila kita tukar kepada secara unit berpetak, yang dia bayar mengikut luas lantai dia di rumah dan dia juga bayar RM3.30 satu meter persegi dan ini menyebabkan kadar cukai yang dibayar oleh rumah-rumah ini especially service apartment dengan izin, naik mendadak dan mereka ada cukai yang naik 3,4, 5 kali daripada asalnya. Kadang-kadang cukai ini sudah melebihi kadar cukai yang dikenakan untuk rumah banglo. Jadi saya ingin menggesa kerajaan negeri pada hari ini untuk mengkaji semula kadar cukai, kadar *per square* meter yang dikenakan ke atas unit strata supaya ia lebih munasabah dan tidak melebihi apa yang dibiayai oleh rumah orang kaya seperti rumah banglo di negeri Selangor. We must be fair in our taxation dengan izin dan apabila kita membuat cukai berpetak ini saya harap kita dapat mengasingkan service apartment daripada dikenakan kadar komersial sebab dulu bila *Master Title* semua kena komersial, sekarang bila kita buat mengikut petak biarlah shopping mall kat bawah tu kena cukai petak berkomersial tetapi yang apartment kat atas tu yang diduduki oleh M40, golongan M40 bukan golongan orang kaya. Orang kaya duduk dalam rumah banglo. Jadi golongan sederhana ini yang duduk di apartment-apartment ini biarlah mereka dikenakan cukai dengan kadar kediaman bukan kadar komersial. Perkara yang ketiga yang saya nak bawa di dewan ini ialah berkenaan dengan RM10 juta yang kita peruntukan untuk menyelenggara, membaiki flat kos rendah. Saya mengalu-alukan, dalam kawasan saya pun ada flat kos rendah sama seperti hampir semua kawasan di negeri Selangor ada rumah kos rendah ini yang perlu bantuan untuk diselenggarakan. Saya berharap, namun saya berharap kerajaan negeri Selangor meneliti bahawa manifesto Pakatan Harapan dalam pilihanraya umum yang lepas telah menjanjikan bahawa kerajaan akan mengambil alih penyelenggaraan flat kos rendah. Ini adalah kerana banyak flat memang mempunyai cabaran untuk mencari ahli jawatankuasa untuk menyelenggara flat tersebut. Jadi macam di kawasan saya, saya ada flat di mana tak dapat untuk buat AGM, tak dapat JMB memang tak ada siapa yang minat dan tak ada siapa yang selenggara dan oleh itu rakyat yang sengsara. Saya harap kita dapat memberi perhatian yang serius kepada apa yang telah kita janjikan. Setiap tahun untuk bertahun-tahun ini kita telah memperuntukan wang untuk membaiki lif, membaiki bumbung, membaiki tangki air dan sebagainya dalam flat kos rendah untuk flat kos rendah juga. Memang secara prinsip kita sudah tahu kita mengakui bahawa kerajaan ada peranan dan kita pun telah berjanji bahawa kita akan ambil alih maintenance supaya kualiti kehidupan mereka akan lebih selesa. Jadi, saya harap dalam masa terdekat kita boleh mulakan usaha atau sebahagian daripada RM10 juta ini boleh dimulakan untuk kes *pilot project* bagi kita mengambil alih sedikit dahulu. Mungkin tak dapat ambil alih kesemuanya dalam 1 tahun, kita semua faham tetapi at least ambil 2,3,4 sebagai satu *pilot project*. Isu yang keempat, komuniti warga emas yang diberitahu dalam ucapan YAB

Dato' Menteri Besar saya amat mengalu-alukannya memang sudah sampai masanya perkara ini telah pun saya cadangkan beberapa tahun yang lepas. Saya harap satu centre seperti ini dapat ditubuhkan di Bukit Gasing. Saya jangka di seluruh negeri Selangor 56 kawasan DUN di Negeri Selangor, Bukit Gasing mempunyai peratus pengundi warga emas tertinggi. Jadi saya harap Pusat Komuniti Warga Emas ini dapat dimulakan sebagai satu projek perintis di kawasan DUN Bukit Gasing dan saya pun ada cadangan tempatnya. PKNS mempunyai 2 rumah banglo di Jalan Tinggi, Seksyen 6, Petaling Jaya yang tidak digunakan. Bangunan bangle itu kosong, setiap bulan ada orang datang potong rumput tetapi bangunan dia tidak digunakan secara produktif. Jadi saya harap bangunan itu boleh digunakan kerana itu harta kerajaan negeri boleh digunakan untuk projek ini. Biar tempat ini menjadi projek perintis, parking di sana pun mencukupi, tidak menjadi hal untuk orang ramai untuk datang ke sana. Perkara yang kelima ialah RM223 juta telah diperuntukkan untuk infrastruktur air. Saya amat berterima kasih bahawa kita masih mengekalkan satu perbelanjaan yang cukup besar untuk infrastruktur air di negeri Selangor walaupun air percuma sudah berakhir untuk M40 dan T20, hanya kekal untuk B40 dan ramai rakyat tidak ada air percuma tetapi penjimatan hampir RM100 juta daripada air percuma ini haruslah disalurkan untuk infrastruktur air. Ini adalah kerana infrastruktur air semasa zaman Barisan Nasional dahulu tidak dijaga hanya paip air yang sepatutnya di tukar pada tahun 90 an tidak dibuat sehingga hari ini. Saya berharap kita dapat memberi perhatian yang serius kepada infrastruktur air paip kepada tangki *treated water reservoir* berada di kawasan perumahan sebagai perkara yang sangat penting untuk memastikan bekalan air tidak terputus kerana bila paip pecah bekalan air kepada sesuatu taman perumahan itu akan terputus untuk setengah hari ataupun satu hari. *Recovery time* pun panjang sebab *reserve* margin kita tinggi. Tak berapa besar. Jadi saya harap selain daripada kita belanjakan water treatment plant yang memang cukup penting, cukup bagus saya harap kita mencari jalan mungkin melalui pinjaman daripada PAP untuk kita meninggikan pelaburan kita. Ada 84 projek tukar paip yang telah diumumkan oleh mantan Menteri Besar adalah 84 projek yang pertama. Kita mesti ada projek baru, sebab ada banyak tempat yang sangat mendesak yang sangat memerlukan paip airnya ditukar. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk bertanya kepada kerajaan negeri sedikit maklumat tentang beberapa perkara yang diumumkan dalam ucapan bajet yang pertama nya adalah *Selangor Maritime Gateway Project* yang dijangka memberi 6600 peluang pekerjaan. Kita boleh berharap bahawa lebih butiran boleh diberikan kepada dewan yang mulia ini supaya rakyat dapat faham apa sebenarnya kandungan projek ini dan Sungai Klang adalah panjang. Di bahagian mana Sungai Klang projek ini akan dibuat. Yang kedua, projek SWAN, biasanya projek infrastruktur broadband adalah projek berbilion-bilion ringgit, tetapi ini hanya projek RM1.5 juta harap dapat diberikan penjelasan sebenarnya apa kandungan projek ini dan apa yang tidak termasuk dalam kandungan projek ini dan yang ketiga, apakah replacement, boleh beri huraian yang lebih apakah replacement produk untuk hadiah masuk universiti dan TAWAS mana yang diumumkan terdahulu. Akhir sekali, saya ingin mengalu-alukan polisi kerajaan negeri untuk memulakan dividen 30 % daripada semua anak syarikat biayai kepada kerajaan negeri mengikut prestasi yang terdahulu kita ada dividen yang dibayar

tidak tentu dan saya rasa polisi of 30% ini adalah polisi yang sangat bagus. Saya mengalu-alukan RM50 juta yang disasarkan tetapi saya harap kita boleh bergerak ke arah meningkatkan kuantiti sebab RM50 juta itu bukan satu angka yang begitu besar. Kalau dibandingkan dengan ekuiti yang dilaburkan oleh Kerajaan Negeri dalam semua anak syarikatnya semua anak syarikat MBI dan PKNS tetapi perkara ini ialah sangat bagus boleh saya cadangkan di sini bahawa akaun MBI dan akaun dan akaun anak-anak syarikat MBI di bentangkan dalam dewan yang mulia ini sama seperti mana akaun PKNS dibentangkan dalam dewan yang mulia ini. Saya tahu tidak ada keperluan buat masa ini, tetapi kita boleh pinda enakmen atau mungkin *administrative* nya sebelum kita enakmen pun kita boleh bentangkan akaun tersebut supaya kita semua dapat meneliti akaun tersebut memandangkan ini adalah wang rakyat yang dilaburkan di dalam MBI. Jadi ringkas sahaja ucapan saya pada hari ini sekian terima kasih dan saya menyokong bajet 2019.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Bukit Gasing. Sebelum saya panggil mana-mana Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian kepada Yang Berhormat pada peraturan tetap 35 (1). Iaitu seseorang ahli yang hendak bercakap, hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah dia berdiri dan mengarahkan ucapan kepada Pengerusi. Tujuan saya membangkitkan peraturan tetap ini, adalah kerana walaupun kita mempunyai e-sidang dan Yang Berhormat berhubung dengan Speaker atau Timbalan untuk berucap tetapi kalau tidak bangun di tempatnya tak boleh nak panggil Yang Berhormat berucap dan Yang Berhormat Speaker dan Timbalan dia tak tahu, dia bukan kasyaf dia tak tahu apa ada. Jadi hari ini saya persilakan Yang Berhormat Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : *Bismillah Hirrrahman Nirrahim, Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabahrakatuh.* Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Besar dan pasukannya yang membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2019 yang rancakkan ekonomi membudayakan rakyat dan mensejahterakan negeri di dalam ketika mana kita berhadapan dengan tekanan ekonomi dan kewangan yang kita semua sedia maklum di Negeri Selangor di negara kita tetapi di seluruh dunia. Namun kita dalam keadaan begini walaupun kita menghadapi tekanan ke tidak suka kita terpaksa juga menguruskan negeri ini dengan kewangan yang sedia ada tetapi jangan sampai kita terleka merancang perancangan-perancangan yang baru sehingga kita terlepas apa nama sumber kewangan yang kita sedia ada. Sebagai contoh saya ingin menyuarakan bagaimana di kawasan saya Meru yang terletak di pinggir ibu negeri Selangor yang merupakan antara kawasan industri utama di Negeri Selangor ini dan juga penyumbang hasil cukai yang agak tinggi juga bukan sahaja untuk Negeri Selangor tetapi juga kepada negara sebagai contoh macam satu kilang yang cukup besar Top Glove yang bertaraf dunia. Saya difahamkan satu tahun cukai yang dibayar sahaja oleh Top Glove sebanyak 80 juta ringgit Malaysia. Itu baru satu kilang, jadi sedangkan di Meru ini kalau kita lihat pembangunan dan pertumbuhan kawasan industri dan kilang-

kilang cukup banyak tapi malangnya dalam kepesatan pembangunan perindustrian yang berlaku di Meru apa nama ni, kemudahan infra tidak seimbang dengan sedia ada. Saya melihat keadaan ini mungkin boleh menyebabkan implikasi negatif yang boleh menyebabkan pelabur-pelabur atau pun pengusaha-pengusaha ini mungkin akan meninggalkan kawasan tersebut atas sebab timbulnya permasalahan yang timbul disebabkan kelemahan kita sendiri, contohnya berlakunya berkaitan kemudahan infra yang tidak sesuai yang tidak orang kata menepati ciri-ciri yang ditetapkan berlakunya isu banjir dan sebagainya yang mana ini seba sedikit mungkin menyebabkan bukan sahaja peniaga yang sedia ada, boleh melarikan diri keluar daripada kawasan tersebut tetapi kita akan dapat lagi membawa pelabur-pelabur baru di tempat kita. Saya melihat Kerajaan Negeri dapat melihat bakal saya utarakan ini walaupun nampak seperti isu setempat tetapi kita kena melihat bukan sahaja di Meru tetapi di seluruh negeri yang menjadi kawasan perindustrian ini perlu kita lihat supaya perkembangan mereka dapat dikekalkan dan juga dapat ditambah baik bukan sahaja dapat mengekalkan pendapatan sedia ada tetapi kita mengharapkan dengan perubahan ini akan menarik lagi pelabur-pelabur yang untuk merancakkan ekonomi negeri seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu sendiri. Sebagai contoh saya mengambil isu yang perlu kita perhatian adalah berkaitan dengan contohnya berkaitan dengan isu banjir. Kalau di Meru ini banjir ini seolah-olah telah menjadi imej yang menaikkan nama Meru. Setiap tahun akan masuk berita TV seolah-olah Meru ini kalau orang sebut orang akan nampak banjir. Saya baru-baru ini banjir saya dapat pahala *free* tu banyak kena maki hamun dengan penduduk sebab dia nampak kita punya kerja. Sedangkan masalah ini dah berlarutan sebab masalah banjir ini kita faham bukan sahaja disebabkan faktor alam ataupun faktor geografi tetapi ada faktor kita juga faktor yang melibatkan ataupun disebabkan atas kelemahan kita sendiri yang perlu kita ambil perhatian yang perlu kita selesaikan. Sebagai contoh kalau kita lihat baru-baru ini di Meru berlaku banjir yang luar biasa, luar biasa yang melibatkan penempatan penduduk sehinggakan dalam satu minggu penduduk terpaksa bersihkan rumah dia tiga empat kali. Banjir surut basuh tak dan selesai air yang dibasuh rumah itu kering dan banjir balik dan antara faktor yang berlaku banjir ini yang amat mendukacitakan saya adalah disebabkan kelemahan kita sendiri. Yang saya rasa terkilan punca banjir ini datang dari DUN lain bukan dari Dun saya. DUN saya pula menjadi mangsa. Punca banjir datang daripada Kota Anggerik ia datang ke Meru jadi pemasalah di Kota Anggerik selesai tetapi timbul di masalah di Meru yang mana kalau kita lihat saya sendiri sudah pergi meninjau tempat dengan izinlah, walaupun tanpa pengetahuan daripada ADUN tersebut, yang mana saya sendiri mengesyaki daripada dua pembangunan, satu daripada SP Setia dan satu lagi daripada PKNS. Dan saya sendiri telah meninjau kawasan-kawasan pembinaan yang dibuat oleh SP Setia dan saya dapati mereka telah menjalankan dan mengikut peraturan ataupun SOP yang telah ditetapkan tetapi yang mendukacitakan saya projek yang dijalankan oleh PKNS saya boleh tunjuk tak sempat mintak kepada Tuan Speaker kalau boleh ditayangkan. Pembangunan rancak kawasan hutan di tarah habis-habisan tanpa ada langsung penebatan banjir, kawasan penebatan yang sedia ada yang semula jadi ditambah dan air nya yang termasuk dengan lumpur-lumpur itu dialihkan terus ke kawasan perkampungan di Kampung Budiman.

Tuan-tuan bayangkan ini kelemahan kita sendiri yang perlu kita selesaikan. Yang tidak dipantau yang mana saya lihat hanya penempatan takungan air ini lebih kurang 50 meter persegi sahaja. Jadi Tuan-tuan bayangkan sampai air berlumpur masuk dalam rumah penduduk kampung sedangkan kita hendak mensejahterakan rakyat tapi rakyat derita atas kelemahan kita. Perkara ini saya dapat diambil perhatian kursusnya pada pihak yang berkenaan dan kalau saya nak menjemput kalau Tuan-tuan nak melancong sambil belajar ke tempat ini boleh datang tengok bagaimana seriusnya keadaan banjir yang berlaku di Meru sebab di tempat kami bukan tempat untuk menyelesaikan banjir tempat orang lain. Itu perkara yang pertama dan juga kawasan yang kerap banjir di Meru atas sebab kelemahan sistem perparitan itu sendiri yang mana kalau kita lihat perancangan bandar yang berlaku di Meru daripada awal lagi daripada zaman sebelum zaman Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang Pakatan Harapan sebelum itu lagi perancangan bandar itu sendiri sudah tidak tersusun sistem perparitannya tidak di selenggara kalau kita lihat ada di antara Meru ini antara yang kerap sangat banjir ke kadang hujan sikit pun akan menyebabkan banjir macam di Taman Daya, Jalan Teratai, Jalan Cempaka Taman Meru Utama dan juga Kampung Budiman ini tempat yang memang setiap tahun walaupun kita tak nafikan faktor geografi faktor utama juga tetapi faktor kelemahan manusia ini yang perlu kita perbaiki. Dan selain itu juga Yang Berhormat sekalian yang menjadi isu permasalahan bukan sahaja Meru dan saya yakin di tempat kita semua yang menjadi punca banjir kilat, punca berlakunya orang kata banjir yang lambat surut dan sebagainya adalah berkaitan isu sampah yang berada di perparitan yang tidak di selenggara. Bukan sahaja sampah termasuk rumput rampai bukan sahaja tumbuh dan saya dimaklumkan macam contoh di JPS ini waktu penyelenggaraan dua kali sahaja setahun. Jadi kalau kita lihat penyelenggaraan sahaja tidak cukup untuk selesaikan permasalahan banjir. Sekadar orang kata dua kali setahun itu pun kadang-kadang, saya tak tahu kerja itu dibuat atau tidak. Yang mana sudah pasti perkara ini akan menjejaskan atau menjadi di antara punca banjir kilat itu berlaku dan juga menjadi punca kepada permasalahan-permasalahan yang berlaku tempat kita semua. Saya itu juga mungkin saya boleh mencadangkan di sini bahawa mungkin pihak yang berkenaan boleh orang kata menyelesaikan permasalahan ini dia bukan sahaja berkaitan perparitan orang jadikan parit tempat buang sampah disebabkan atas kelemahan kita contohnya saya nak ambil di tempat saya pembangunan semakin meningkat orang makin ramai tetapi kutipan sampah macam itu juga. Makna sampah semakin banyak tetapi jumlah kutipan jualan sama. Yang menyebabkan kalau kita lihat permasalahan tetap tidak selesai walaupun kontraktor yang diberi tanggungjawab itu telah melaksanakan tugasnya tetapi jadualnya amat terhad dan juga jumlah kutipannya tidak banyak dan akhirnya penduduknya menjadikan sungai-sungai atau perparitan tempat membuang sampah. Yang ini perkara perlu kita selesaikan dan diharapkan kalau dalam perbincangan saya dengan pihak JPS Klang untuk menyelesaikan perparitan dan sampah dan banjir di kawasan Meru sahaja Tuan-tuan untuk menaik taraf parit dan pembinaan kolam takungan sahaja memakan belanja 14 juta 800 ratus ribu. Itu baru sahaja satu kawasan dan tidak masuk lagi projek tebatan banjir Sungai Kapar yang dianggarkan 49 juta *sorry* tadi 14 juta 800 ribu dan di Sungai Besar berjumlah 49 juta itu baru di kawasan saya sahaja saya tak tahu di kawasan lain,

saya rasa jumlah cukup besar dan pagi ini perkara ini perlu diambil perhatian sebab apa kita nak memastikan tempat kita sahaja dapat kita selesaikan permasalahan kesejahteraan rakyat tetapi untuk menjana ekonomi untuk menarik pelabur-pelabur dan juga untuk memastikan pelabur-pelabur ini terus kekal berniaga dan juga melabur di tempat kita. Kita tak nak merancang projek-projek yang baharu tapi dalam masa yang sama kita tidak menjaga peniaga yang sedia ada tempat kita macam contoh berlaku banjir air masuk di kilang-kilang mereka dan sebagainya yang bukan mendatangkan keuntungan pada mereka tapi yang mendatangkan juga permasalahan kepada mereka atau kerugian kepada mereka. Yang Berhormat yang dikasihi sekalian seperti mana juga permasalahan banjir. Isu jalan saya yakin menjadi isu yang sentiasa kita perkatakan dalam dewan ini yang mulia ini. Dan kalau kita lihat jalan-jalan yang telah rosak ini antara faktornya adalah disebabkan kualiti jalan itu sendiri yang tidak dapat menampung pengguna jalan raya yang sedia ada contoh jalan itu standardnya untuk jalan kampung tetapi dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat. Ini menyebabkan kita rosak dan dalam masa yang sama kita membelanjakan duit berjuta-juta ringgit hanya semata-mata untuk membaiki berkali-kali rosak. Atau sebab perancangan kita sendiri yang tidak merancang dengan betul untuk melihat status jalan itu yang perlu diperbaiki. Sebagai contoh kalau kita lihat saya mungkin pergi ke tempat saya. Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya kerana Kerajaan Negeri Selangor telah membangunkan satu sistem dipanggil e-token. Di mana sistem itu digunakan untuk mengawal laluan kenderaan-kenderaan yang berat dalam kes ini lori-lori pasir di mana kita mengawal jumlah muatan dan juga laluannya kita mengawal yang di akan dilalui oleh lori-lori ini dan apakah boleh Selangor boleh memasarkan e-token ini kepada JPJ dan juga untuk memastikan kawalan itu berlaku terhadap kenderaan-kenderaan berat yang lain supaya tidak merosakkan jalan-jalan negeri dan persekutuan.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ok, terima kasih kepada Banting. Saya ada merujuk perkara ini kepada pihak JPJ., tapi rupanya pihak ini apa nama ini docket itu tidak dikeluarkan oleh pihak JPJ tapi pihak Pejabat Tanah dan saya sendiri telah tanya Pejabat Tanah kalau di Klang kalau di tempat *sorry* di tempat saya yang banyak berurusan tentang lori ini yang bawa tanah ini pejabat PJ, PJ bukan Klang ya, sebab saya dua PTG Klang dan saya sendiri telah bertanya berkaitan dengan berapa banyak permit yang pernah dibatalkan. Tak ada jawapan sampai hari ini seolah-olah mereka ni dengan bebas boleh mengeluarkan tanah yang tidak terkawal. Jadi perkara ini juga perkara yang perlu kita ambil perhatian dan saya yakin kebanyakan kita pun wakil rakyat or Yang Berhormat Sekalian beranggapan bila soal permit lori ni dikeluarkan oleh JPJ sedangkan bukan JPJ yang keluaran tetapi yang keluaran ialah Pejabat Tanah. Jadi kita tak nak berlaku penyalahgunaan itu dan sebenarnya kalau dilihat pengawalan itu amat kurang saya lihat dan kalau kita perhatikan tidak banyak penguatkuasaan dilaksanakan untuk mengawal perjalanan lori-lori ini yang mana kita lihat mereka secara bebasnya boleh melalui jalan kampung dengan sewenang-wenang

akhirnya merosakkan bukan sahaja jalan kampung tetapi yang lebih kita takut membahayakan rakyat. Membahayakan penduduk itu yang lebih kita takut yang perlu kita jaga.

OK. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian di sini juga saya ingin menyatakan juga selain daripada kualiti dan juga tidak ada kawalan berkaitan dengan laluan lori ni tadi yang perlu kita ambil perhatian saya tidak nafikan jugak lah kadang-kadang lori ini tidak ada pilihan. Dia terpaksa juga lalu jalan-jalan yang kampung tadi untuk mereka lalu tapi kita kena memikirkan bagaimana untuk pastikan kualiti jalan tu tadi yang saya sebutkan tadi mengikut standard yang boleh di lalu oleh kenderaan berat tadi supaya dia tidak membazirkan sebenarnya duit rakyat yang kita terpaksa berkali-kali membuat pembaikan atas sebab kelemahan kita sekadar nak melepaskan ataupun sekadar nak tutup aduan begitu sahaja sedangkan kita boleh buat untuk menyelesaikan benda ni dalam jangka masa yang panjang. Mungkin pihak berkenaan boleh memikirkan bagaimana satu perancangan pembaikan dan juga projek-projek yang baru pembaikan jalan dapat diperbaiki dan sedikit lagi yang ingin saya utarakan ini adalah berkaitan dengan isu warga asing yang jadi permasalahan kita. Walaupun kalau kita lihat negeri memang hendakkan kepada pembangunan industri dan sebagainya dan tak nafi berlaku kebanjiran warga asing yang cukup banyak tetapi kita lihat pengawalan terhadap mereka ini cukup kurang sehinggakan kita lihat hari ini warga asing bebas untuk berniaga dan juga yang lebih malang ada di kalangan warga asing yang berniaga ini dilindungi oleh penduduk tempatan. Sedangkan kita tidak membuat sebarang tindakan untuk mengenakan tindakan bukan sahaja kepada warga asing yang berniaga ini tetapi juga kepada mereka yang memberi ruang dan peluang kepada warga asing ini untuk berniaga. Ini satu perkara yang kita ambil serius. Tanpa kita sedar sebenarnya ekonomi kita sendiri akan dijajah sedikit demi sedikit oleh warga asing yang sepatutnya hasil dan juga keuntungan tu dinikmati oleh rakyat kita tetapi dikaut oleh warga asing ini dan saya harap perkara ini diambil serius soal pelesenannya dan sebagainya dan juga dapat orang kata kita bukan sahaja menyekat golongan ini tetapi dapat memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk mencari rezeki dan sebagainya.

Selain itu juga perkara yang saya nak ketengahkan di sini adalah berkaitan dengan isu masjid yang mana kalau kita lihat pada hari ini pernah ataupun kita sendiri sebelum ini pernah dikejutkan apabila masjid kita ada penceramah-penceramah, astatizah kita yang telah orang kata menjadikan masjid ini sebagai tempat medan berpolitik. Medan berpolitik untuk menghentam dan juga memburukkan Kerajaan Pakatan Harapan sama ada di peringkat negeri ataupun nasional. Dan kita lihat perkara ini tidak di kawal. Saya mencadangkan, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat sekalian andainya dapat diperhalusi dan menilai balik lantikan-lantikan politik di dalam Jabatan Agama Islam Selangor yang tidak memberi sokongan ataupun mensabotaj Kerajaan Pakatan Harapan ditukar (tepek meja) sebab mereka ini menjadi duri dalam daging kelangsungan untuk kita membina negeri kita. Sebab perkara ini cukup bahaya sebab menimbulkan fitnah ini boleh memecahbelahkan kita dan dalam masa yang sama menyekat kita untuk

menyampaikan maklumat-maklumat yang benar kepada rakyat tentang polisi dan juga apa yang diperjuangkan oleh Pakatan Harapan kepada rakyatnya sebab perkara ni kalau kita lihat di Kerajaan Negeri Selangor kita kena mempertahankan kesucian Islam itu sendiri dan juga kena mempertahankan kemuliaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebab saya tidak tahu adakah perkara ini pihak Istana tahu atau tidak. Kita tak tahu tapi yang kita bimbang perkara ini digunakan untuk kepentingan mereka memecahbelah dan melemahkan Kerajaan Pakatan Harapan sebab perkara ini perlu diambil serius sebab kita tak nak lagi sedangkan masjid ini sepatutnya sebagai suatu institusi untuk menyatukan kita bukan memecahbelahkan kita.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Boleh ringkaskan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD. MOKHTAR : Yang ini perlu kita ambil perhatian dan seterusnya kepada Tuan Speaker saya nak mengambil juga sebagai satu cadangan saya dengan keadaan ekonomi dan juga pembangunan keadaan tekanan ekonomi kita memahami bila bentangan berkaitan dengan isu air yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada yang melenting dan juga ada yang mengambil kesempatan untuk memburukkan Kerajaan Pakatan Harapan. Sedangkan kita dapat melihat bahawa apa yang dibentangkan oleh Menteri Besar ini berdasarkan keadaan situasi semasa dan juga kita lebih nak memberi kebajikan itu kepada sasaran yang sebenar-benarnya. Bukan sahaja sebenar isu pasal air macam termasuk isu kad KISS sendiri. Isu kad KISS ni mungkin saya minta pihak berkenaan nanti dapat kaji balik mungkin ada penerimanya dulu dia miskin sekarang dah kaya yang perlu diganti diisi pulak kepada orang yang benar-benar layak. Kena ada satu jawatankuasa yang betul-betul memantau perkara ini yang mana kita kena faham isu air ini boleh disensasikan bagi mereka yang tidak faham yang perlu saya jelaskan di sini bahawa sasaran kita untuk membantu golongan yang miskin bukan membantu golongan yang kaya. Kalau tak silap saya 25 padu meter padu ni tak sampai pun dua puluh ringgit rasanya. Rasanya kalau macam YB Menteri Besar sendiri rasanya dua puluh ringgit itu macam dua sen aje bagi dia hah dia tak ada masalah mana pun hah kan. Hah! 11.40, Allah kalau orang yang kaya 11.40 pun berkira pun saya tidak tahu lah. Hah sebab benda ni tak jatuhkan ekonomi dia pun tapi kita nak beri manfaat tu banyak kepada rakyat dan in shaa Allah saya yakin apabila ekonomi kita kembali pulih kita harapkan apa nama ni pemberian air percuma dapat dikembalikan keseluruhannya kepada rakyat negeri Selangor dan bukanlah bertujuan untuk kita orang kata meletakkan bahawa yang ini adalah satu perkara yang tidak mengikut manifesto dan sebagainya tetap kita bagi air percuma.

Dengan itu, saya menyokong penuh belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker dan semua Yang Berhormat. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Meru. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian oleh kerana Urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul. Silakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Bismillahhirahmannirahim. Terima kasih Speaker Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa Usul yang berbunyi seperti berikut Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.00 petang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan Ya.

Ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan Tidak.

Usul ini dipersetujui.

Kita teruskan perbahasan. Silakan Yang Berhormat Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahitallah wabarakatuh serta Salam Sejahtera. Tuan Timbalan Speaker dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kerana memberi peluang kepada Sementa membahas ucapan Belanjawan Selangor 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Sungai Tua. Tahniah Sementa ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Sungai Tua yang telah membentangkan satu Belanjawan Negeri yang seimbang dan sangat baik serta menyeluruh untuk rakyat Selangor dan ini adalah satu Belanjawan yang sangat realistik untuk kebaikan seluruh rakyat. Sesungguhnya rakyat Selangor sebenarnya tertunggu-tunggu apakah inisiatif baru yang akan dibentangkan oleh Kerajaan Negeri setelah menang dan diberikan mandat kali ketiga berturut-turut untuk Penggal ini.

Dengan menampilkan tema Belanjawan 2019 yang bertunjangkan merencanakan ekonomi, memberdayakan rakyat dan mensejahterakan negeri Sementa menyambut baik perkara ini kerana kita melihat ia adalah sangat penting bagi memacu negeri Selangor yang kita sayangi ini untuk terus menjadi negeri yang mengambil penting untuk menjadi negeri

yang mengambil kepentingan memberdayakan rakyat dan ini akan lebih mensejahterakan negeri Selangor agar menjadi sebuah negeri yang terbaik di negara ini.

Ketiga-tiga komponen pemacuan ini sangat penting agar Selangor terus unggul membawa agenda reformasi untuk rakyat di negara ini dengan ekonomi Selangor yang terus kekal dan mampan sebagai penyumbang KDNK yang terbesar iaitu sebanyak 23% dan ini membuktikan Kerajaan Selangor yang diterajui oleh Pakatan Harapan kini mempunyai keupayaan kewangan yang stabil serta mempunyai aspek tadbir urus yang efisien dan efektif. Dengan pelaburan-pelaburan baru seperti bidang Aero Angkasa yang mula datang ke Selangor ini, ini akan merancakkan lagi ekonomi Selangor dan memberikan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk anak-anak muda di Selangor.

Tuan Timbalan Speaker dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Anggaran Belanjawan 2019 sebanyak RM2.56 billion ini, iaitu 50% diperuntukkan untuk belanja mengurus dan 50% diperuntukkan untuk belanja pembangunan ia adalah satu pencapaian Belanjawan yang seimbang. Tahniah kepada Dato' Menteri Besar namun kita mengharapkan agar pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar meneruskan tradisi untuk tiada Belanjawan Tambahan untuk 2019 yang akan datang.

Sementara dasar penilaian perolehan secara *cut off* yang diamalkan sejak 2015 bagi menilai semula tender dan sebut harga yang dipelawa secara terbuka perlu diteruskan. Ketelusan ini dapat dilihat dengan rekod penjimatan sebanyak RM510 juta dapat diselamatkan dan dengan penjimatan ini ianya dapat dipulangkan semula kepada rakyat Selangor.

Sementa amat tertarik dengan strategi kedua iaitu penjajaran inisiatif peduli rakyat daripada pemberian kepada pemberdayaan. Selangor yang sekian lama unggul dengan program-program peduli rakyat dengan memastikan kebajikan rakyat terbela serta memenuhi tuntutan reformasi dengan agenda berkongsi kekayaan negeri bersama rakyat melalui dasar merakyatkan ekonomi Selangor dan inisiatif peduli rakyat yang mana telah menjangkau kepada 42 program inisiatif peduli rakyat dan saya kira rakan-rakan kita semua telah pun sentiasa mengulang-ulang dan hafal ya dengan inisiatif-inisiatif peduli rakyat yang kita laksanakan di negeri Selangor juga rakyat Selangor telah pun memahami serta telah serasi dengan segala program-program inisiatif peduli rakyat sehinggakan rakyat Selangor sentiasa melihat apakah yang mereka layak untuk mereka dapatkan dalam program-program IPR ini dan ini lah keberkesanan program inisiatif peduli rakyat yang telah kita laksanakan selama 10 tahun ini.

Namun beberapa inisiatif ini telah pun mempunyai kajian keberkesananannya dan ada beberapa inisiatif-inisiatif peduli rakyat yang terpaksa mungkin dihentikan ataupun diubah kepada perkara-perkara lain.

Sementa tetap menyokong langkah-langkah Kerajaan Negeri dan antaranya apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri itu mengekalkan bantuan KISS, Kasih Ibu Smart Selangor kepada para ibu yang layak untuk tahun 2019 yang akan datang ini. Dengan peruntukan sebanyak RM50 juta ini.

Dengan inisiatif memberdayakan para penerima KISS di mana ibu-ibu ini diberi peluang untuk mendapat kemahiran dan mempunyai pendapatan dengan adanya program *work from home* ianya akan memberi peluang kepada keluarga B40 ini mempunyai pendapatan sendiri. Mereka juga bukan lagi mahu ya terus-terusan menjadi penerima KISS. Mereka sebenarnya lebih ingin untuk berdikari dan mempunyai pendapatan sendiri. Jadi untuk kesinambungan 2019 memang sedang elok lah untuk Kerajaan Negeri meneruskannya.

Sementa juga menyokong usaha Kerajaan Negeri untuk terus memberdaya dan mengangkat martabat wanita menerusi Program PWB yang telah pun dilaksanakan di 56 DUN di seluruh Negeri Selangor. Program PWB ini yang telah berkembang di Selangor sejak 3 tahun yang lalu adalah wadah dan platform untuk wanita Selangor mendapat ilmu dan beraktiviti di dalam masyarakat. Program PWB ini sentiasa di nanti-nanti oleh para wanita melalui program yang diuruselia oleh penyelia-penyelia PWB di setiap DUN di negeri Selangor. Program kemahiran seperti kelas-kelas masakan, jahitan, kraf tangan adalah program yang memberikan ilmu kemahiran dan program-program ini sebenarnya sangat dekat di hati para wanita. Jadi ianya sangat baik kerana ia masih diteruskan untuk tahun depan.

Juga dalam Program PWB juga tidak dilupakan iaitu Program keilmuan seperti pelaksanaan kursus-kursus bagi apa ni bagi meningkatkan daya intelektual para wanita ya antaranya kursus-kursus pengurusan kewangan keluarga, kursus-kursus kesihatan keluarga, undang-undang, diskriminasi gender, keusahawanan, online marketing, kepimpinan wanita, keterampilan diri untuk wanita dan kursus-kursus ini menjadikan wanita Selangor lebih berdaya dan berilmu berbanding sebelumnya. Melalui Program PWB ini juga ramai wanita yang telah berjaya dan dapat menghasilkan produk-produk mereka sendiri. Ramai yang telah pun ya berjaya menjadi usahawan yang mana ianya menjadi sumber ekonomi untuk keluarga mereka dan pada awal tahun ini PWB telah mengenal pasti 20 produk yang terbaik untuk dibuatkan program pembungkusan ataupun *packaging* di bawah jenama PWB. Sementa memohon agar inisiatif program pembungkusan ini diteruskan agar lebih ramai lagi wanita-wanita melalui PWB dapat mengeluarkan produk-produk yang baik, yang menarik, yang berkualiti dan keboleh pasaran. PWB ini juga, produk-produk daripada wanita-wanita PWB ini boleh diperluaskan dan dikongsikan bersama wanita-wanita daripada Skim Kiss ini melalui Program *Work From Home* agar ada kepelbagaian produk untuk Program *Work From Home* ini dan antara kekangan pada para wanita ini mereka boleh mengeluarkan produk, mereka boleh membuat segala macam produk-produk ini namun apa yang mereka perlukan adalah agen untuk memasarkan produk mereka.

Jadi dalam penggal yang lepas, Kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk melaksanakan PWB Shop ya bagi memasarkan produk-produk PWB. Namun ia belum sempat untuk dilaksanakan jadi Sementa memohon agar perkara ini akan dapat dilaksanakan untuk tahun 2019 dan mungkin untuk permulaan ya produk-produk daripada wanita PWB ini boleh juga kita pasarkan melalui kedai-kedai KISS yang ada di seluruh negeri Selangor. Mungkin kita adakan chef ya khusus untuk produk-produk PWB ini di kedai-kedai KISS ini. Jadi ini juga sebagai permulaan untuk apa ni tempat memasarkan produk mereka.

Sementa mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang meneruskan Program Skim Peduli Sihat untuk rakyat Selangor. Program ini adalah program yang sangat memberikan manfaat kepada rakyat Selangor dan ianya memberi manfaat pada rakyat B40 dalam memastikan kesihatan mereka terjamin. Skim ini juga sebenarnya menjadi buah mulut di kalangan para doktor-doktor dan para pengusaha klinik swasta di negara ini. Mereka bangga ya kerana Selangor lah satu-satunya yang melaksanakan Program Skim Peduli Sihat ini yang berkongsi ataupun berstrategik *planning* bersama dengan pihak klinik-klinik swasta ini dan sebenarnya para doktor-doktor ini dan klinik-klinik swasta ini mereka bangga dan ingin untuk turut serta menyumbang bakti memberikan rawatan perubatan kepada rakyat Selangor. Jadi Tahniah kerana kita masih lagi dapat meneruskan Program Skim Peduli Sihat ini.

Sementara Program Kesihatan. Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor yang mana ia adalah satu program bagi membantu pesakit-pesakit ya membayar bil-bil rawatan di hospital untuk pembedahan kecil, rawatan katarak mata, rawatan jantung di IJN, kaki palsu dan bantuan barangan seperti pampers dan susu untuk pesakit terlantar masih sangat lagi diperlukan oleh rakyat di negeri Selangor ini. Kerajaan negeri yang sangat prihatin sentiasa ada untuk menghulurkan bantuan bagi rakyat yang memerlukan begitu juga bantuan kepada para pesakit dialisis yang mana bantuan daripada Kerajaan negeri ini dapat meringankan bebanan kewangan para pesakit dialisis ini.

Kini Kerajaan negeri meneruskan kesihatan rakyat dengan Program Gaya Hidup Sihat iaitu Selangor Slim. SLIM. Sementa menyokong Program Selangor Slim ini bagi menggalakkan rakyat Selangor mengamalkan gaya hidup sihat jadi kalau sebelum ini kita ada 30% rakyat di Malaysia ataupun di Selangor ini yang apa ni obes dan juga yang *overweight* maka selepas kita melaksanakan program ini, in shaa Allah rakyat Selangor akan kembali Slim semuanya ya. Jadi dengan peruntukan sebanyak RM2 juta kita, saya amat ya mengalu-alukan pelaksanaan program ini. Mungkin ia boleh dilaksanakan dengan kerjasama klinik kesihatan di daerah-daerah masing-masing bersama ADUN-ADUN dan memilih pemenang ya apabila kita membuat pertandingan Selangor Slim ini mengikut kategori-kategori seperti kanak-kanak sebab kanak-kanak sekarang pun ramai yang mula *overweight* ya kerana masalah ataupun pemakanan yang tidak kurang ya memberi masalah pemakanan yang kurang baik. Remaja-remaja ya dan juga kategori dewasa serta kategori lelaki dan wanita. Jadi pertandingan ini bakal memberikan inisiatif

bagi mereka yang obes atau pun yang agak *overweight* agar kembali slim dan dapat mengekalkan berat badan ideal.

Langkah Kerajaan Negeri dalam usaha melestarikan alam sekitar dan memelihara alam semula jadi serta ekosistem negeri demi masa depan yang lebih selesa sangat bertepatan masa kini. Dengan pelaksanaan bandar hijau dan peruntukan sebanyak RM2.5 juta pihak PBT digalakkan untuk menghijaukan kawasan perbandaran dengan melaksanakan program penanaman pokok serta pengindahan landskap di bandar-bandar utama di negeri Selangor. Pihak PBT digalakkan menanam pokok-pokok hiasan yang berwarna-warni, yang berbunga-bunga dan tersusun indah dan menjadi landskap yang cantik di bandar-bandar kita. Jadi harapan kita

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sementa lampu merah

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Harapan kita agar mohon untuk tambah sedikit lagi Tuan Speaker. Pihak PBT di saran menanam pokok-pokok redupan yang berbunga juga yang mana kalau kita lihat musim-musim tertentu pokok-pokok ini akan berbunga iaitu pokok Tikoma ini dan ia sangat cantik ya jadi kita tak perlu nak pergi Jepun ke atau ke negara-negara musim yang bermusim. Jadi kita harapkan pihak PBT akan lebih banyak menanam pokok-pokok bunga-bunga yang berwarna-warni agar mengindahkan lagi perbandaran kita.

Sementara masyarakat diberikan pendidikan dan digalakkan untuk menjaga kehijauan alam sekitar dengan melaksanakan program bersama komuniti setempat antaranya Program Kebun Komuniti dan masyarakat digalakkan menjaga kebersihan alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan beg plastik dan styrofoam serta digalakkan melaksanakan 3R iaitu Reused, Reduce dan Recycle. PBT digalakkan untuk meletakkan tong-tong 3R ini di kejiranan komuniti tersebut. Sementara beberapa PBT telah pun melaksanakan pertandingan mengumpul bahan-bahan kitar semula dan ia patut diteruskan. Sementara sebelum ini kita juga ada program pelaksanaan zon bersih. Maka saya juga mengharapkan agar program zon bersih ini diteruskan di masa yang akan datang.

Sementa juga ingin mencadangkan

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sementa sila ya

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : sedikit lagi, sedikit.

TUAN SPEAKER : Yang terakhir ya, yang terakhir.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ok. Pelaksanaan Bandar Mesra Wanita, ia telah pun juga termaktub di dalam Buku Dasar Wanita Selangor. Antara titik tumpu

bagi kesejahteraan wanita adalah Pelaksanaan Bandar Mesra Wanita. Bandar Mesra Wanita bukanlah kita minta untuk di cat kan pink ya bangunan-bangunan di bandar tersebut ataupun pengasingan kawasan untuk wanita ya tetapi apa yang kita mahu adalah sebuah bandar selamat untuk wanita menghuninya. Selamat daripada kes ragut, ia mempunyai pencahayaan yang cukup di waktu malam untuk mengelakkan kes jenayah dan ianya *excisable* untuk apa ni digunakan oleh wanita serta ianya selamat. Reka bentuk bandar selamat ini juga perlu menepati ciri-ciri universal, design yang boleh di akses oleh orang-orang golongan OKU, warga emas dan kanak-kanak.

Oleh kerana Selangor telah pun ada dua orang YDP wanita dan kedua-dua YDP ini menjaga PBT yang telah di naik taraf kepada Bandar raya iaitu MPSJ kepada MBSJ ya dan juga MDKS kepada MPKS iaitu Perbandaran Kuala Selangor. Maka permulaan yang baik boleh dilaksanakan di dua PBT ini untuk melaksanakan Bandar Mesra Wanita dan in shaa Allah boleh memohon peruntukan tambahan kepada Menteri KPKT yang juga adalah seorang wanita. Sikit lagi Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Dah.. dah.. panjang sangat dah

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : iaitu tentang

TUAN SPEAKER : tiga kali sikit dah, jadi saya rasa landing terus... landing ya.. landing terus...

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Hah ok, jadi satu lagi isu ialah tentang sekolah-sekolah iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah yang mana kita selama ini kita tak boleh masuk sekolah sekarang kita boleh masuk sekolah tapi bila kita boleh masuk sekolah ya banyak permohonan yang diperlukan oleh pihak sekolah pada ADUN-ADUN. Jadi mungkin saya menyarankan kepada pihak Kerajaan negeri untuk memberikan peruntukan bagi permohonan sumbangan-sumbangan kepada sekolah-sekolah ini kerana sekolah menengah, sekolah rendah yang ada ini adalah tempat-tempat untuk anak-anak kita belajar jadi pihak Kerajaan negeri juga perlu mengambil apa ni untuk membantu sekolah-sekolah ini. Jadi saya kira sebenarnya ada beberapa lagi

TUAN SPEAKER : Dah... dah... dah.... sila duduk lah.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Sementa menyokong Belanjawan 2019. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya persilakan Yang Berhormat Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAW KHEW : Terima kasih Tuan Speaker dan saya ucapkan Tahniah juga kepada Dato' Menteri Besar kerana membentangkan berjaya membentangkan satu Bajet yang agak seimbang dan menyeluruh dan walau

bagaimanapun saya ingin memberi komen sebelum saya pergi ke benda-benda yang spesifik. Nombor satu defisit. Ia merupakan satu defisit bajet tapi bagi saya memandangkan ekonomi sekarang yang *outlook* yang tidak begitu sihat saya rasa tidak salah bagi Kerajaan Negeri untuk mengadakan defisit bajet. Itu satu.

Yang kedua, ada kawan-kawan di luar yang katakan eh, mengapa kita nampak *reserve* Kerajaan negeri menurun. Bagi saya jawapan saya senang kerana Kerajaan telah membelanjakan banyak untuk program-program yang inisiatif untuk peduli rakyat dan juga teruskan untuk memberi belanja yang besar untuk sumber air yang sangat penting untuk negeri Selangor. Itu dua, sekarang saya pergi ke spesifik.

1) Air percuma saya menyahut cadangan iaitu kita menganggap M40 pun sasaran. Golongan sasar yang kita boleh memberi bantuan kerana walaupun dia M40 sebenarnya kalau dia tanggungan keluarganya besar dia pun macam orang miskin juga, itulah.

2) Pelupusan Sistem Pepejal, saya setuju cara yang kita kenakan sekarang ini tidak canggih masa sudah sampai untuk teknologi yang baru tetapi kita perlu ingat kita kena memastikan teknologi yang kita guna itu mesti mahu kos efisien dengan izin dan juga yang paling penting ia tidak akan mencemarkan alam sekitar kerana saya difahamkan banyak teknologi dan banyak Negara katakan canggih termasuk Jepun pun mereka pun teknologi tak mengancam Alam Sekitar sebab itu saya meminta satu taklimat khas untuk semua ADUN daripada Worldwide supaya kita bersama-sama cari penyelesaian yang paling baik.

3) Circuit Perlumbaan Motor. Saya rasa saya mencadang kepada Dato' Menteri Besar kita buat rundingan dengan Sepang Circuit sebab saya nampak Sepang Circuit di kawasan saya *underuse very much underuse* dengan izin. Jadi saya difahamkan kalau orang awam nak gunakan tempat itu sangat mahal jadi Kerajaan Negeri apa salah ada perundingan dengan dia supaya dia boleh turunkan kos itu jadi kita tak perlu buat satu sirkuit yang baru.

Kebersihan Back Lane atau pun Lorong Belakang. Saya banyak menerima aduan daripada public mereka kata di Selangor ini jalan besar di depan di kedai itu okay, masih okay lagi tetapi kebanyakan back lane sangat teruk. Jadi saya menguji Kinrara kerana back lane dia sudah jadi Art Alley dan saya tengok Jalan Alor di Kuala Lumpur pun sudah jadi cantik. Jadi saya harap Kerajaan Negeri boleh melalui PBT, Kerajaan Negeri supaya kita membersihkan semua back lane di seluruh Selangor. Zon bersih saya menghayut saya harap Kerajaan Negeri bersama PBT boleh menghidupkan balik program Zon Bersih kerana kebersihan untuk negara kita sangat penting kalaulah kita nak mempromosikan Eco Tourism. Kita tak bolehlah kita kena memastikan semua Bandar dan Desa kita adalah bersih sebelum kita mempromosikan Eco Tourism atau pun Agro Tourism.

Conversion of Land dengan izin saya mencadang untuk membuka untuk menambah Revenue untuk negeri kita beri peluang kita *study*, kita mengkaji kita beri peluang kepada pemilik harta benta yang, harta yang *Leasehold* kepada *Freehold* dengan cara itu saya

rasa boleh menambah banyak Revenue kepada negeri supaya kita boleh gunakan wang itu untuk kemajuan pembangunan.

Bumi Kota masa sudah sampai kita mengadakan satu Bumi Kota yang lebih *reasonable*. Mereka kata, ramai yang kata apa yang ada sekarang kurang *reasonable*.

- i) Tanah Pertanian – saya harap, saya harap Kerajaan Negeri boleh membuka tanah Kerajaan khas untuk pertanian untuk penternakan termasuk Sg Pelek dan Sepang.
- ii) Dan Dana untuk Sekolah saya amat setuju dengan Sementa di mana-mana kita pergi, kita perlu salurkan Dana untuk Sekolah jadi apa salahnya walaupun kita faham Sekolah di bawah *jurisdiction* dengan izin Pusat apa salahnya Kerajaan Negeri kalau kita mampu kita adakan Dana Khas istimewa khas untuk sebagai bantuan kepada semua sekolah di Selangor.
- iii) Dan *Open Up Tin Mining* saya rasa di Selangor kita masih ada sumber bijih timah yang banyak jadi saya difahamkan sekarang harga, harga bijih timah sudah menjadi baik, sudah jadi sihat jadi apa salahnya Kerajaan membuat kajian yang baru. Ada masa sudah sampai buka semula *Tin Mining* untuk menambah revenue untuk negeri. Lagi satu
- iv) Jalan tadi ramai Yang Berhormat pun mengutarakan perkara ini, saya mencadang nampaknya Kerajaan Pusat kurang ada wang, kurang dana jadi apa salahnya Kerajaan Negeri meminjam wang kepada Kerajaan Pusat khususnya untuk JKR dan agensi-agensi yang tak cukup wang untuk menyelenggara jalan raya. Sebab bagi rakyat di luar dia tak faham itu apa jalan Federal, State atau pun apa-apa, tak tahu janji kalau rosak kena kita pulihkan membaiki jadi saya minta Kerajaan khususnya Dato' Menteri Besar untuk mengkaji. Dan
- v) PWB saya harap Kerajaan boleh tambahkan wang lagi untuk program PWB sebab saya percaya, saya setuju program ini sangat-sangat baik untuk memperkasakan wanita di kawasan kita. Dan
- vi) Hospital Kerajaan Pusat ini memang *jurisdiction* Kerajaan Pusat saya harap Kerajaan Negeri boleh keluarkan tanah secara percuma supaya kita menggalakkan atau kita memberi dorongan kepada MOH dengan izin *Ministry of Health* untuk membina Hospital juga di desa termasuk Sg Pelek, Tanjung Sepat dan lain-lain. Dan akhirnya
- vii) Kita amat perlukan jambatan dari Sg Pelek ke Bukit Belandok jadi saya minta perhatian Kerajaan Negeri boleh memberi dana untuk membuat satu jambatan atas Sungai Sepang supaya kita boleh menghubungkan Port Dickson dengan Negeri Selangor. Jadi dengan ini saya menyokong sepenuhnya kepada bajet tahun ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sabak

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat sebelum saya menjadi ADUN saya sering menjadi pelawat

dalam Persidangan ADUN Negeri Selangor. Saya perhati pada masa itu ramai pelawat yang ingin menyaksikan Persidangan Dewan Negeri Selangor tetapi selepas saya menjadi ADUN saya dapati tak ramai pelawat yang mahu melihat langsung Persidangan Dewan Negeri Selangor. Saya bertanya di mana silapnya mungkin kerana tidak ada pembangkang seperti MP Pasir Salak, tidak ada ADUN Pembangkang di Selangor seperti MP Tanjung Karang dan juga Kinabatangan saya meminta kepada ADUN Pembangkang lebih agresif supaya Persidangan DUN Negeri ini jadi sedikit hangat dan ramai pelawat akan hadir untuk menyaksikan Persidangan DUN Negeri Selangor.

Tuan Yang Dipertua sudah hampir 6 bulan 15 hari Pakatan Harapan diberi mandat untuk menerajui Kerajaan Negeri Selangor. Seumpama sepasang pengantin baru masa untuk berbulan madu sudah berakhir.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sabak, Yang Berhormat Sabak kenapa pendek sangat berbulan madu itu 6 bulan sahaja.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Saya 2 minggu sahaja berbulan madu masa rumah tangga. Yang Berhormat Tuan Speaker sebab di potong saya lupa saya kena ingat balik. Seorang suami sudah mula harus bekerja keras untuk memastikan isteri dan anak-anaknya berada dalam keadaan kehidupan yang sempurna. Janji-janji manis sang suami semasa memujuk supaya isteri sudi menjadi isterinya mesti satu demi satu itu ditunaikan. Isteri akan menjadi lebih sayang dan cinta kepada suami. Tetapi jika sebaliknya janji-janji manis semasa belum berkahwin tidak dilaksanakan maka sedikit demi sedikit cinta isteri kepada suami akan berkurangan dan mungkin cintanya beralih kepada yang lain. Begitu juga Menteri Besar, Barisan EXCO dan juga Ahli Yang Berhormat Pakatan Harapan sekiranya kita tidak dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat Selangor dan janji-janji manis kita hanya di bibir sahaja tidak mustahil cinta dan kasih rakyat Selangor beralih kepada pembangkang yang sedang mengintai untuk mencuri cinta dan sayang rakyat negeri Selangor. Saya harap ini tidak menjadi kenyataan.

Tahniah Dato' Menteri Besar kerana bajet yang dibentangkan saya yakin rakyat Selangor akan terus sayang dan cinta kepada Pakatan Harapan tetapi mana mungkin ada yang sempurna yang sepenuhnya. Ada sedikit di mana di sana sini kekurangan yang ditampung oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Harapan supaya bajet ini menjadi yang terbaik dan menjadi disayangi oleh rakyat Selangor.

Yang pertama saya nak menyebut tentang penjajaran air percuma. Walaupun jumlah air percuma Cuma dinaikkan daripada 20 meter padu kepada 25 meter padu tetapi bilangan yang melebihi semakin berkurangan. Hanya golongan B40 ini tidak baik untuk undi calon-calon Pakatan Harapan kerana makin ramai yang menerima makin ramai lah yang mengundi kita. Jadi saya mencadangkan supaya 20 meter padu itu dikurangkan kepada 15 meter padu jadi lebih ramai rakyat Selangor yang akan menerima air percuma dan lebih ramai yang akan mengundi Pakatan Harapan dan akan lama lagi Barisan Nasional

merampas Kerajaan Negeri Selangor. Itu cadangan saya biar dikurangkan 15 meter padu tetapi yang menerima lebih ramai jika dibandingkan kita naikkan logo 5 meter padu hanya untuk B40. Saya nampak Tuan Speaker senyum tanda setuju. Mudah-mudahan Dato' Menteri Besar juga akan setuju cadangan saya.

Dalam belanjawan yang lepas dalam Persidangan DUN yang lepas tersebut Sabak Bernam menangis tetapi kali ini Sabak Bernam senyum kerana pesawah-pesawah padi yang selama ini menanam padi di tanah yang gersang. Sudah mula menampak gersang itu dipulihkan oleh Kerajaan Negeri Selangor khususnya EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini lebih 300 ekar tanah sawah di DUN Sabak di belanjawan bagi Tahun 2019 sebanyak 319 hektar tanah sawah di Sabak Bernam akan dipulihkan. Mudah-mudahan tanah itu menjadikan anak dara yang subur akan melahirkan zuriat yang ramai dan akhirnya tanah sawah itu nanti selepas subur maka hasil tanaman padi akan meningkat daripada 6 tan kepada 12 tan dapat memenangi kehebatan sawah padi di DUN Tuan Speaker.

Yang amat menarik sekali untuk menambah hasil petani maka pertanian yang mempunyai hasil yang tinggi seperti Golden Melon dan juga nanas MD2 diperkenalkan. Saya berterima kasih kerana Sabak Bernam di pilih sebagai antara yang menjadi Pilot Project untuk tanaman Nanas MD2 yang harganya cukup mahal. Meru jangan cemburu sebab EXCO Pertanian rakan baik saya sebab itu dia memilih Sabak Bernam lebih daripada DUN-DUN yang lain. Mudah-mudahan walaupun harga sawit meredung padi tidak menjadi kelapa tidak laku bukan tidak laku tetapi mungkin terlalu banyak kelapa menyebabkan kelapa ini di rasakan melampau banyak lambatkan sehinggakan di Sabak Bernam satu towkay Cina itu kelapa yang tidak laku dan lambatkan mengunung lebih kurang 2 juta biji ini bukan cobaan, ini betul-betul kejadian. Saya ulangi, 2 juta lambakkan biji kelapa oleh seorang tauke di Panchang Bedena tidak dapat dipasarkan. Jadi saya minta kepada Exco Pertanian bisik-bisiklah kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, tolong kurangkan import kelapa daripada Negara jiran, kalau boleh ditutup sekali. Tak payah import. Jangan kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan. Mohon sangatlah kepada Exco Pertanian bisik kepada Menteri Pertanian, kalau boleh kurangkan import kelapa. Yang kaya penanam Indonesia, yang melarat penanam kelapa di Sabak Bernam dan juga di Bagan Datok.

Seterusnya saya merujuk kepada hadiah IPT, sangat menggembirakan. Kerana selama ini hadiah IPT hanya untuk anak-anak B40, yang berpendapatan di bawah RM3,000.00 tapi yang saya nampak, kalau tak silap saya, untuk hadiah IPT yang akan datang ini, semua mereka yang masuk ke universiti, yang mendapatkan pendidikan di peringkat Diploma. Ini baik. Ini baik. Kerana anak-anak muda ini bakal pimpinan akan datang. Dan anak-anak muda ini bakal menerajui negeri dan Negara. Dan yang penting, anak-anak muda ini bakal mengundi ketika berusia 18 tahun pada PRU yang ke 15. Itu untuk anak-anak yang berjaya masuk IPT. Kita lihat pula bagaimana dengan anak-anak yang tidak dapat masuk IPT. Apa insentif yang kita bagi. Saya harap ada insentif untuk anak-anak

yang gagal masuk IPT, supaya diberi insentif untuk mereka menceburi bidang perikanan, menceburi bidang pertanian, menceburi bidang keusahawanan dan menceburi bidang kemahiran. Selepas mereka menghabiskan ilmu yang mereka perolehi, saya harap HIJRAH, jangan hanya memberi pinjaman kepada mereka yang sudah ada perniagaan. Yang sudah ada projek pertanian. Tolonglah tengok-tengok mereka yang tidak ada apa-apa lagi perusahaan, yang baru nak mula. Bila pergi HIJRAH, saya nak pinjam buat perniagaan, saya nak pinjam buat pertanian, ditanya, di mana perniagaannya, di mana pertaniannya. Sedangkan mereka anak muda yang bersemangat menceburi pertanian. Jadi cuba dilihat kepada mereka yang bersemangat dan ada ilmu, walaupun belum ada asas perniagaannya. Diberi juga pinjaman HIJRAH. Supaya merah itu boleh bertukar menjadi hijau untuk saya bercakap lebih panjang. Tapi rasanya tak boleh.

Minta satu lagi, berkaitan dengan kesihatan. Saya dapati bahawa terlampau ramai yang memerlukan rawatan dialisis khususnya di tempat saya, Sabak Bernam. Sehingga orang Sabak Bernam terpaksa menerima dialisis di Kelang dan juga sampai di Perak, di Manjung dengan kos yang agak tinggi. Jadi saya mohon supaya disediakan pusat-pusat dialisis percuma yang lebih banyak. Khususnya di kawasan luar Bandar. Dan peruntukan diberikan sebanyak RM5 juta, tidak mencukupi. Saya harap untuk kesihatan ini ditambah kepada tujuh ataupun lapan juta, khususnya untuk rawatan dialisis. Kena kesian. Sampai ada yang jumpa saya, "YB, sepatutnya saya dapat rawatan dialisis tiga kali seminggu, tapi oleh kerana saya tak ada duit, kosnya RM300 lebih sekali rawatan, maka hanya pergi dua kali. Kadangkala saya pergi, hanya sekali". Datang muka bengkok-bengkok depan YB. YB nak cakap apa. YB cakap di Dewan DUN. Minta kepada Menteri Besar, supaya disediakan lebih banyak pusat dialisis khususnya di luar bandar. Dan untuk akhirnya, sebab sebelum saya diberi amaran oleh Tuan Speaker, lebih baik saya berhenti. Untuk akhirnya, walaupun Ketua Pembangkang handsome, walaupun Ketua Pembangkang tinggi, sado, putih, saya ini hitam, montel, katik dan tidak berapa handsome, tapi percayalah jika saya memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan kerajaan menunaikan janji-janji manisnya, cinta dan sayang rakyat Sabak Bernam akan jatuh kepada saya yang tidak handsome, berbanding Ketua Pembangkang yang handsome. (TEPUK). Dengan ini, saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar. Terima kasih. (TEPUK)

TUAN SPEAKER : Siapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak menyertai perbahasan. Kalau tidak, saya akan minta pihak Kerajaan. Mana lagi. Saya beri peluang seluasnya kepada Ahli Yang Berhormat untuk menyertai perbahasan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Rebutlah peluang keemasan ini untuk memberikan pandangan, idea, perbahasan yang bernas. Seluruhnya merangkumi semua lah. Saya minta Yang Berhormat handsome daripada Pelabuan Kelang.

YB. TUAN AZMIZAM BIN ZAMANHURI : (gelak) itu yang tak boleh nak cakap tu. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh. Dan salam

sejahtera serta salam Malaysia Baru. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Selangor tahun 2019. Pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Dato' Menteri Besar di atas pembentangan bajet yang bertajukkan, Merencanakan Ekonomi Memberdayakan Rakyat dan Mensejahterakan Negeri. Pada 23 November yang lalu, semalam, Dato' Menteri Besar, membentangkan 9 gugusan utama, bagi memastikan negeri ini terus melangkah ke hadapan dalam bidang ekonomi, sosial dan alam sekitar. Di dalam 9 gugusan utama itu, rakyat Pelabuhan Klang, tentunya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana gugusan industri sokongan pelabuhan dan maritim melibatkan Pelabuhan Klang, Pulau Indah dan Telok Gong. Pertama sekali, saya bagi pihak rakyat DUN Pelabuhan Kelang terutamanya penduduk-penduduk di dalam kawasan Telok Gong ingin mengucapkan berbilang terima kepada negeri Selangor kerana telah memberikan kelulusan sebanyak Rm10 juta untuk menaik taraf jalan negeri B148, Jalan Telok Gong yang akan dibuat secara berperingkat-peringkat bermula dari persimpangan Glenmarie sehingga ke persimpangan Jalan Ikan Tenggiri. Sememangnya ini adalah amat dinanti-nantikan sekian lama oleh penduduk-penduduk Telok Gong yang setiap hari terpaksa berdepan dengan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak. Kerana hanya ini sahaja jalan keluar masuk yang ada di dalam kawasan Telok Gong. Walau bagaimanapun, saya amat berharap kepada agensi-agensi teknikal, seperti Majlis Perbandaran Klang, Jabatan Kerja Raya dan juga Pejabat Daerah. Semasa projek ini akan dijalankan, perlulah dikenal pasti satu laluan alternatif untuk digunakan oleh penduduk-penduduk Jalan Telok Gong, kerana berdasarkan pengalaman saya, dan saya rasa pengalaman ADUN Sungai Kandis di mana sekarang ini pelebaran Jalan Kebun sedang dilaksanakan. Terdapat kesesakan yang teruk semasa projek ini dijalankan. Kerana tiada laluan alternatif yang lain, yang boleh digunakan oleh penduduk sewaktu kerja-kerja ini dijalankan. Saya berharap sangat-sangat supaya ada satu laluan alternatif secara sementara, di adakan semasa projek ini dijalankan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak, semasa ia dijalankan. Jadi dalam masa yang sama juga, saya ingin mengucapkan juga berbilang-banyak terima kasih kepada pihak kerajaan negeri Selangor, kerana telah menjalankan projek penggantian paip air di dalam kawasan Kampung Telok Gong di mana sepanjang 6 km paip air yang baru telah dipasang dan sekarang ini sedang dijalankan bagi memastikan masalah gangguan bekalan air terutama tekanan air yang rendah sekarang ini sehingga menjejaskan urusan seharian penduduk-penduduk di dalam kawasan Telok Gong. Dan dengan projek penggantian paip air ini, diharapkan masalah tekanan air rendah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung Telok Gong akan dapat diselesaikan.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, Ahli Yang Berhormat sekalian, Tuan Speaker, di dalam kita ingin merencanakan ekonomi, memberdayakan rakyat dan mensejahterakan negeri Selangor, suka saya ingatkan di sini, seperti persidangan yang lepas, masalah utama di dalam kawasan DUN Pelabuhan Kelang adalah masalah infrastruktur terutama masalah jalan-jalan yang sangat banyak di dapati berlubang dan berlokap. Dan yang paling menakutkan ialah kita terpaksa berkongsi dengan kenderaan-kenderaan berat tetapi pada

waktu malam, hampir ke semua jalan-jalan utama di dalam kawasan Pelabuhan Kelang in, lampu-lampunya tidak menyala. Malah ada juga kawasan-kawasan simpang, lampu-lampu isyaratnya juga tidak berfungsi dengan baik. Dan saya harap perkara ini hendaklah diatasi dengan segera kerana kita semua sedia maklum, perbincangan saya terutamanya dengan pihak JKR, mendapati ia adalah masalah vandalisme yang perlu diatasi. Apa pun alasannya, ia sukar untuk diterima oleh rakyat di dalam kawasan DUN Pelabuhan Kelang kerana seperti yang kita semua sedia maklum, Pelabuhan Kelang merupakan ketiga belas terbesar di dunia, tetapi masalah infrastruktur terutama jalan-jalan utama sehingga hari ini masih lagi belum berjaya di atasi.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Pelabuhan Kelang ada pencerahan daripada Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya kongsi pengalaman dengan Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang, begitu juga dari Meru. Saya sebenarnya rasa bahawa JPJ, walaupun JKR memikul tanggungjawab yang berat untuk memastikan jalan-jalan di bawah penyelenggaraan mereka sama ada jalan negeri ataupun persekutuan berada dalam keadaan yang baik. Baik dari segi kualiti jalan dan juga baik dari segi aspek keselamatan. Tapi apa pun sekali, apa pihak yang harus memikul tanggungjawab yang lebih berat ialah JPJ. Kerana JPJ yang mengawal mengawal selia perihal pengangkutan-pengangkutan berat ini, dan saya menyarankan walaupun JPJ tidak diletakkan di bawah kerajaan negeri Selangor tapi Yang Berhormat Pandan Indah sekiranya boleh, perlulah *initiate discussion* dengan pihak JPJ, untuk memastikan, kalau sekiranya kerajaan negeri Selangor ada sistem e-poket, saya rasa boleh digunakan untuk menolong, maka apa salahnya kalau JPJ cuba menggunakan cara yang sama dan memastikan pemantauan dibuat dengan lebih rapi. Kita tidak boleh memantau, kita tidak pasang cctv di semua jalan di Selangor, jadi kita perlukan teknologi seperti ini untuk memastikan pemantauan yang lebih rapi boleh dilakukan bukan sahaja JPJ tetapi oleh PBT, oleh JKR dan sebagainya. Jadi itulah cadangan saya. Apa pendapat Yang Berhormat.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMANHURI : Saya bersetuju. Terima kepada Yang Berhormat Banting kerana memberikan pencerahan dan juga idea untuk kita mengatasi masalah yang saya kira sangat kritikal di kawasan-kawasan seperti di Pelabuhan Kelang, Meru, Sementa, Selat Kelang. Di mana hampir setiap hari, kita akan mendapat laporan terdapat banyak kemalangan-kemalangan berlaku yang melibatkan kenderaan kecil dan juga kenderaan berat. Kerana suka atau tidak, kita terpaksa menggunakan jalan raya tersebut berkongsi dengan jalan-jalan, berkongsi kenderaan berat, kerana itu adalah jalan yang menghubungkan pelabuhan-pelabuhan, North Port, South Port dan juga West Porth. Jadi saya harap cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Banting itu juga boleh diterima oleh kerajaan negeri bagi dibawa untuk berbincang dengan pihak kerajaan persekutuan bagaimanakah yang perlu di ambil. Dalam masa yang sama juga, ingin saya tekankan di sini tentang cadangan supaya diadakan jawatankuasa Infrastruktur bagi peringkat negeri Selangor, sebab kali ini kalau kita sebagai ADUN, bila kita buat laporan

ataupun aduan kepada pihak JKR, mereka akan mengatakan bahawa ini bukan jalan JKR, ini adalah jalan MPK. Bila kita buat aduan kepada MPK, ini bukan jalan JKR, ini adalah MPK. Akhirnya jalan tersebut sapa pun tak buat, sebab kita tidak tahu sebenarnya jalan ini kepunyaan sapa. Ada banyak contoh di kawasan di Pelabuhan Klang yang jalan-jalannya tidak diselenggarakan. Saya ambil contoh salah satu kawasan yang sebelum ini sangat terkenal menjadi isu Politik iaitu Port Klang Free Zone (PKFZ) kalau tuan-tuan Yang Berhormat pergi ke kawasan ini boleh lihat jalannya sangat teruk dan sangat berlubang serta membahayakan pengguna-pengguna jalan raya di kawasan tersebut. Dah banyak kejadian-kejadian kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal sehingga terdapat yang meninggal pun di tempat kejadian. Dan saya harap sangat-sangat masalah ini segera di atasi inventori perlu dilakukan segera bagi mengenal pasti siapakah yang bertanggungjawab bagi setiap jalan raya-jalan raya baik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Pejabat Daerah siapa yang sepatutnya kena menyelenggarakan jalan-jalan tersebut. Dan harap masalah ini tidak akan berulang lagi pada masa akan datang. Ahli-ahli Yang Berhormat

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Pelabuhan Klang, ada pencelahan dari Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang yang Port Klang Free Zone (PKFZ) ini soalan untuk Pelabuhan Klang. Adakah jalan-jalan di PKFZ itu jalan persendirian ataupun jalan di bawah Kerajaan ataupun di bawah MPK?

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Sebab itu hari ini saya bertanya dalam dewan sebab sampai ke hari ini saya tiada jawapan sebab pihak PKFZ mengatakan ini jalan JKR tetapi kita tanya pihak JKR, jalan ini di bawah PKFZ, jadi siapa punya jalan ini? Sebab itu sehingga ke hari ini tidak ada penyelenggara dan pembaikan dibuat di jalan tersebut. Ini isu yang sekarang yang berbangkit di dalam kawasan. Semalam pun saya minta pihak West Port mengenal pasti sebenarnya siap ayang bertanggungjawab untuk menyelenggara jalan di sekitar kawasan PKFZ ini sebab kalau dulu kita boleh bagi tahu kepada penduduk jalan ini jalan Kerajaan Persekutuan sila rujuk dengan Kerajaan Persekutuan tetapi sekarang apabila kita telah mengambil alih kedua-dua Kerajaan Putrajaya dan Kerajaan Negeri maka kita mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah di dalam kawasan di kawasan PKFZ terutamanya. Jadi, sampai sekarang Yang Berhormat Bukit Lanjan saya masih belum ada jawapan siapa sebenarnya tuan punya jalan PKFZ ini. Jadi diharapkan pihak EXCO Infra mendapatkan jawapan daripada pihak berkenaan. Siapakah yang bertanggungjawab?

Jadi seterusnya tentang isu pendidikan di dalam kawasan Pelabuhan Klang terutama di kawasan Teluk Gong di dalam kawasan Kampung Teluk Gong mempunyai 4 buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan. Satu Sekolah Kebangsaan, sebuah Jenis

Kebangsaan Cina dan sekolah KAFA dan satu Sekolah Rendah Agama. Walau bagaimanapun Kampung Teluk Gong yang di mana murid sekolah rendah 1600 orang tidak mempunyai sekolah menengah dan sekolah menengah terpaksa ibu bapa menghantar keluar jauh keluar kawasan kampung Teluk Gong ini. Justeru saya mengharap memang bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri tapi dalam masa Kerajaan Negeri juga perlu menyediakan tapak bagi membina sekolah menengah yang akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan. Sebab saya telah berbincang dengan pihak Pendidikan Negeri tetapi masalahnya tiada tapak yang disediakan untuk membina sekolah menengah di dalam kawasan Teluk Gong ini. Saya amat berharap sangat-sangat masalah sekolah menengah di Teluk Gong ini sudah sekian lama menjadi rungutan ibu bapa di kawasan Teluk Gong dapat diselesaikan pada masa akan datang. Dan sekolah-sekolah seperti Sekolah Menengah Perempuan Raja Zarina , Sekolah Tengku Ampuan Jemaah, Guru-guru Besar nya ada bercakap dengan saya murid-murid yang daripada Kampung Teluk Gong datang lambat ke sekolah. sebab ada juga masalah pengangkutan awam Kampung Teluk Gong untuk keluar ke kawasan bandar. Jadi saya harapkan supaya Kerajaan Negeri segera mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dibina sekolah menengah di dalam kawasan Teluk Gong.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Mohon menceleh.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ada penjelasan/permohonan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pelabuhan Klang, saya kira Pelabuhan Klang rajin melawat banyak sekolah. Berikut pemerhatian Pelabuhan Klang, apakah selain masalah jalan, masalah infrastruktur dan bermacam-macam jenis, apakah masalah yang paling kritikal yang dihadapi oleh semua sekolah, semua aliran di kawasan Teluk Gong yang sekiranya masalah ini sama berlaku di semua sekolah dan berlaku di kawasan DUN Banting juga. Adakah Yang Berhormat ada buat siasatan dalam bidang ini?

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Masalah yang utama ialah masalah pengangkutan di mana sekarang ini kalau murid-murid hendak ke sekolah memerlukan pengangkutan dengan kos ekonomi sekarang ini yang semakin kritikal yang mana ramai ibu bapa yang tidak mampu untuk menghantar anaknya jauh luar daripada Kampung Teluk Gong sebab terpaksa membayar tambah bas sekolah yang mahal. Sebab itu perlukan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya rasa *point* ini sangat penting sekali Tuan Speaker. Saya baru saja dibangkit dalam perbahasan saya di mana Kerajaan Negeri mewujudkan perkhidmatan bas Selangorku di kawasan saya di kawasan Jenjarum yang juga menghadapi masalah yang sama. Saya mohon supaya

EXCO yang menguruskan perkara ini supaya memberi perhatian yang khusus memandangkan sekarang bukan sahaja di Banting/Pelabuhan Klang. Saya rasa ia juga diperlukan di tempat Sementa, Meru, merata-rata tempat. Saya kira sekiranya boleh saya mohon diwujudkan laluan-laluan bas ini untuk mengurangkan beban khususnya golongan....

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Terima kasih Yang Berhormat Banting, sebenarnya memang ada dalam senarai saya ini *point* memang nak minta perkhidmatan bas Smart Selangor untuk memberikan perkhidmatan di kawasan-kawasan seperti Kampung Teluk Gong dan juga Pulau Indah khususnya untuk anak-anak kita pergi ke sekolah menengah yang jauh daripada kawasan Kampung Pulau Indah dan juga Kampung Teluk Gong. Ya, Yang Berhormat Bukit Lanjan

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, saya juga ingin memohon penjelasan Pelabuhan Klang selain menggunakan perkhidmatan bas seperti bas Selangorku mungkin ke MPK ataupun kerjasama Kerajaan Negeri satu laluan basikal di bina supaya murid-murid sekolah boleh ke sekolah dengan menaiki basikal tersebut?

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Yang Berhormat Bukit Lanjan sila datang ke kawasan Pelabuhan Klang, saya rasa sekarang memang sangat tidak sesuai anak-anak murid kita yang bersekolah keluar dari Teluk Gong dan Pulau Indah menaiki basikal. Sebab dalam kawasan Pelabuhan Klang terlalu banyak kenderaan berat menggunakan jalan raya. Hari Ahad yang lepas satu baru ada kes basikal lajak oleh kenderaan berat.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tetapi bila kita, dengan izin Tuan Speaker dan juga Pelabuhan Klang. Bila kita membina satu laluan basikal semua aspek-aspek keselamatan harus diambilkira. Kita bukan sahaja cat laluan jalan kalau begitu apa jua kenderaan yang ada jalan raya tersebut pasti akan terlanggar. Jadi untuk Kerajaan Negeri dan saya ingin tekankan untuk adakan laluan basikal ia mesti ada aspek-aspek keselamatan sebagai contohnya dengan izin ada *curve* dan juga satu laluan yang cukup besar. Saya lihat laluan basikal yang baru, saya rasa baru dicat di Bangunan SUK. Jika kita masuk melalui kereta ke SUK untuk menghadiri dewan yang mulia ini kita lihat ada satu *line* ataupun satu garis biru tapi sangat sempit. Kalau saya hendak berbasikal katakan dengan bersama Taman Medan, dua basikal tidak boleh muat. Maksudnya ia tidak selamat. Jadi, tapi ini ada satu perkara di mana kita mungkin boleh lihat dari segi peranan kenderaan termasuk bas di atas jalan raya dan macam mana boleh membuat jalan raya di Selangor lebih selamat untuk semua. Bukan sahaja jalan raya tidak sepatutnya hanya untuk bas, untuk lori dan kereta ataupun motosikal tetapi juga untuk orang yang suka berbasikal.

YB TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan satu idea dan cadangan yang baik tapi sebelum kita membina jalan khas untuk laluan basikal ada baik selesaikan dahulu masalah Infrastruktur jalan-jalan yang masih lagi belum

selamat untuk kenderaan-kenderaan ringan seperti motosikal. Masalah kenderaan berat yang menggunakan jalan di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang. Saya rasa itu satu idea yang baik dan kita hendak ambil contoh jika dari Kampung Teluk Gong untuk keluar ke sekolah menengah hampir 15 kilometer, kalau basikal ini kira jauh juga lah untuk anak-anak kita menggunakan basikal. Cuma yang saya nampak jalan penyelesaian jalan jangka masa panjang perlu sekolah menengah di kawasan Kampung Teluk Gong tetapi dalam masa yang sama untuk jangka masa pendek ini demi mengurangkan kos ibu bapa yang terpaksa menghantar anak-anaknya keluar sekolah daripada ke kawasan Teluk Gong perlu ada perkhidmatan seperti bas Smart Selangorku memberi perkhidmatan percuma kepada pengguna-pengguna di dalam

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat. Silakan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya bukan berniat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini cuma mengingatkan Yang Berhormat Banting dan Yang Berhormat Pelabuhan Klang membangkitkan bas Smart Selangorku untuk pelajar-pelajar maka terpanggil untuk berikan pencerahan masalah-masalah utama apabila kita mengadakan perkhidmatan bas percuma ini agak untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Jadi itu satu objektif sebaik itu kita menggabungkan memastikan laluan bas Smart Selangor melalui kawasan sekolah, kawasan perumahan yang padat, kawasan pangsapuri, kawasan kerajaan dan pusat membeli belah menggalakkan orang ramai menggunakan bas daripada menggunakan kenderaan sendiri. Jadi dengan itu dapat mengurangkan bilangan kenderaan persendirian di atas jalan. Masalahnya bukan membantu pelajar-pelajar ini. Jika kalau sebab, kalau kita menyediakan bas percuma ini untuk bas sekolah sahaja maka apa yang akan berlaku adalah cuma pagi bila pergi sekolah bas itu jalan ada pelajar, lepas tu bas itu akan kosong. Tunggulah bila balik sekolah baru ada bas. Jadi dari segi kosnya memang tidak berbaloi kerana kita kena bayar RM800.00 setiap bas setiap hari. Jadi bukan caranya. Jadi sudah tentu itu satu usul yang baik yang dibuat Majlis Perbandaran Petaling Jaya di mana di waktu pagi, waktu tertentu memang mereka mengubah laluan tersebut supaya pergi sekolah lepas itu baru balik. Tetapi bukan semua kawasan boleh berbuat demikian, hanya di Petaling Jaya penduduk padat tetapi di Telok Gong tidak mungkin kita sediakan bas khusus untuk membawa pelajar itu. Termasuk di kawasan Banting, kawasan Banting penduduk tidak ramai kalau kita bawa dalam dewan ini pengundi kita suka tetapi dari segi akauntabilitinya tidak sesuai. Mungkin kita minta pandangan Yang Berhormat sekalian mencadangkan bas sekolah percuma, mungkin itu caranya atau mungkin ada mekanisme tertentu tapi kalau campur aduk dengan bas Smart Selangor yang sedia ada itu ia akan menggagalkan matlamat kita untuk menyelesaikan masalah lalu lintas satu dan menggalakkan untuk menggunakan kenderaan awam itu pandangan daripada Kerajaan dan minta sebenarnya amat berjaya setakat ini seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat, *reader ship* 25 Juta jadi itu satu pencarian yang cukup baik. Kita telah

berjaya menggalakkan budaya untuk menaik atau menggunakan kenderaan awam. Jadi, itu saya membuat pencerahan ini supaya nanti tidak lagi banyak hujah tentang menggunakan Bas Smart Selangor untuk membawa pelajar-pelajar. Kalau membawa pelajar sahaja akan menggagalkan objektif yang kita tetapkan sebelum ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat EXCO Bandar Baru Klang yang telah memberikan pencerahan tentang penggunaan Bas Smart Selangor. Kita faham tentang Bas Smart Selangor ini dicadangkan memang bagi untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di dalam bandar dan untuk menggalakkan budaya supaya rakyat menggunakan perkhidmatan awam. Cuma kita hendak minta tolong sahaja kalau boleh diberikan lencongan laluan pada waktu puncak ataupun waktu sekolah sahaja supaya Bas Smart Selangor ini diberikan kelonggaran untuk digunakan oleh anak-anak kita bagi pergi ke destinasi sekolah masing-masing daripada tempat masing-masing dan itu sahaja dan itu bukanlah sepanjang hari Yang Berhormat, untuk anak-anak kita menggunakannya cuma pada waktu pagi dan pada waktu petang sahaja. Kalau bolehlah kalau tidak boleh tidak mengapa. Tapi kalau boleh dipertimbangkan amatlah kita berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor dan seperti yang Yang Berhormat Sementa tadi bangkitkan tentang peruntukan bagi sekolah-sekolah kebangsaan dan juga sekolah-sekolah menengah ya, selepas sahaja kita menang di Negeri Selangor 9 Mei 2018 dan dalam masa yang sama kita berjaya mengambil alih Putrajaya memang kita banyak menerima jemputan daripada sekolah-sekolah kebangsaan dan juga sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan saya di sini ingin mencadangkan kepada Dewan supaya kita adakan satu peruntukan khas sumbangan infrastruktur sama juga seperti kita memberikan sumbangan infrastruktur kepada KAFA, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Mubaligh supaya kita berikan juga sumbangan peruntukan infrastruktur kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan juga sekolah-sekolah menengah kebangsaan sebab kalau semuanya datang kepada pejabat ADUN saya rasa tidak mungkin pejabat ADUN mampu untuk memberikan sumbangan kepada sekolah-sekolah ini tanpa tambahan peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Apa pandangan Yang Berhormat Pelabuhan Klang, tanggungjawab itu adalah tanggungjawab kementerian. Sekiranya bajetnya dikemaskan, bajetnya teliti maknanya dari semasa ke semasa akan cukup segala keperluan jadi tidak perlu lagi. Daripada kita buat penyelesaian di peringkat negeri, DUN baik kita membuat penyelesaian peringkat *federal*. Apa pandangan?

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Tuan Speaker, minta izin.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Tadi kita mungkin bangkitkan soal kebajikan ya, kementerian tapi kita mungkin boleh lihat pandangan untuk Pelabuhan Klang tentang kebajikan rakyat Selangor yang bekerja di bawah Kerajaan Negeri Selangor sendiri contohnya macam guru-guru KAFA itu, mungkin boleh dicadangkan untuk mereka diserapkan sebagai jawatan tetap sebab mana kita lihat pada mereka ini kontrak kalau ikut Kerajaan Persekutuan pun sudah menuju ke arah itu dan saya difahamkan Kerajaan Negeri Perak juga telah ada usaha untuk meletakkan guru KAFA ini sebagai berjawatan tetap. Mungkin di Selangor juga sepatutnya buat sebab kita lebih maju, lebih hebat daripada Kerajaan Negeri Perak lagi. Mungkin boleh diulaskan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Meru dan terima kasih kepada...ok, Tuan Speaker sebenarnya bantuan infrastruktur sekolah ini bukanlah banyak sangat kalau kita hendak sumbangkan pun kepada sekolah-sekolah di bawah kementerian sebab kalau kita pergi sekarang pun kementerian pun kita lihat seperti tidak mampu untuk memberikan dan menyelesaikan masalah infrastruktur di sekolah-sekolah yang sedia ada sekarang, sudah terlampau banyak sangat macam saya ada Sekolah Kebangsaan Pulau Indah, kalau lihat bangunan lama yang dibina daripada tahun 70an sehingga sekarang ini kalau kita tengok, kalau Yang Berhormat Speaker pergi pun sekolah tersebut, kalau melawat kita pun tidak sangka ada lagi sekolah-sekolah yang masih daif di dalam kawasan Negeri Selangor seperti Pelabuhan Klang di mana banyak struktur-struktur bangunannya telah dimakan anai-anai dan ianya tidak boleh diselesaikan. Baru ini ada sebuah kelas di mana bumbungnya jatuh dengan sendiri disebabkan masalah anai-anai dan pihak sekolah telah beberapa kali memohon daripada pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah tetapi tidak berjaya mendapatkan peruntukan daripada pihak kementerian cuma kalau kita sebagai kerajaan yang prihatin di Selangor kita boleh berikan sumbangan peruntukan infrastruktur kepada sekolah-sekolah yang sedia ada yang dah kita lakukan selama ini apalah salahnya kalau kita boleh tambahkan sedikit peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk kita berikan dan salurkan peruntukan sumbangan infrastruktur ini kepada pihak sekolah.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya mohon.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, ada pencerahan daripada....

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ok. Boleh.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Tuan Speaker, saya sebenarnya bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Pelabuhan Klang berkenaan dengan sekolah-sekolah kebangsaan dan juga sekolah-sekolah menengah. Yang kita tahu sejak lima enam tahun dahulu dia agak sukar untuk diselenggara dengan baik oleh Kerajaan Pusat. Sewaktu itu masih kita lagi Kerajaan Pusat ini tidak bersama dengan kita dan kerana itu sebahagian daripada sekolah-sekolah ini dianaktirikan kerana ia terletak di

Selangor. Jadi, memang banyak keluhan daripada PIBG, daripada Guru Besar itu sendiri bukan sahaja di Pelabuhan Klang tetapi di Kuang juga dia datang dan minta supaya kita menyumbang untuk pembaikan bumbung, paip, meter, tangki air dan sebagainya terutama laluan-laluan yang dipanggil susur gajah untuk yang berbumbung untuk keluar masuk murid-murid sekolah. Tapi saya pun nak *highlight* juga satu perkara di Bandar Tasek Puteri ini adalah sebahagian daripada Kuang tetapi sekolahnya tidak mencukupi. Kita cuma ada dua sekolah kebangsaan dan satu sekolah menengah. Dan sekolah menengah itu sudah mencapai tahap yang maksimumlah. Ada lebih kurang 2600 *student* dan dia memang susah, memang agak sukar untuk menampung murid yang sebesar itu. Jadi, itulah saya mohon juga pada Kerajaan Negeri supaya saranan daripada Pelabuhan Klang ini supaya dapat kita ambil perhatian dan sedikit daripada peruntukan itu mungkin boleh diberikan kepada sekolah-sekolah yang kritikal untuk kita perbaiki dan selenggara. Terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ok. Terima kasih Kuang kerana menyokong cadangan saya dan saya berharap sangat-sangatlah pihak Kerajaan Negeri untuk prihatin terhadap isu permasalahan sekolah yang ada di dalam Negeri Selangor ini seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Kuang sebelum ini mereka semua dianaktirikan kerana berada di dalam Negeri Selangor dan kalau sudah setiap tahun tidak diselenggarakan dengan baik sebab itulah masalah yang ada di sekolah-sekolah yang sedia ada sekarang ini semakin banyak dan semakin besar masalahnya. Jadi, kita di sini sebagai kerajaan yang prihatin perlulah memberikan perhatian kepada sekolah-sekolah ini juga sebab inilah tempat anak-anak kita hendak dididik.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, ada cerahan yang terakhir daripada Sementa.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ada lagi? Ok.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker untuk tambahan kepada bantuan untuk sekolah-sekolah menengah dan sekolah rendah, dan sekolah kebangsaan. Oleh kerana Kerajaan Negeri mungkin sudah tidak ada mungkin tidak menyediakan bajet untuk perkara tersebut namun dalam Bajet 2019 saya lihat dibajetkan sebanyak RM24 juta untuk sumbangan kepada sekolah-sekolah yang disebut tadi. Jadi, mungkin Sementa ingin mencadangkan agar RM24 juta ini boleh diagihkan kepada sekolah-sekolah yang amat memerlukan ini kerana apa yang saya lihat kebanyakan sekolah-sekolah, Sekolah Kebangsaan SJK (C), Sekolah Tamil, sekolah agama banyak yang telah pun memohon berkali-kali setiap tahun dengan bajet yang diberikan oleh Kerajaan Negeri jadi mungkin kali ini kita boleh larikan sedikit bajet tersebut untuk kita bantu sekolah-sekolah kebangsaan ini dan juga sekolah menengah. Terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Sementa. Saya pun bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sementa. Jadi, Yang Berhormat Speaker, belum habis lagi ya, Yang Berhormat Speaker.

TUAN SPEAKER : Ada lagi *point* ke?

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ada, ada lagi.

TUAN SPEAKER : Oleh sebab kerana handsome saya bagi sedikit masa lagi.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ada lagi, ada lagi. Ok, Yang Berhormat Speaker, sekiranya di DUN Pandamaran ada Kompleks Sukan Pandamaran, di DUN Sungai Tua pula kita bakal menyaksikan mempunyai litar lumba baharu jadi, apalah salahnya sekiranya Kerajaan Negeri bolehlah memperuntukkan sejumlah peruntukan kewangan untuk dibangunkan pula Pusat Komuniti dan Taman Linear Laguna Park, Pulau Indah, Pelabuhan Klang yang dilengkapi padang bola, perpustakaan digital, dewan serbaguna, pusat penjaja, kawasan hijau dan juga lain-lain kemudahan. Kemudahan berpusat ini bertujuan menyediakan prasarana kepada penduduk setempat khususnya kepada golongan belia bagi menggalakkan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti riadah yang lebih sihat. Pembangunan Taman Linear ini juga haruslah dilengkapi dengan stadium sukan air, kawasan riadah dan pusat perniagaan dan saya berharap sangat ianya dapat direalisasikan dan ianya bakal memberikan manfaat kepada golongan belia yang berada di dalam kawasan Pulau Indah. Jadi, Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin mencadangkan supaya pembangunan Kampung Tradisi Pulau Indah diberikan perhatian yang serius. Saya tidak mahu apa yang berlaku di dalam kawasan Telok Gong yang terjejas teruk di mana kawasannya bercampur-campur, ada kilang, ada rumah kampung dan ianya menjadikan satu kawasan yang sangat tidak sihat diduduki oleh penduduk-penduduk di dalam kawasan Telok Gong. Banyak pencemaran berlaku di sungai-sungai yang sebelum ini merupakan tempat mereka boleh meraih pendapatan melalui pekerjaan seperti menangkap ikan tapi sekarang ini ikan pun sudah tidak ada sebab sungai-sungainya tercemar sebab masalah di Telok Gong ini memang sudah lama dan ianya amat sukar untuk diatasi dan sebab itu pihak Majlis Perbandaran Klang terpaksa membuat plan semula kawasan Telok Gong ini bagi mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dibuat industri dan kawasan yang sesuai untuk dijadikan tempat kediaman tetapi ianya adalah satu proses yang sukar. Dan sekarang ini saya ada lagi sebuah kampung iaitu Kampung Tradisi Pulau Indah yang telah diwartakan oleh pihak Majlis Perbandaran Klang supaya ianya tidak menjadi seperti kawasan Telok Gong di mana tanah di dalam kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah ini merupakan tanah hanya untuk aktiviti pertanian dan juga kediaman tetapi apa yang berlaku sekarang ini Tuan Speaker, di mana telah mula terdapat aktiviti-aktiviti seperti pembukaan depoh-depoh lori kontena di dalam kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah dan telah banyak kali saya bangkitkan perkara ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk diambil tindakan. Selama dua tahun saya minta tindakan diambil terhadap mana-mana pihak

yang tidak bertanggungjawab melanggar peraturan dengan membuka depoh-depoh lori kontena di kawasan yang telah diwartakan sebagai tanah pertanian. Dan mereka tidak mendapat kebenaran merancang pun untuk membuka depoh-depoh lori kontena ini tetapi mereka tetap menjalankan operasi tersebut walaupun telah diberikan peringatan oleh pihak berkuasa tetapi operasi masih lagi berjalan seperti biasa sebab kampung tradisi semua seperti yang kita semua sedia maklum jalan-jalannya tidak boleh menampung had berat muatan kenderaan berat tetap....

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER : Tidak ada, tidak ada celah lagi. Bagi Yang Berhormat *landing*.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Tetapi apabila kenderaan-kenderaan berat seperti lori kontena ini menggunakan Jalan Persiaran Masjid Sultan yang panjang sampai 10 km, bila kenderaan berat ini menggunakan jalan tersebut yang kita tahu itu adalah jalan kampung menyebabkan banyak kerosakan jalan berlaku di mana rebak kiri dan kanan jalan sebab kenderaan, di mana jalan kampung ini tidak boleh menampung kapasiti lori kontena yang kita tahu beratnya boleh mencecah sehingga 60 tan, jadi mana mungkin jalan kampung ini boleh menampung kenderaan-kenderaan berat ini. Jadi, saya berharap sangat-sangat agensi-agensi penguatkuasaan, kalau perlu, pihak Majlis Perbandaran Klang, pihak Pejabat Daerah untuk mengadakan operasi bersepadu dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak SPAD untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Saya nak sangat sidang yang akan datang supaya semua depoh-depoh lori kontena yang haram ini, yang terletak di dalam kawasan kampung Pulau Indah ini sudah tiada. Sebab kalau kita tidak hentikan sekarang maka akan bertambah banyaklah pada masa akan datang kerana yang melanggar peraturan sekarang itupun kita tidak ambil tindakan maka akan lebih ramai lagi yang berani untuk melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Jadi, saya berharap sangat-sangat pihak kerajaan negeri memandang serius untuk kita untuk menjaga kampung tradisi Pulau Indah ini. Jadi, Tuan Speaker, cukup sampai di sini sahaja. Saya, Pelabuhan Klang menyokong belanjawan negeri Selangor 2019.

TUAN SPEAKER : Ya, Bukit Malawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : *Bismillahirrahmanirrahim.* Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2019 negeri Selangor. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Sg. Tua dan juga Dato' Pegawai Kewangan Negeri, seluruh pegawai dan kakitangan yang telah terlibat dalam pembentangan Belanjawan 2019 berjumlah RM2.56 bilion dengan perbelanjaan seimbang di antara peratusan belanja pembangunan dan belanja mengurus bagi 4 belanjawan berturut-turut. Tahniah saya ucapkan.

Tuan Speaker, saya menyambut baik cadangan pihak kerajaan negeri untuk memajukan dan melaksanakan program-program yang berkaitan dengan eko-sistem digital dan jalur lebar dengan menjurus kepada penyediaan infrastruktur fiber optik untuk membolehkan capaian internet yang lebih baik khususnya di daerah Kuala Selangor yang telah sekian lama dipandang sepi. Mengikut data daripada pihak Telekom Malaysia, daripada 62,220 jumlah isi rumah di daerah Kuala Selangor hanya sekitar 11% isi rumah sahaja yang mempunyai capaian internet jalur lebar iaitu antara daerah yang terendah capaian internet dalam negeri Selangor. Maka sudah tiba masanya penduduk di Kuala Selangor mendapat perhatian kerajaan negeri dari aspek ini apatah lagi daerah ini semakin pesat membangun dengan wujudnya institusi pengajian tinggi seperti Universiti Selangor (UNISEL) serta Kolej INPENS selain menjadi pusat pentadbiran kerajaan di Bandar Baru Kuala Selangor. Justeru itu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan negeri di atas inisiatif ini.

Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan negeri kerana akan menubuhkan Majlis Tindakan OKU Selangor yang akan menyelia pelaksanaan dasar OKU, membuat syor tentang perkara-perkara yang berhubung dengan OKU agar pembangunan dan kebajikan golongan OKU tidak dipinggirkan dan mendapat pembelaan sewajarnya. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan negeri dapat memberikan perhatian kepada aspek pendidikan anak-anak dalam kalangan OKU. Perlunya satu program biasiswa khas kepada anak-anak OKU yang cemerlang dalam bidang pendidikan terutamanya dalam kalangan keluarga yang berpendapatan rendah sebagai satu galakan dan membolehkan mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi demi masa depan mereka yang lebih cerah. Seperti mana pihak kerajaan negeri telah mewujudkan tabung sagongtasi bagi anak-anak cemerlang di kalangan orang asal, saya percaya satu tabung khusus juga boleh diwujudkan bagi tujuan yang sama untuk anak-anak cemerlang golongan OKU. Sesungguhnya, hanya dengan pendidikan yang baik dan sempurna mampu mengubah nasib seseorang manusia.

Seterusnya Tuan Speaker, saya juga ingin menyatakan sokongan terhadap usaha kerajaan negeri menaikkan peruntukan program agihan bantuan sekolah daripada RM22 juta kepada RM24 juta bagi tahun 2019 serta memperluaskan skop bantuan kepada sekolah jenis mubaligh dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Saya memohon pihak kerajaan negeri untuk melihat keperluan mendesak Sekolah Rendah Agama Batu 20 Jeram bagi membaikpulih pagar sekolah seperti yang telah dipohon sejak tahun 2015 kepada pihak Jabatan Agama Islam daerah Kuala Selangor dan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Hari ini, penting bagi memastikan keselamatan para pelajar dan harta benda pihak sekolah terpelihara selain mencegah aktiviti jenayah kecurian, ponteng sekolah dan lain-lain lagi.

Tuan Speaker, saya amat mengalu-alukan usaha kerajaan negeri untuk mengiktiraf Bukit Melawati sebagai tapak warisan Kebangsaan. Sesungguhnya Bukit Melawati yang kaya

dengan khazanah dan peninggalan sejarah Kesultanan Melayu amat wajar diiktiraf dengan kadar segera agar segala khazanah ini dipelihara dan terhindar daripada kerosakan mahupun vandalism. Selain daripada itu juga, Tuan Speaker, melalui Strategi Keempat Belanjawan iaitu melestarikan alam sekitar, saya memohon agar pihak kerajaan negeri dapat menyokong akan usaha pihak Persatuan Pencinta Alam Malaysia untuk menjadikan Taman Alam Kuala Selangor sebagai tapak Ramsar di bawah Konvensyen Ramsar dan perlindungan yang lebih baik untuk habitat dan hidupan liar di kawasan tersebut. Konvensyen Ramsar ini merupakan perjanjian antara negara pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan bagi usaha pemuliharaan dan penggunaan tanah lembap dan penghasilan alam secara mampan. Dengan pengiktirafan Taman Alam Kuala Selangor sebagai tapak Ramsar akan meningkatkan lagi komitmen kerajaan pusat dan kerajaan negeri dalam proses konservasi dan penggunaan sumber secara bijaksana sepertimana yang telah dihasratkan. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri agar lebih banyak papan-papan tanda pelancongan diwujudkan di kawasan-kawasan pelancongan khususnya di daerah Kuala Selangor yang kita telah kenalpasti sebanyak 26 lokasi pelancongan menarik di daerah Kuala Selangor. Inisiatif ini perlu bagi memudahkan pergerakan para pelancong dan menjadi kawasan yang mesra pelancong untuk menggalakkan mereka kembali ke destinasi pelancongan di negeri Selangor secara amnya.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan negeri untuk mempertimbangkan pewartaan 2 buah kampung tradisi yang baru dan majlis pengurusan komuniti kampung di bawah mukim Kuala Selangor iaitu Kampung Tanjung Keramat dan Kampung Teluk Piah. Hal ini telah saya bawakan ke mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan sekali lagi saya ingin membawa perhatian kerajaan negeri untuk pertimbangkan sewajarnya kerana penduduk kedua-dua kampung ini telah mencecah lebih daripada seribu orang. Hal ini juga penting kerana jumlah penduduk yang ramai ini memerlukan kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik seperti kemudahan balai raya dan surau bagi kegunaan orang ramai untuk beribadah secara berjemaah, menjalankan kuliah-kuliah agama serta aktiviti kemasyarakatan. Seperti di Kampung Tanjung Keramat bangunan balai raya telah wujud tetapi senantiasanya terdedah dengan aktiviti vandalism dan kecurian kerana tiadanya MPKK yang khusus bagi kampung tersebut. Maka ini menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri apabila pihak Pejabat Daerah terpaksa berkali-kali membuat pembaikan dan baikpulih namun tiada pengawasan khusus maka saya berharap agar usaha mewartakan 2 buah kampung tradisi yang baharu ini dapat direalisasikan.

Tuan Speaker, terdapatnya keperluan yang disuarakan oleh penduduk kampung untuk mewujudkan dewan orang ramai atau dewan masyarakat di setiap kampung namun saya memahami bahawa implikasi kewangan yang tinggi diperlukan bagi tujuan tersebut. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar pihak kerajaan negeri dapat memperuntukkan sebuah dewan orang ramai bagi tujuan aktiviti kemasyarakatan penduduk kampung yang semakin rancak dilaksanakan di peringkat kampung pada masa kini dengan mewujudkan

sebuah dewan bagi 2 atau 3 kampung yang berhampiran di sekitarnya. Bagi maksud yang sama, saya juga ingin memohon agar pihak .. memohon perhatian agar pihak kerajaan negeri untuk memperuntukkan sebuah balai raya di Kampung Asahan yang selama ini tidak dilengkapi dengan kemudahan balai raya. Kampung telah ada, Ketua Kampung juga ada tetapi balai raya tidak pernah wujud sejak kampung ini ada. Jadi, saya berharap agar pihak kerajaan negeri dapat memperhalusi isu ini demi kesejahteraan rakyat di Kampung Asahan secara keseluruhannya.

Saya juga ingin membangkitkan isu berkenaan laluan bas Smart Selangor yang baharu, pada ketika ini kita mempunyai 2 laluan di daerah Kuala Selangor. Dan saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan negeri dapat mempertimbangkan laluan baharu yang menghubungkan 2 pekan, iaitu dari Bandar Baru Kuala Selangor yang akan melalui Bukit Rotan ke pekan Ijok dan ke pekan Batang Berjantai. Laluan ini akan melalui beberapa buah sekolah, beberapa taman perumahan dan juga ke pekan bagi membolehkan pengurusan penduduk setempat khususnya daripada Ijok dan juga Kuala Selangor untuk menghubungkan pekan dan juga pusat pentadbiran di Bandar Baru Kuala Selangor dan ini mempunyai penduduk yang amat memerlukan kemudahan ini khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah yang kebanyakannya daripada kalangan penduduk di estet-estet dan ladang-ladang di kawasan Kuala Selangor.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan negeri di atas dasar-dasar yang memberdayakan serta mensejahterakan rakyat sesungguhnya saya yakin bahawa

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Mohon mencelah

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Hulu Kelang ada pencilahan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pencerahan yang saya perlukan adalah bagaimanakah pendekatan yang hendak dilaksanakan tersebut boleh dibuat? Pelaksanaan.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Pelaksanaan apa itu Yang Berhormat?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pelaksanaan kaedah mendekati masyarakat dengan program-program yang telah dirancang oleh kerajaan.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Saya percaya, sepertimana yang telah banyak disebutkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam dewan sebentar tadi bersama dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri akan dapat membantu Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk bersama-sama menyokong dan melaksanakan dasar-dasar

kerajaan negeri sedia ada untuk mencapai hasrat yang kita impikan untuk kesejahteraan seluruh rakyat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Isunya bukan menyokong sahaja. Isunya, kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri adalah untuk menyemak, menimbang cadangan-cadangan kerajaan, ini mesti ada, daripada mula tadi saya dengar Yang Berhormat menyatakan tahniah, terima kasih, sokong, itu bukan pandangan kita, pandangan kita, sebahagian memang menyokong diberikan peruntukan untuk menjayakan program tetapi kita mesti memainkan peranan yang lebih mengimbangi sebagai *check and balance*. Jadi, huraikan.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Ya, terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Saya bersetuju dengan pernyataan tersebut sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri kita bukan sahaja menyokong dasar-dasar tetapi juga perlu menjadi *check and balance* kepada pihak kerajaan. Banyak sebenarnya lagi dasar-dasar yang baik untuk rakyat tetapi khususnya pada Belanjawan kali ini setelah penjajaran semula untuk program-program IPR dilaksanakan kita terima banyak juga aduan dan juga rungutan daripada rakyat bahawa program-program berkebakikan yang baik ini wajar diteruskan tetapi kita di peringkat DUN, sebagai Ahli Dewan Negeri juga mempunyai

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat *landing*. Masa..*landing*.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Ya, ok, ok. Kita punya kesukaran untuk membuat penjelasan kepada rakyat di bawah kerana mereka telah menikmati manfaat yang baik, manfaat yang selama ini membantu meringankan beban rakyat tetapi terpaksa kita kaji semula bagi membolehkan polisi-polisi yang dilaksanakan itu memberikan pemberdayaan kepada mereka bukan hanya sebagai pemberian semata-mata. Jadi, sekali lagi, akhir kalam, saya yakin program-program yang telah dilaksanakan, penjajaran semula itu mampu memberi bantuan kepada golongan yang benar-benar memerlukan jadi dengan itu saya menyokong Belanjawan 2019 yang telah dibentangkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 6.00 petang dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan Rang Undang-Undang Pembekalan 2019

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum penangguhan saya nak minta laluan. Sikit sahaja.

TUAN SPEAKER : Tidak dibenarkan, esok untuk urusan ya.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Itu untuk urusan esok Tuan Speaker. Berkenaan dengan teguran Tuan Speaker tadi Yang Berhormat Tuan Speaker berkenaan

dengan etika berpakaian. Berkenaan dengan etika berpakaian yang mana

TUAN SPEAKER : Ya, saya tidak benarkan apa nak tegur esok ya, sekarang masa dah cukup. Sila duduk, sila duduk ya.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Peraturan Dewan

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 6.00 petang dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2019 sehingga hari esok 27 November 2018 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan Ditangguhkan Pada Jam 6.00 Petang)